



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Penghormatan kepada Almarhum Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj
[Ruangan 417]

Pengiktiratan Ketua Pembangkang:

Y.B. Tuan Llm Kit Siang (TanJong) [Ruangan 418]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 418)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DIBAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Ujian Khas Bahasa Malaysia—Y.B. Tuan Llm Guan Eng (Kota Melaka) [Ruangan 467]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 470]

USUL-USUL:

Ucapan Takzlah kepada Y.A. Bhg. Tun Shariffah Rodziah blntl Syed Alwi dan Keluarga atas Kembalinya ke Rahmatullah Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, Perdana Menteri Yang Pertama [Ruangan 470]

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah—Y.B. Tuan HaJI Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut) [Ruangan 502]

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebeaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 542]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Kerja Raya, DATUK.LEO MOGGIE ANAK IROK,P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' LEE KJM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO* SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sckitar, TUAN LAW HIENC DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAI TAHA, S.MJ. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEKANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.MJ, (Ledang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri).

„ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA Jui MENG, P.I.S. (Bakri).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan, DATO' CIAN KONG CHOY (Lipis).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDULRAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIPP BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

Setiausaha Parlimen. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.I.S. (Mersing).

TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.. P.P.T. (Kuala Terengganu).

TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

DATO' ALIAS BIN MD. Au, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- .. TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
 DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
 DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
 TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
 TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
 DR V. DAVID (Puchung).
 TUAN FONG KUI LUN (Klang).
 TUAN FOO TIEW KOK (Batu Gajah).
 TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
 TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
 TUAN HAJI HAMZAH BIN MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
 TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
 TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
 TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
 TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
 TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMMAD (Tanah Merah).
 CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
 LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
 PUAN HAJJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISHAK (Kota Bharu).
 TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
 DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
 TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
 TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
 TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
 TUAN KAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).
- .. TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
 TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
 TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
 DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
 - TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
 - TUAN LEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
 - TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
 - TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).
 - PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
 - DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
 - TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
 - TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
 - TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
 - TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
 - TUAN MOHAMAD KHALID BIN NORDIN (Johor Bahru),
 - DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
 - TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang),
 - TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
 - TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
 - DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).
 - TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
 - DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
 - TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
 - TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
 - DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

DATUK DOMNIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

TUAN RADIN MALLEH (Padas).

PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).

TUAN RICHARD RIOT ANAK JAIM (Serian).

„ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).

Y.B.M. TENGKU TAN SRI RA/ALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching),

PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).

TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).

TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

WAN MAT HANAPIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

„ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).

TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

„ TUAN WONG WING ON (Kampar).

TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

TUAN GEOPPREY YEE LING FOOK (Tawau).

TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhorbin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 10hb Disember, 1990

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***D O A***(Tuan Yang di-Pertua mem-
perkerusikan Mesyuarat)***PEMASYHURAN TUAN
YANG DI-PERTUA****PENGHORMATAN KEPADA
ALMARHUM Y.T.M. TUNKU
ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri yang pertama bagi negara kita telah meninggal dunia pada hari Khamis, 6hb Disember, 1990 di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Sebagai landa penghormatan kepada Almarhum dan untuk mengenangkan jasa-jasa Almarhum, saya mengambil peluang ini meminta semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian berdiri bersama-sama saya untuk berdiam diri bertafakur selama satu minit.

Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin yang beragama Islam, diharap apalah kiranya dapat menghadihkan Fatihah kepada roh Almarhum dengan harapan dan doa ke hadrat Allah s.w.t. semoga roh Almarhum itu dihimpunkan di dalam golongan orang-orang yang bertaqwa dan beriman. *Al-Fatihah.*

(Dewan bertafakur selama seminit)

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

**PENGIKTIRAFAN KETUA
PEMBANGKANG Y.B. TUAN
LIM KIT SIANG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memaklumkan iaitu mengikut maklumat yang saya terima, saya berpuashati bahawa Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli Parlimen Kawasan Tanjong lelah mendapat sokongan majoriti dari kalangan Ahli-ahli Pembangkang di Parlimen untuk dilantik sebagai Ketua Pembangkang (*Tepuk*).

Oleh kerana itu, saya dengan ini mengiktirafkan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli Parlimen Kawasan Tanjong sebagai Ketua Pembangkang dan diberi kemudahan-kemudahan di bawah peruntukan-peruntukan seksyen kecil (2), Seksyen 3, Akta Ahli-ahli Parlimen (Saraan) 1980 muiai pada hari ini.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****TAHUN MELAWAT MALAYSIA—
USAHA SUSULAN**

1. **Puan Hajjah Rakibah binti Haji Abdul Manap** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah usaha-usaha susulan untuk jangka pendek dan panjang ekoran dari program Tahun Melawat Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, di masa-masa akan datang, usaha galakan pelancongan akan diteruskan supaya hasil-hasil yang telah dicapai di program Tahun Melawat Malaysia dapat dikekalkan dan ditingkatkan lagi.

Bagi jangkamasa pendek, usaha-usaha akan dibuat bagi mengadakan berbagai acara memperbaiki kemudahan-kemudahan asas pelancongan dan mengekalkan usaha mempromosikan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang menarik di pasaran utama dunia. Manakala bagi jangkamasa panjang, antara usaha-usaha yang akan diberi penekanan ialah memperbaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur pelancongan, mengadakan tempat kediaman yang sesuai bagi pelancong-pelancong tempatan, membaryakkan lagi produk pelancongan, mengelakkan pencemaran dan mengekalkan keindahan alam sekitar, membangunkan kebudayaan dan kesenian termasuk usaha-usaha pemeliharaan dan latihan serta pembangunan tenaga manusia di dalam bidang pelancongan.

Usaha promosi akan terus diberi penekanan bagi jangkamasa panjang.

Puan Hajjah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Soalan tambahan. Apakah bentuk strategi promosi di luar negeri bagi mempertingkatkan lagi sektor pelancongan dan apakah susulan aktiviti?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana dalam jawapan saya tadi bahawa memang dalam industri pelancongan negara kita, pertamanya ialah usaha galakan dan promosi luar negeri dan yang keduanya, penghebahan dan galakan dalam negeri.

Yang Berhormat bertanya mengenai usaha-usaha kita di luar negeri, di mana dalam usaha-usaha kita, kita memastikan bahawa kita akan terus memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dengan mengambil langkah-langkah penggalakan seperti menghantar rombongan-rombongan ke luar negeri, menjemput penulis-penulis wartawan dari luar negeri datang ke Malaysia dengan beberapa insentif. Di samping itu kita juga akan terus memberi tumpuan kepada negara-negara utama di dalam strategi kita mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat soalan tambahan. Apakah dalam rangka menyusun program-program sepertimana yang telah disebutkan tadi pihak berkenaan tidak memikirkan soal-soal nilai atau identiti Malaysia dan juga persoalan keagamaan?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah kita rangkakan bahawa dalam mencapai matlamat menambahkan pelancong-pelancong ke dalam negara kita, apa yang kita tekankan di dalam strategi kita iaitu di mana kita menghidangkan kepada pelancong-pelancong identiti negara kita, identiti kebudayaan kita dan alam semulajadi yang ada di negara kita sepertimana yang telah saya jawabkan sebentar tadi.

UNIYERSITI DI SEMENANJUNG MALAYSIA—PENUBUHAN

2. **Dr Osman Minudin** minta Menteri Pendidikan menyalakan perkara-perkara berikut:

- (a) apakah rasionalnya menempatkan semua universiti di Semenanjung Malaysia sahaja;

- (b) apakah justifikasi penubuhan Universiti Utara Malaysia di kawasan Parlimen Kubang Pasu, Kedah sedangkan Universiti Sains Malaysia sudah ada di Pulau Pinang. Dan kenapakah ia tidak ditubuhkan di Pulau Pinang. Dan kenapakah ia tidak ditubuhkan di negeri-negeri lain yang jauh dari pusat pengajian tinggi;
- (c) mengapakah tidak ada universiti penuh di Sabah ataupun Sarawak memandangkan kedua-dua negeri tersebut adalah jauh dari pusat pengajian tinggi dan tambahan pula pelaksanaan pengajian tinggi adalah termaktub di dalam Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (Inter-Governmental Committee Report). Dan apakah tujuan di sebalik kenyataan akhbar Menteri Pendidikan pada 13 November, 1990, yang menyatakan bahawa penubuhan universiti di Sabah tidak perlu kerana tidak ramai pelajar-pelajar Sabah yang layak masuk universiti. Ini seolah-olah menunjukkan bahawa universiti itu kelak hanya untuk orang Sabah sahaja, sedangkan matlamat penubuhannya adalah untuk semua rakyat Malaysia dan untuk mempercepatkan lagi proses integrasi nasional di antara Sabah, Sarawak dengan Semenanjung Malaysia; dan
- (d) mengapakah Kementerian Pendidikan tidak menubuhkan kampus tetap Universiti Kebangsaan di Sabah, sedangkan pada tahun 1980 Kerajaan Negeri telahpun mendermakan tanah seluas 304 hektar dan peruntukan sebanyak \$5 juta. Tapi dalam masa yang sama satu universiti baru ditubuhkan di Kedah.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT) diwujudkan berdasarkan kepada keperluannya secara keseluruhan dan dipertimbangkan dari segi keberkesanan perjalanan pengajian dan pentadbirannya. Oleh itu, terdapat kampus tetap dan kampus cawangan berselerak di seluruh negara.
- (b) Penubuhan IPT adalah berasaskan kepada faktor-faktor tertentu termasuk fizikal dan bukan fizikal dan tidak semestinya ditentukan dari segi kawasan atau negeri tertentu. Universiti ditubuhkan dengan tujuan untuk menjadikannya sebagai pusat pendidikan tinggi yang berkesan yang boleh melatih tenaga mahir untuk pembangunan negara.
- (c) Kementerian juga meneliti faktor-faktor seperti keberkesanan perjalanan IPT dari segi pengajaran dan pentadbirannya serta bilangan penuntut setempat di dalam menentukan lokasi sesebuah universiti. Adalah agak aneh sekiranya ditubuhkan sebuah universiti di tempat di mana bilangan penuntutnya kecil sekali. Adalah lebih wajar sekiranya penubuhan sesebuah universiti berasaskan kepada bilangan penuntut tempatan yang berkelayakan walaupun dasar kita menetapkan bahawa pelajar-pelajar harus datang dari seluruh kawasan di negara ini.
- (d) Kampus Cawangan UKM di Sabah sebenarnya telahpun dibina, untuk menjelaskan kekeliruan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jumlah pelajar di kampus cawangan UKM di Sabah kini

adalah seramai 286 orang dan setakat ini mempunyai Fakulti Sains dan Sumber Alam. Buat masa ini, kewujudan kampus cawangan berkenaan adalah difikirkan mencukupi.

Tuan Sint Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan sedar bahawa kegagalan Kerajaan Persekutuan untuk mendirikan sebuah universiti lengkap di kawasan Sabah ataupun negeri Sarawak merupakan punca yang melahirkan perasaan tidak puas hati tentang Kerajaan Persekutuan ini? Adakah dia bersetuju bahawa jikalau sebuah universiti timur ditempatkan di negeri Sarawak atau Sabah, ianya akan menggalakkan usaha integrasi nasional itu?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, jikalau bilangan penuntut tempatan di negeri Sarawak dan Sabah adalah kurang, bolehkah sebuah universiti lengkap ditubuhkan di salah sebuah negeri itu dengan mengambil dan mengrekrut pelajar-pelajar dari Semenanjung Malaysia juga supaya pemuda-pemuda dari Semenanjung Malaysia ini boleh pergi ke Sarawak dan Sabah untuk belajar dalam sebuah pusat pengajian tinggi untuk mereka memahami secara langsung keadaan yang unik yang ada di kedua-dua buah negeri itu.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada pandangan yang dikemukakan oleh satu kalangan di Sabah yang menjadikan isu universiti lengkap tidak dibina itu sebagai punca tidak puas hati. Pandangan ini saya kira terpancar dan ltrcerna dari satu fikiran yang tertutup dan sempit. Universiti harus diwujudkan untuk memenuhi kepentingan pendidikan. Kampus cawangan termasuk ITM di Sabah dan juga kampus cawangan UPM di Sarawak dan ITM di Sarawak tidak hanya menampung pelajar-pelajar dari Sabah dan Sarawak.

la menampung pelajar dari seluruh negara, Oleh yang demikian, soal universiti atau cawangan ini menjadi satu tapak bagi menyatupadukan masyarakat tidak timbul kerana perkara ini telahpun difikir dan dilaksanakan.

Saya ingin menegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sepatutnya pimpinan di Sabah yang waras harus menekankan kepentingan pelajar-pelajar. Yang dianggap kurang sekarang ini ialah pendidikan di peringkat menengah. Kementerian telahpun memberi peruntukan yang terbesar di Sabah untuk memenuhi keperluan ini. Kampus Cawangan itu juga akan diperbesarkan tetapi untuk memenuhi selera politik daerah yang sempit semata-mata tidak wajar kita wujudkan sebuah universiti.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah Kerajaan tidak mahu mengakui kenyataan bahawa di negara ini kita kekurangan pusat-pusat pengajian tinggi ataupun universiti. Walhal Kerajaan sedar bahawa ibu bapa telah membelanjakan begitu banyak wang untuk anak-anak mereka keluar bagi belajar mengikuti pelajaran tinggi di luar negeri, sedangkan di sini kita

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta kemukakan perlanaan.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya tadi mengapakah universiti-universiti tambahan tidak boleh dibangunkan di negara ini, tidak kira sama ada di Sabah mahupun di Sarawak?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru cerdik sedikit daripada soalan rakan sebelum dia. Dia mengaku apa yang dibuat oleh Kerajaan, kerana memang katau Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru mengikuti perkembangan,

Malaysia adalah di antara negara yang sedang membangun yang paling banyak dan cepat melahirkan universiti-universiti baru dan fakulti baru serta penambahan pelajar-pelajar. Itulah sebabnya mengapa kita wujudkan kampus universiti dan cawangan di tempat yang kita fikirkan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Ahmad.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad tidak hadir)

LAWATAN NELSON MANDELA KE MALAYSIA

4. **Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan dan juga faedah (jika ada) dengan lawatan Dr Nelson Mandela ke Malaysia baru-baru ini. Apakah rasional terhadap sumbangan bantuan kewangan sejumlah US\$5 juta kepada Afrika Selatan dan ANC yang dipimpin oleh Dr Mandela.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, lawatan Encik Nelson Mandela ke negara kita baru-baru ini telah menguatkan lagi pengiktirafan masyarakat antarabangsa terhadap peranan dan ketegasan Malaysia di dalam isu Apartheid di Afrika Selatan. Lawatan itu juga melambangkan sokongan dan sikap perpaduan kita dengan rakyat majoriti negara itu yang tertindas sekian lama di bumi mereka sendiri. Melalui lawatan tersebut, Encik Mandela juga telah berpeluang untuk melihat dengan sendiri bagaimana negara berbilang kaum seperti Malaysia dapat maju secara aman dan stabil. Beliau akan dapat merujuk kepada pengalaman Malaysia dalam pembentukan perlembagaan dan sistem politik dan ekonomi yang baru bagi Afrika Selatan.

Sumbangan bantuan kewangan sejumlah US\$5 juta kepada African National Congress (ANC) boleh dianggap sebagai suatu pelaburan negara pada masa hadapan. Ini memandangkan bahawa ANC dan masyarakat kulit hitam dijangka akan menentukan masa depan negara Afrika Selatan kelak. ANC memerlukan bantuan bukan sahaja untuk mengembangkan aktiviti politiknya di Afrika Selatan, bahkan juga untuk menampung pelarian-pelarian yang kembali ke negara itu. Dalam hal ini, Encik Mandela sendiri telah memberi jaminan bahawa sekiranya pihak kulit hitam menerajui pemerintahan negara itu nanti, hubungannya dengan Malaysia akan diberi keutamaan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, Dr Nelson Mandela adalah diterima oleh negara kita sebagai "Jaguh Apartheid" yang melawan Apartheid di Afrika Selatan. Adakah Kerajaan sedar dalam negara kita juga ada apartheid oleh kerana kita ada bumiputera dan bukan bumiputera?

Adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan klasifikasi yang ada sekarang bagi bumiputera dan bukan bumiputera?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak sedar ada apartheid di Malaysia, maka tidak ada apa hendak dihapuskan. *(Tepuk)*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri tidak sedar bahawasanya sikap Kerajaan Malaysia terhadap Kerajaan Negeri Kelantan sekarang ini adalah merupakan sikap apartheid dan diskriminasi? *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini tidak bersangkut.

ASRAMA DESA

5. **Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyakkah asrama-asrama desa didirikan dan di mana.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, jumlah asrama desa sehingga kini ialah 223 buah. Asrama desa didirikan di kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negara. Walau bagaimanapun bagi kawasan bandar diwujudkan asrama-asrama tambahan bagi menampung keperluan pelajar-pelajar miskin di bandar. Kementerian juga bercadang untuk membina asrama desa tambahan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini berapakah jumlah asrama desa yang dirancangan dalam Rancangan Malaysia Keenam?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keenam kita akan memberi tumpuan di negeri-negeri di mana terdapat masalah, dan tumpuan kita ialah negeri-negeri Sabah, Kelantan, Terengganu, Sarawak dan Pahang.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, Yang Berhormat daripada Batu Berendam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, berapakah jumlahnya?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Jumlahnya belum kita tetapkan.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu daripada Yang

Berhormat Menteri berapakah jumlah penuntut-penuntut daripada luar bandar, khasnya daripada estet-estet yang mendiami di dalam asrama-asrama desa ini? Dan jika tidak, saya ingin dapat tahu apakah rancangan yang akan dilancarkan oleh pihak Kementerian untuk menampung keperluan daripada sektor ini?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Estet umumnya termasuk dalam kawasan luar bandar dan pendalaman; tidak ada estet di bandar. Setakat maklumat yang saya perolehi, memang ada anak-anak dari kawasan estet yang duduk atau diterima masuk ke asrama desa. Jumlah yang sebenarnya tidak dapat saya berikan sekarang.

LABUAN SEBAGAI PUSAT KEWANGAN LUAR PESISIR ANTARABANGSA

6. **Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah faedah-faedah langsung dan tidak langsung yang akan dinikmati oleh Malaysia dan penduduk Labuan khususnya dengan status Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) dan berapakah jumlah pengurangan atau peningkatan pendapatan Persekutuan daripada hasil kutipan cukai.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, segala langkah dan strategi pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah untuk kebaikan negara dan rakyat keseluruhannya. Dalam hubungan untuk memajukan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa atau International Offshore Financial Centre (IOFC), ianya adalah untuk meneruskan usaha-usaha pembangunan di Labuan keseluruhannya. Di samping itu, sektor kewangan ini juga adalah penting di negara-negara IOFC yang maju dan terkenal sekiranya didapati menyumbang lebih daripada

25% kepada Pendapatan Negara Kasar atau Gross National Product. Ianya bukan untuk bersaing tetapi diharapkan menjadi penggenap ataupun "complement" kepada sistem kewangan yang berpusat di Kuala Lumpur.

Daripada perkembangan ini rakyat Malaysia, khususnya penduduk-penduduk Labuan, akan mendapat faedah-faedah yang berikut:

- (1) Peluang-peluang perniagaan di Labuan akan meningkat dan ini termasuklah peluang-peluang perniagaan hotel, sewa-menyewa, ruang pejabat, tempat perniagaan dan tempat tinggal, perniagaan berkaitan dengan perusahaan pelancongan serta restoran-restoran ke taraf antarabangsa.
- (2) Apabila pelan pembangunan infrastruktur Labuan dilaksanakan sepenuhnya, penduduk-penduduk Labuan akan menikmati kemudahan-kemudahan hidup yang selesa seperti kemudahan-kemudahan bekalan api dan air, sekolah, hospital, jalanraya, perumahan, kemudahan-kemudahan perhubungan serta telekomunikasi kerana kemudahan-kemudahan ini akan diperbaiki dan dipertingkatkan bagi melengkapkan Labuan sesuai dengan tarafnya sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa.
- (3) Kadar cukai pendapatan istimewa untuk selama 5 tahun mulai tahun taksiran 1992 telah disediakan kepada penduduk-penduduk Malaysia, khususnya penduduk-penduduk Labuan yang mengambil bahagian dalam usaha meningkatkan pembangunan infrastrukturnya di Labuan seperti pembinaan jalan, penyaliran, kemudahan telekomunikasi, sekolah, hospital, pejabat, kemudahan pelabuhan

ataupun lapangan-terbang, hotel dan apa-apa kemudahan ataupun kesenangan awam atau apa-apa kemudahan-kemudahan rekreasi. Kadar percukaian istimewa juga disediakan untuk selama 5 tahun mulai tahun taksiran 1992 hingga tahun taksiran 1997 ke atas pendapatan larasan seseorang dan syarikat daripada aktiviti-aktiviti pemberian perkhidmatan profesional kepada syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan seperti perundangan dan perakaunan.

- (4) Penduduk-penduduk Malaysia, khususnya penduduk Labuan juga akan mendapat lebih peluang-peluang pekerjaan dan pendapatan mereka akan meningkat hasil daripada perancangan yang disediakan untuk pembangunan Labuan sebagai IOFC.
- (5) Penduduk-penduduk Malaysia, khususnya penduduk Labuan juga akan mendapat pengecualian cukai pegangan atau "withholding tax" ke atas faedah-faedah simpanan mrcrcka dalam akaun-akaun simpanan wang asing (foreign currency deposit accounts) dalam bank-bank luar pesisir di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah peningkatan cukai pendapatan daripada usaha atau langkah ini belumlah dapat ditentukan buat masa ini kerana ia baru sahaja kita laksanakan dan akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1991.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha Kerajaan untuk mewujudkan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa ataupun IOFC ini, adakah Kerajaan hendak menjadikan Labuan satu pusat kewangan seperti di Switzerland di mana terdapatnya orang-orang yang bawa lari duit daripada negara masing-masing

menyimpan di Switzerland? Adakah Labuan satu hari nanti akan wujud pusat kewangan seumpama itu?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, apabila ingin menjadikan keputusan supaya sebuah pusat IOFC, Labuan sebagai Kerajaan membuat Kerajaan tidak ingin menjadikan Labuan sebagai apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat oleh kerana Kerajaan akan menyiasat latarbelakang tiap-tiap syarikat yang akan datang untuk mengadakan pejabat di pulau yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Lim Lay Hoon.

Puan Lim Lay Hoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No, 7. Sebelum itu saya ingin membuat satu pembetulan iaitu angka "32" dibetulkan kepada "33".

BEKALAN ELEKTRIK/AIR DAN JALAN KAMPONG DI KEDAH

7. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Pembangunan Luar Bandar supaya menyenaraikan beberapa tempat dalam Negeri Kedah Darulaman di mana-mana kawasan yang masih ketinggalan serba-serbi seperti bekalan api elektrik, bekalan air pancor, jalanraya, sekolah dan sebagainya. Ini memandangkan negara kita sudahpun mencapai kemerdekaan lebih kurang 33 tahun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato' Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang pengetahuan Kementerian tidak ada lagi mana-mana kawasan di Negeri Kedah Darulaman yang masih ketinggalan dalam serba-serbi seperti bekalan api, elektrik, bekalan air dan jalan-jalan kampung. Sekurang-kurangnya salah satu kemudahan asas itu telah dapat dinikmati di setiap kawasan luar bandar di Negeri Kedah Darulaman.

SEKOLAH MENENGAH SAINS DI TAPAH—PEMBINAAN

8. Dato' K. Kumaran minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan masih bercadang membina sebuah Sekolah Menengah Sains di Tapah seperti yang dirancangkan dahulu;
- (b) jika ya, bilakah projek ini akan dilaksanakan dan jika tidak kenapa; dan
- (c) senarai Sekolah Menengah Sains yang tersebut di negara ini,

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sememangnya bercadang untuk membina sebuah Sekolah Menengah Sains di Tapah dalam Rancangan Malaysia Keenam. Setakat ini, selain daripada Sekolah Menengah Asrama Penuh, Maktab Rendah Sains MARA; Sekolah-sekolah Menengah Sains diwujudkan di semua negeri di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan.

Mengenai Sekolah Menengah Sains secara khusus, terdapat 18 semuanyadan saya akan edarkan senarai ini kepada Yang Berhormat.

KRISIS TELUK—BEKALAN MINYAK MENTAH

9. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah keuntungan PETRONAS sehingga kini, hasil dari peningkatan harga minyak dan penambahan pengeluaran ekoran dari krisis di Timur Tengah. Dan berapakah pula kerugian kepada negara akibat kehilangan pasaran kelapa sawit dan barang-barang siap Malaysia di Timur Tengah.

7.1.92

17. Dato' K. Kumaran minta Perdana Menteri menyatakan kesan krisis Teluk terhadap ekonomi Malaysia semenjak tercetusnya peperangan di Teluk. Nyatakan juga langkah-langkah yang akan diambil oleh Malaysia untuk mengeluarkan minyak petroleum lebih daripada yang ditetapkan jika perang Teluk berlarutan.

18.1.91

13. **Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pengeluaran minyak negara akibat berlakunya krisis Teluk pada masa kini:

- (a) adakah PETRONAS berkemampuan meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi permintaan negara luar dan tidakkah ini akan menjejaskan perusahaan petroleum negara untuk jangka masa hadapan; dan
- (h) atau sehingga tahun berapakah Malaysia masih mempunyai sumber bahan mentah ini.

23.1.91

3. **Tuan Jawah anak Gerang** minta Perdana Menteri menyatakan berapa buah negara yang sudah meminta minyak dari negara kita brikutan daripada penaklukan Iraq ke atas Kuwait pada 2hb Ogos, 1990 dan skatan eksport minyak dari kedua-dua negara ini dan sama ada permintaan-permintaan tersebut dapat dipenuhi oleh Petronas atau tidak pada masa sekarang.

23.2.91

2. **Tuan Foo Tiew Kok** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah tong minyak mentah yang dikeluarkan oleh Malaysia sebelum penawanan Kuwait oleh Iraq baru-baru ini;

(b) jumlah tong minyak mentah yang dikeluarkan oleh Malaysia selepas penawanan Kuwait oleh Iraq; dan

(c) hasil penjualan minyak mentah setiap bulan sejak Julai 1990 hingga sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat daripada Padang Terap bersama dengan soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Tapah pada 7.1.91, Ahli Yang Berhormat dari Sepang pada 18.1.91, Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu pada 27.1.91 dan Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah pada 13.2.91.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada krisis Teluk yang tercetus pada bulan Ogos 1990, bekalan minyak mentah daripada negara-negara yang terlibat telah terjejas. Kesannya ialah berlakunya kekurangan bekalan serta kenaikan harga minyak mentah dan timbulnya negara-negara yang terputus bekalan.

Beberapa negara yang mengalami keadaan yang sedemikian telah memohon bekalan minyak mentah daripada Malaysia bagi menampung bekalan yang telah terputus daripada negara-negara yang terlibat di dalam krisis Teluk. Oleh kerana negara tersebut adalah rakan perdagangan Malaysia dalam ASEAN, Malaysia telah bersetuju untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan bekalan.

Berkenaan dengan keluaran akibat daripada keadaan ini, kita telah meningkatkan keluaran daripada 595,000 tong sehari kepada 650,000 long sehari bagi tempoh suku keempat

tahun 1990. Dalam kadar 650,000 tong sehari ini bekalan minyak mentah akan dapat dipertahankan selama 12 tahun.

Buat masa ini, PETRONAS masih berupaya mengeluarkan minyak pada tahap tersebut sekiranya krisis Teluk berterusan. Tahap 650,000 long sehari ini adalah tahap maksima yang akan dikeluarkan oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, peningkatan pengeluaran yang dibual oleh Malaysia dalam tempoh 3 bulan kebelakangan ini adalah semata-mata untuk menampung keperluan bekalan minyak kepada negara-negara sahabat.

Saya suka menyenaraikan keperluan negara-negara tersebut: Pakistan telah memohon untuk diberikan tambahan minyak sebanyak 3 kargo iaitu satu kargo sebanyak 450,000, serta Filipina, India, Thailand, Korea dan Sri Lanka.

Harga minyak pada bulan-bulan berikut ialah dalam kadar harga:

Mei	US\$17.00
Jun	US\$15.72
Julai	US\$15.33

Walau bagaimanapun, dalam bulan Ogos harga tersebut telah meningkat kepada US\$19.64 dan seterusnya dalam bulan September, Oktober dan November masing-masing pada harga US\$28.36, US\$37.15 dan US\$36.11. Daripada peningkatan pengeluaran yang dibuat oleh Malaysia bagi memenuhi permintaan beberapa negara yang bekalan minyaknya telah terjejas, tambahan hasil ialah sebanyak \$2,360 juta.

Akibat dari krisis Teluk ini ttdak hanya menguntungkan negara dari segi pendapatan tambahan daripada eksport minyak mentah, tetapi memberi kesan sebaliknya kepada bidang lain termasuk pasaran komoditi berbanding dengan keuntungan yang didapati melalui tambahan penjualan minyak mentah

Malaysia, keadaan pasaran komoditi yang lain terjejas akibat dari kekurangan eksport komoditi tersebut kepada negara-negara yang terlibat di dalam krisis Teluk. Secara khususnya rantau Timur Tengah, sememangnya merupakan pasaran yang penting dan berpotensi bagi minyak sawit Malaysia.

Jumlah pasaran ke rantau tersebut pada tahun 1985 ialah sebanyak 320,000 tan metrik manakala pasaran bagi tahun 1989 ialah sebanyak 887,000 tan metrik. Walau bagaimanapun, semenjak tercetusnya krisis Teluk pada awal bulan Ogos, kesemua eksport minyak sawit Malaysia ke Iraq dan Kuwait telah terhenti. Dalam hubungan ini harus diperhatikan bahawa Iraq merupakan suatu pasaran yang penting, yang rnantap bagi minyak sawit Malaysia.

Berhubung dengan pertanyaan mengenai kesan krisis Teluk terhadap harga bahan-bahan petroleum dalam negeri, sukalah dijelaskan bahawa pada kebiasaannya harga bahan-bahan petroleum juga akan turut meningkat. Keadaan ini juga seharusnya dialami oleh Malaysia. Walau bagaimanapun, harga bahan-bahan petroleum dalam negeri adalah terkawal melalui satu mekanisme harga di mana Kerajaan boleh menstabilkan harga tersebut dengan mengurang atau meningkatkan kadar cukai yang dikenakan ke atas bahan-bahan petroleum.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Akibat daripada krisis Teluk kita dapat durian runtuh terutamanya hasil jualan minyak.

Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, duit yang kita dapat untung oleh PETRONAS ini di mana kita simpan. Bukanlah saya hendak tuntutan, sebab bukan duit saya, tetapi saya hendak tahu di mana kita melabur. Di manakah wang ini dilabur - sama ada dalam negeri ataupun di luar negeri, dan apakah rancangan pihak PETRONAS

ataupun Kerajaan? Adakah wang itu dimasukkan di dalam Kumpulanwang Amanah Negara ataupun dilabur untuk mendapat keuntungan yang maksima dan memastikan tidak ada penyelewengan berlaku? Adakah akibat daripada wang runtuh ini hasil daripada harga minyak akibat daripada krisis Teluk yang dapat ini Kerajaan bercadang hendak timbang menaikkan gaji poliskah, askarkah, gurukah, ataupun Ahli-ahli Dewan Rakyatkah - tidak payahlah Menteri, Timbalan Menteri sudah cukup, tetapi saya tanya yang lain-lain termasuk Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada tambahan pendapatan ini adalah dibawa kembali ke Malaysia untuk digunakan oleh PETRONAS untuk melaburkan dalam pasaran matawang di dalam negara ataupun PETRONAS menggunakan wang itu bagi tujuan menambahkan dan menggunakan bagi pelaburan-pelaburan PETRONAS dalam carigali dan pelbagai rancangan yang lain. Dari segi untuk menambahkan gaji, saya tahu itu adalah dibuat jcnakaoleh Yang Berhormat tadi.

Dari segi penambahan wang itu juga bermakna ia akan menambahkan cukai yang dibayar oleh PERTONAS kepada Kerajaan sebagai satu badan korporat.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, angka yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu sebanyak \$2,360 juta sebagai pendapatan negara yang lebih ini pada fahaman saya adalah gross.

Saya ingin tahu kalau Yang Berhormat Menteri ada, scbanyak mana netnya iaitu selepas ditolak imported inflation ataupun inflasi yang diimport hasil daripada peningkatan harga minyak dan harga lain-lain barang, khususnya harga minyak yang kita import daripada negara-negara Timur Tengah.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya tidak ada butir-butir itu sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

PERUMAHAN BAGI PEKERJA-PEKERJA KILANG

10. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa pekerja-pekerja kilang yang berpendapatan rendah sedang menghadapi masalah tempat tinggal berdekatan dengan tempat kerja mereka dan kebanyakan mereka tinggal berkongsi rumah seramai antara duapuluh ke tigapuluh orang dalam sebuah rumah biasa (tiga atau empat bilik), dan adakah Kerajaan bercadang untuk memastikan semua kilang-kilang menyediakan kemudahan perumahan yang sesuai bagi pekerja-pekerja mereka atau sekurang-kurangnya membayar elaun perumahan yang sewajarnya kepada pekerja-pekerja berkenaan.

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek); Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa pengwujudan kilang-kilang yang begitu pesat di beberapa zon perindustrian di negara ini telah menimbulkan kekurangan kemudahan perumahan di sekitar kawasan tersebut. Ini telah mewujudkan satu situasi di mana rumah-rumah yang terdapat di sekitar zon-zon perindustrian perlu dikongsi oleh pekerja-pekerja kilang.

Kerajaan tidak bercadang untuk mewajibkan semua kilang menyediakan kemudahan perumahan. Terpulanglah kepada majikan-majikan perkilangan untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi menarik pekerja untuk mengisi jawatan kosong yang makin bertambah dengan menyediakan pelbagai kemudahan termasuk kemudahan

perumahan yang selesa atau membayar elaun perumahan. Ini adalah sejajar dengan amalan kebebasan pasaran buruh yang terdapat di negara ini. Kini terdapat banyak syarikat perkilangan yang menyediakan kemudahan perumahan untuk pekerja-pekerjanya secara disewa lengkap dengan perabot, alat-alat dapur dan sebagainya sedangkan bebcrapa majikan lain membayar elaun perumahan untuk membantu pekerja-pekerja mereka.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, apabila diadakan satu perjanjian di antara pelabur asing dengan Kerajaan kita, adakah satu syaral dalam perjanjian itu bahawa sekiranya majikan hendak mengambil pekerja seramai 50 atau 100 orang untuk sebuah kilang, mereka mesti sediakan rumah atau membina rumah bagi para pekerja?

Dato' Lim Ah Lek: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perjanjian itu, terpulanglah kepada majikan dan pihak Kesatuan atau sekiranya syarikat itu tidak ada Kesatuan terpulanglah kepada pekerja-pekerja tersebut untuk berunding sama ada perumahan harus disediakan oleh pihak majikan.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang melalui agensi-agensinya seperti Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri untuk membina kemudahan rumah tersebut kepada pekerja-pekerja?

Dato' Lim Ah Lek: Tuan Yang di-Pertua, memang cadangan telah dikemukakan oleh saya sebagai Menteri Sumber Manusia dalam satu persidangan Menteri-menteri Besar dengan Perdana Menteri dan cadangan ini telah diterima oleh semua Menteri-menteri Besar yang hadir dalam majlis mesyuarat itu.

PILIHANRAYA UMUM 1990— PENYIASATAN ATAS KELEMAHAN

11. Dr Kua Kia Soong minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah satu penyiasatan yang menyeluruh akan dijalankan ke dalam penggunaan kakitangan-kakitangan dan jentera Kerajaan di dalam pilihanraya umum yang lalu;
- (b) apakah Kerajaan akan menjalankan satu penyiasatan penuh ke dalam ketidakcekan dan kelam kabut yang amat sangat yang berlaku di tempat-tempat mengundi di seluruh negara khususnya di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh pembangkang semasa pilihanraya umum 1990; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa pengundian dalam pilihanraya umum akan datang akan dijalankan dengan cekap dan sempurna iaitu semua daftar pemilih adalah konsisten; pemilih-pemilih diberi kad mengundi oleh SPR sendiri yang memberitahukan mereka tempat dan saluran mengundi; pentadbiran di semua tempat mengundi dijalankan dengan cekap dan sebagainya.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya saya dapati soalan ini mengandungi unsur-unsur prejudis yang tebal daripada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan yang telah membuat kesimpulan secara tidak adil.

Mengenai soalan (a) dan (b), penyiasatan banya boleh dijalankan jika ada aduan-aduan yang dibuat secara khusus dan jelas. Pentadbiran

pilihanraya yang ada sekarang memang sudah cekap dan sempurna. SPR sentiasa berusaha meninggalkan lagi prestasi dari masa ke semasa.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, dalam pengalaman saya di kawasan Petaling Jaya, informasi yang saya sebutkan bukan informasi melalui prejudis saya dan saya hendak beritanya Yang Berhormat, apakah keadaan ketidakcekan, ketidakadilan dan kalam kabut itu boleh berlaku di tempat-tempat mengundi di seluruh negara walaupun Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) telah menjalankan 8 kali pilihanraya umum dalam tempoh 30 tahun lebih ini?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi, kalau ada masalah yang tertentu dan khusus, tolong beritahu kepada kita supaya kita boleh membuat penyiasatan.

Tuan Shahidan bin Kassim; Tuan Yang di-Pertua, soalan lambahan. Memandangkan kedua-dua belah pihak ada menyatakan pendapat dan juga hasrat masing-masing terutamanya pihak Pembangkang yang tidak pernah puas hati, apakah pihak SPR bercadang untuk mengadakan post-mortem bagi mengkaji secara terperinci berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengesan segala kelemahan-kelemahan ketika menjalankan pilihanraya untuk 1990 ini memanglah menjadi hasrat SPR untuk mengadakan satu post-mortem dan post-mortem ini akan diadakan pada tarikh yang ditentukan dalam mana semua pegawai pilihanraya negeri diminta menyediakan laporan mengenai pengurusan pilihanraya itu. Dengan itu saya percaya dapatlah SPR mengenalpasti dan memperbaiki kelemahan-kelemahan, jika ada, demi meninggalkan lagi prestasi di samping

menentukan SPR dapat sentiasa menjalankan tugasnya dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Michael Asang.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Michael Asang tidak hadir)

BORNEONISATION— PERLAKSANAAN

13. Tuan Philip Yong Chiew Lip minta Perdana Menteri menyatakan apakah pendirian Kerajaan Persekutuan terhadap konsep "Borneonisation" seperti mana yang dikemukakan dan seterusnya dipersetujui dalam beberapa mesyuarat Jawatankuasa Antara Kerajaan semasa pembentukan Persekutuan Malaysia pada awal tahun 1990an.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menghormati konsep "Borneonisation" dan semua perkara dalam Laporan Suruhanjaya Penyiasatan Lord Cobbold tahun 1962 yang dipersetujui bersama oleh wakil-wakil Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, North Borneo atau Sabah dan Sarawak di Mesyuarat Jawatankuasa antara Kerajaan pada 27hb Februari, 1963. Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak akan terus melaksanakan keputusan-keputusan yang telah dipersetujui itu dan segala masalah yang berbangkit akan dirundingkan secara bersama oleh pihak-pihak yang terlibat.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan telah menunjukkan sikapnya bahawa Kerajaan bersedia untuk berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan bila perkara mengenai

Borneonisation itu dibangkitkan oleh Negeri Sabah kerana selama ini bila kita membangkitkan perkara mengenai Borneonisation ini walau di mana juga secara langsung pihak yang membangkit itu dituduh sebagai anti Federal dan dianggap sebagai satu helah politik. Kenapakah tidak memberi peluang kepada pihak-pihak berkenaan sebagaimana yang dikatakan perundingan dapat dijalankan supaya dapat diberi penjelasan yang sejelas-jelasnya kerana pihak yang membangkit itu pun juga mempunyai fikiran yang waras dan akan merasa berterima kasih jika sambutan positif itu diadakan. Tetapi selama ini

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat memberi ucapan.

Tuan Maidom P. Pansai: Ya, itu bukan ucapan. Hanya selama ini tidak ada perundingan yang diadakan kepada pihak-pihak yang membangkit melainkan tuduhan melulu bahawa bila kita membangkit ianya dikatakan anti Federal dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri ucapan itu.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat hanya mengambil political mileage, dan beliau tidak sedar perkara-perkara yang telah diselesaikan oleh jawatankuasa-jawatankuasa tertemu di kedua pihak Persekutuan dan Negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa IGC peringkat pegawai telah menyiapkan laporan pada Oktober 1974 dan telah ditimbang oleh Mesyuarat Jawatankuasa antara Kerajaan IGC peringkat Menteri Persekutuan, Sabah dan Sarawak pada 4 Disember 1975 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Keputusan-keputusan mesyuarat IGC peringkat Menteri pada 4 Disember 1975

itu telah dilaksanakan dari masa ke semasa sehinggalah sekarang melalui Kementerian ataupun Jabatan berkenaan di peringkat Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak di bawah penguatkuasaan sebuah jawatankuasa di peringkat pegawai yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara. Sebenarnya banyak perkara telah diselesaikan oleh peringkat pegawai ini dan dari masa ke semasa mereka berbincang mengenai isu-isu yang belum lagi selesai hanya sedikit sahaja lagi yang linggal.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan lambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri sebagai seorang tokoh masyarakat Negeri Sarawak itu memberitahu kepada Dewan ini sama ada menurut Dasar Borneonisation itu adakah ia jadi satu dasar Kerajaan Persekutuan untuk mengarah Pengarah bagi Jabatan-jabatan Persekutuan ditugaskan oleh ataupun keutamaan diberi kepada seorang Sarawak ataupun Sabah, pegawai berasal dari Negeri Sarawak dan Sabah dalam exercise promosi di dalam perkhidmatan awam itu dan apakah tugas Setiausaha Persekutuan (Federal Secretary) itu, apakah terms of referencenya, dia punya framework? Adakah dia ditugaskan diberi kuasa untuk melantik pegawai Persekutuan di kedua-dua negeri ini ataupun dia jadi seorang pegawai liason sahaja?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kenaikan pangkat pegawai-pegawai Kerajaan dari Sarawak, itu terpulang kepada vacancy dan juga perkhidmatan dan kelayakan beliau, adakah beliau sesuai untuk menjawat jawatan yang kosong itu. Sebenarnya banyak juga rakyat Malaysia dari Sarawak telah memegang jawatan Pengarah Jabatan Persekutuan di Negeri Sarawak dan kita dari masa ke semasa akan membuat penimbangan kepada mereka yang

layak ditimbang dan layak memegang jawatan tertinggi lerlentu di Negeri Sarawak.

Berkenaan dengan Setiausaha Persekutuan di Sarawak, tugas beliau tidaklah seperti jawatan yang dipegang oleh Setiausaha Persekutuan apabila Sarawak merdeka dalam Malaysia dahulu. Beliau berfungsi lebih sebagai liaison officer, dengan izin, di negeri Sarawak.

KAYU BALAK—PAMPASAN ATAS PENGURANGAN EKSPORT

14. Tuan Harisson Ngau Laing minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah hasil dari perbincangan antara Kerajaan Persekutuan yang diketuai oleh beliau dengan Kerajaan Sabah dan Sarawak mengenai pampasan yang akan dan patut dibeli oleh Kerajaan Persekutuan akibat kehilangan pendapatan sekiranya eksport kayu dihentikan di kedua-dua negeri tersebut;
- (b) berapakah pampasan yang akan diberi; secara manakah ia diberi; bilakah ia akan diberi; dan
- (c) jikalau perlu dan selain dari pampasan dari Kerajaan Persekutuan, bolehkah Kerajaan Persekutuan menimbang untuk mendapatkan peruntukan juga dari agensi-agensi di luar Malaysia untuk kedua-dua buah negeri ini sebagai pampasan untuk mereka sekiranya penjualan kayu balak dihentikan di kedua-dua Negeri ini.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik); Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab, saya mahu ingatkan kepada perkataan dalam soalan iaitu "apakah hasil dari perbincangan antara Kerajaan Persekutuan

yang diketuai oleh beliau". Saya tidak mengetuai Kerajaan Persekutuan. Ketua ialah Perdana Menteri. Tetapi kalau disebutkan antara pihak Kerajaan Persekutuan, barangkali saya boleh terimalah.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan memberi pampasan berikutan dari kehilangan pendapatan disebabkan pengurangan eksport kayu balak telah ditimbulkan tetapi terpulanglah kepada Kerajaan Sabah dan Sarawak untuk menentukan bagaimana pengurangan tersebut boleh dilaksanakan serta jenis bantuan kewangan yang mereka perlu dari Kerajaan Pusat. Sehingga kini Kerajaan Sabah dan Sarawak belum lagi mengemukakan sebarang keperluan khusus walaupun mereka telah menegaskan tentang komitmen untuk pemerosesan hiliran bagi mengurangkan eksport kayu balak.

Untuk mencapai pemerosesan lanjutan dan eksport nilai tokok yang tinggi, seperti Ahli Yang Berhormat ketahui, adalah bergantung kepada negara-negara pengimport tidak mengenakan sekatan ke atas import serta penggunaan barangan kayu tersebut. Ini memerlukan penghapusan sekatan perdagangan seperti pengenaan duti import yang tinggi dan kuota yang menghadkan pengimportan barangan kayu berproses seperti diamalkan oleh beberapa buah negara maju. Kempen anti penggunaan kayu tropika adalah satu lagi tekanan terhadap penggunaan dan pengimportan kayu tropika yang tidak membantu negara-negara pengeluar kayu tropika seperti Malaysia untuk mempercepatkan pembangunan hiliran yang mana boleh membantu memelihara sumber hutan.

Saya tahu bahawa Ahli Yang Berhormat sendiri adalah aktif di dalam kempen anti kayu tropika terulamanya terhadap Sarawak. Saya suka mengambil kesempatan ini memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa usaha sedemikian hanya akan menggugat dasar

Kerajaan Pusat dan Negeri untuk mencapai pembangunan berterusan di dalam sektor perhutanan dan kayu-kayan. Dengan demikian, saya tidak berapa pasti apakah tujuan Ahli Yang Berhormat bertanyakan soalan ini terutama apabila Ahli Yang Berhormat merujuk kepada sama ada dapat dipertimbangkan untuk mendapat peruntukan dari agensi-agensi di luar Malaysia. Saya suka menegaskan di sini bahawa Malaysia lebih mementingkan perdagangan daripada bantuan, kita mahu perdagangan, bukan mahu bantuan, dan sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai pengaruh dengan agensi-agensi luar tersebut, saya cadangkan supaya Ahli Yang Berhormat meminta mereka memberhentikan kempen anti kayu tropika dan sebaliknya berkempen untuk menggalakkan perdagangan barangan kayu yang mempunyai nilai tokok yang tinggi. Saya percaya jika Ahli Yang Berhormat berbuat demikian, adalah lebih mudah untuk mengurangkan eksport kayu balak dan Sabah dan Sarawak mungkin tidak memerlukan sebarang pampasan sekiranya pemorosesan hiliran dapat menyediakan faedah ekonomi dan lebih banyak peluang pekerjaan dari perindustrian berasaskan kayu.

Tuan Sim Kwang Yang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri, selepas bertenang sedikit, jangan hysterical, memberitahu kepada saya dan Dewan yang mulia ini bagaimana akan sumber kayu-kayan di negara kita ini khasnya di negeri Sarawak boleh dipelihara? Sekiranya menurut laporan ITTO, semua kayu akan dihapuskan dalam tempoh 11 tahun, jikalau kadar pembalakan kayu ini terus dikekalkan. Dan apakah dalam bidangnya (jurisdiction) beliau sebagai Menteri Perusahaan Utama, bagaimanakah akan pihak Kerajaan Persekutuan terus melancarkan langkah-langkah yang berkesan untuk membincang dengan Kerajaan Negeri supaya kuota eksport untuk kayu balak itu terus dinaiki sehingga 30%.

Yang keduanya, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi bukti-bukti bahawa Yang Berhormat dari Baram adalah anti tropical hardwood? Kalau tidak, ini satu fitnah sahaja, minta beri bukti bahawa dia adalah anti tropical hardwood? Jangan membuat tuduhan liar dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*). Saya bukan hysterical. Saya ingat pihak Pembangkang patut tahu kempen anti kayu tropika adalah sangat berat dan sangat tidak berfaedah untuk negara kita. Tahukah dia? Kalau mereka tidak tahu, saya boleh tunjuk kepada mereka.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya mahu bukti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching, nanti sekejap.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Dan apakah kita mahu buat untuk mengekalkan sumber perhutanan, termasuk parti Pembangkang tidak tahu apa yang pembalakan. Mereka menggunakan perkataan negara Barat, "the Western world", yang langsung tidak tahu apa cara pembalakan kita gunakan; kita menggunakan pengurusan perkekal, kekal, atau, dengan izin, sustained yield management. Bukan kita pergi polong semua serupa dengan apa di negara Barat. Kita tidak hapus semua, kita hanya pith berapa pokok yang ada dalam satu hektar dan menggunakan, dengan izin, natural regeneration, untuk membekalkan balik berapa kayu yang kita keluarkan dari kawasan hutan.

Facts yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat tidak patut. Beliau sebutkan ITTO sudah katakan dalam laporan mereka bahawa hutan kita akan dihapuskan pada tahun 1995. Sepatutnya laporan misi ITTO menyatakan pengurusan perhutanan yang dijalankan oleh Malaysia khasnya negeri Sarawak

adalah terbaik sekali di dunia (*Ketawa*) di mana mereka cadangkan jika boleh mengurangkan pembalakan sehingga jumlah 9.5 juta cubic meter. Dia cadangkan mengurangkan, itulah saya pun cadangkan mengurangkan.

Berkenaan bukti yang saya ada tentang Yang Berhormat berkenaan adalah aktif dalam soal kempen anti kayu tropika, sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, yang pertama kali saya kenal Yang Berhormat Harrison Ngau Laing ialah

Tuan Yang di-Pertua: Jangan sebut nama—tidak dibenarkan. Yang Berhormat dari....

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: No, no, saya sebut nama, sebab bila saya melawat Makmal Penyelidikan Perhutanan di Universiti Oxford ada demonstrasi di sana. Pertama kali saya dengar ialah nama Yang Berhormat....

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: dari Baram.

Saya ingat nama ini merupakan nama seorang Cina, jadi saya fikir apa sebab ada Cina di Baram yang boleh buat ini. Kemudian barulah saya tahu bahawa Ahli Yang Berhormat ini mempunyai nama itu. (*Ketawa*) Patutlah ada orang dari Sarawak. Inilah buktinya. Bila saya pergi ke Brussels, World Wildlife Fund (WWF) itu sebutkan nama Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat menjadi Yang Berhormat, nama pun sudah terkemuka di kalangan environmentalists yang menjalankan kempen anti kayu tropika, Kalau ini bukan buktinya saya tidak tahu apakah bukti yang dikehendaki lagi.

Tuan Harisson Ngau Laing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, adakah dia sedar

bahawa aktiviti pembalakan di Sarawak ada juga melibatkan tanah adat (customary land of the native people in Sarawak). Jadi inilah yang membuat penduduk-penduduk di Sarawak terutamanya kaum asli Sarawak membuat benteng (blockade), sebab mereka ingin menghentikan pembalakan di atas tanah mereka yang dicerobohi dan merosakkan tanah adat mereka. Ini saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah ini bersangkut dengan pertanyaan asal itu?

Tuan Harisson Ngau Laing: Tuan Yang di-Pertua, sebab tadi Yang Berhormat Menteri ada melibatkan nama saya dan menyebut bahawa saya ada aktif dalam kempen anti kayu tropika di luar negeri mahupun di Malaysia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Sila jawab.

Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab semua. Jika Yang Berhormat dari Baram tahu apa yang beliau sebutkan berkenaan dengan soil erosion, saya ingat Yang Berhormat di Dewan yang salah atau, dengan izin, he is in a wrong Parliament. Beliau patut masuk ke dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak dan pergi tanya di sana.

KAMPUNG BARU— KEDUDUKAN DAN PERUNTUKAN

15. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kedudukan "Kampung" dan apakah dengan "Kampung Baru" yang telah ditukar kepada "Kampung" baru-baru ini mempunyai kedudukan yang sama sepertinya. Dan apakah akan terima peruntukan seperti dahulu ketika ia pernah dikenali sebagai "Kampung Baru".

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dr Ting Chew Peh); Tuan Yang di-Pertua, pengguguran perkataan "Baru" dari istilah "Kampung Baru" dilakukan dengan tujuan untuk menghapuskan imej kampung-kampung baru ini sebagai kawasan kawalan keselamatan. Langkah ini tidak ada kena-mengena dengan pengurangan perhatian oleh Kerajaan. Semua kampung yang memerlukan peruntukan untuk membangun akan diberikan pertimbangan yang adil dan saksama.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan peruntukan yang telah diberikan kepada kampung baru dalam Rancangan Malaysia Kelima. Menurut Yang Berhormat Menteri sendiri, terutamanya di suratkhbar Cina, bahawa beliau akan memohon peruntukan sebanyak \$128 juta untuk kampung-kampung baru ini. Saya hendak bertanya kalau permohonan beliau tidak berjaya adakah beliau bersedia untuk meletakkan jawatan?

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, tentang peruntukan yang diberikan kepada kampung-kampung baru di bawah Rancangan Malaysia Kelima, sebenarnya sebanyak \$13 juta dan ini tidak termasuk \$4 juta khas daripada Jabatan Perdana Menteri. Peruntukan itu diberi berdasarkan kepada keperluan kampung-kampung baru dan juga kemampuan pihak Kerajaan. Jadi soal puas atau tidak puashati itu tidak timbul di sini.

Tentang soalan kedua itu, mengenai laporan suratkhbar itu, saya tidak mengeluarkan angka itu. Saya cuma mengatakan pihak Kementerian Perumahan meminta satu jumlah yang agak berpatutan dari pihak Kerajaan untuk Rancangan Malaysia Keenam, tidak ada angka yang disebut. Saya rasa itulah jawapannya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3,12, dan 16 hingga 26 adalah diberi di bawah ini).

KANAK-KANAK YANG DISIKSA

3. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Perpaduan Negara dan Pcmangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapa bilangan kanak-kanak yang disiksa oleh ibubapa atau penjaga dari tahun 1989 - 1990;
- (b) Apakah tindakan Kementerian yang telah berkesan dalam melindungi kebajikan kanak-kanak tersebut;
- (c) apakah tindakan Kementerian bagi kanak-kanak hanyut dan terumbang ambing di bandar-bandar atau desa-desa dan berapa banyak bilangan mereka yang dibantu oleh Kementerian dan berapa banyak lagi yang ketinggalan yang tidak mendapat bantuan.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar):

- (a) Bilangan kanak-kanak yang disiksa oleh ibubapa atau penjaga sejak tahun 1986 hingga bulan September, 1990 ialah 1,165 orang.
- (b) Di antara tindakan yang diambil untuk melindungi kebajikan kanak-kanak ialah:
 - (i) m e n g u a t k u a s a k a n undang-undang yang sedia ada untuk memberi perlindungan dan jagaan kepada kanak-kanak yang disiksa atau diabaikan serta membantu keluarga

- yang terlibat mengubah sikap mereka terhadap kanak-kanak berkenaan;
- (ii) memberi penerangan kepada orang ramai melalui ceramah, bengkel, seminar dan media massa serta risalah-risalah dari masa ke semasa terhadap gejala penganiayaan kanak-kanak bagi menggalakkan masyarakat tampil ke hadapan untuk melaporkan sebarang kejadian penyiksaan kanak-kanak kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan seberapa segera;
 - (iii) menggubalkan rang undang-undang Akta Perlindungan Kanak-kanak bagi menggantikan Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 yang dianggap tidak lagi sesuai untuk memenuhi keperluan masa;
 - (iv) Kememerian juga telah menubuhkan Jawatankuasa Intervensi Terhadap Penganiayaan Kanak-kanak di peringkat kebangsaan pada tahun 1985 bagi mengawasi serta menyelaraskan tindakan terhadap penganiayaan kanak-kanak; dan
 - (v) Kementerian juga sedang dalam proses menubuhkan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak di semua daerah untuk menyelaraskan tindakan agensi-agensi yang terlibat terhadap penganiayaan kanak-kanak serta dalam memberi kesedaran kepada ibubapa mengenai disiplin kepada kanak-

kanak supaya ianya tidak melampau hingga mendera kanak-kanak. Pasukan Perlindungan Kanak-kanak ini akan mencari langkah-langkah bagi mengatasi masalah di peringkat tempatan serta berusaha untuk mengawal dan mencegah kejadian penganiayaan kanak-kanak dengan lebih berkesan.

- (c) Negara ini tidak menghadapi masalah kanak-kanak hanyut (street children). Kanak-kanak hanyut yang terumbang-ambing di bandar-bandar atau desa-desa adalah dipercayai kanak-kanak pendatang asing dari negara jiran yang datang ke negara ini secara haram untuk tujuan mengemis. Bilangan yang telah ditangkap sejak tahun 1987 hingga 1989 adalah seramai 322 orang. Mereka telah diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan selanjutnya.

RAKYAT TERMISKIN— PROGRAM PEMBANGUNAN

12. Tuan Michael Asang minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah keluarga mengikut negeri yang telahpun mendapat bantuan melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin sehingga 30 November 1990;
- (b) apakah masalah-masalah yang menghalang kelicinan pelaksanaan program ini;
- (c) adakah program ini akan ditcruskan khususnya di Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):

(a) Program Pembangunan Rakyat Termiskin merangkumi berbagai program yang bertujuan membantu rakyat termiskin, seperti:

- (i) Latihan dan bimbingan ladang;
- (ii) bantuan pembinaan semula/pemulihan rumah;
- (iii) bantuan makanan tambahan dan bantuan susu sekolah;
- (iv) bantuan makan kepada kanak-kanak miskin.

Sehingga 30.11.90, seramai 16,514 keluarga golongan termiskin yang telah mendapat bantuan membina semula dan membaiki pulih rumah di bawah Program Pemulihan Rumah.

Bagi program-program yang lain pula sehingga ini maklumat-maklumat yang terperinci mengenai bilangan keluarga termiskin yang mendapat bantuan di bawah program ini belum lagi diperolchi dengan sepenuhnya kerana program tersebut masih dilaksanakan pada tahun ini.

Walau bagaimanapun, sehingga akhir tahun 1989, kedudukannya adalah seperti di Lampiran 'A'.

(b) Pada keseluruhannya tidak terdapat masalah yang besar yang boleh menghalang kelicinan pelaksanaan program-program ini. Masalah-masalah kecil yang

sering dihadapi antara lain adalah seperti berikut

- (i) pengemaskinian daftar kumpulan keluarga termiskin masih berterusan;
 - (ii) soal keluarga-keluarga miskin yang menumpang di tanah yang bukan miliknya—ini khusus bagi bantuan pulih/baik rumah.
- (c) Program membasmi kemiskinan adalah satu program penting Kerajaan yang akan diteruskan termasuklah ke Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, dasar untuk membantu rakyat yang miskin memang sentiasa diberi penekanan dalam program-program pembangunan Kerajaan.

LAMPIRAN "A"

JUMLAH KELUARGA MISKIN DAN TERMISKIN MENGIKUT NEGERI YANG MENDAPAT BANTUAN MELALUI PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN (PPRT) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Negeri	Bilangan keluarga miskin dan termiskin yang mendapat bantuan sehingga 31.12.89
Kelantan	5,033
Kedah	2,711
Negeri Sembilan	596
Johor	630
Terengganu	1,098
Melaka	1,004
Perak	689
Pahang	477
Pulau Pinang	569
Selangor	1,340
Perlis	1,026
Sabah	234
Sarawak	132
Wilayah Persekutuan Labuan	181

JUMLAH 15,720

Jumlah ini tidak termasuk program-program di bawah sektor pertanian.

NILAI RINGGIT

16. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa Kerajaan terpaksa membelanjakan sebanyak lapan billion ringgit untuk menyokong nilai ringgit supaya kedudukan ringgit \$1.10 sama dengan satu dolar Singapura sebelum dasar baru ditetapkan. Oleh yang demikian, minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah asasnya Kabinet ketika itu perlu menyokong nilai ringgit di pasaran matawang dunia;
- (b) dalam tempoh tersebut, berapa kali Kerajaan melibatkan diri untuk menyokong nilai ringgit dan jumlah kerugian Negara bagi setiap tahun;
- (c) adakah Kerajaan menyokong nilai ringgit selepas tempoh tersebut itu. Jika ada, sebutkan kerugiannya. Jika tidak, mengapa; dan
- (d) apakah kesan baik dan buruk bagi Kerajaan menyokong nilai ringgit naik turun mengikut keadaan pasaran yang menentukan nilai sebenar.

Dato' Loke Yuen Yow:

- (a) Langkah-langkah umum menyokong nilai ringgit di pasaran pertukaran wang asing bukanlah keputusan Kabinet. Dalam awal tahun lapan puluhan isu nilai ringgit terhadap dolar Singapura adalah isu yang sensitif. Kenaikan dolar Singapura yang kecil pun telah mengakibatkan kebimbangan yang ketara di kalangan rakyat Malaysia. Oleh itu Kerajaan telah menyokong nilai ringgit terhadap dolar Singapura. Selepas bulan Oktober 1984 Kerajaan tidak lagi menyokong ringgit terhadap dolar Singapura.

(b) Jumlah perbelanjaan yang terlibat untuk menyokong nilai ringgit dalam lahun 1980 hingga 1984 ialah 8 billion ringgit.

(c) Kerajaan tidak lagi menyokong nilai ringgit sebab langkah tersebut memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Wang ini boleh diguna untuk membiayai pembangunan dan tujuan lain yang lebih produktif. Tambahan pula usahajajaran utama, dengan izin, "currency realignments" telahpun dilaksanakan berikutan Plaza Accord pada tahun 1985 dan nilai yen telahpun meningkat dengan nyata. Dengan itu adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak campurtangan dalam pasaran matawang asing. Kerajaan hanya bertindak untuk menentukan supaya pasaran terhadap ringgit adalah teratur. Turun naik nilai ringgit berbanding dengan sesuatu matawang adalah ditentukan oleh faktor pasaran di pasaran pertukaran matawang asing.

(d) Nilai ringgit yang kompetitif memberi lebih manfaat kepada kita kerana ianya telah meningkatkan daya bersaing eksport kita, meningkatkan prospek untuk sektor pelancongan dan telah menjadikan negara kita sebuah negara yang menarik untuk pelaburan. Nilai ringgit yang kompetitif telah menghasilkan kesan-kesan yang baik kepada ekonomi negara kita.

PETRONAS—PERBELANJAAN

17. Datuk Monggoh Orow minta Perdana Menteri menyatakan perbelanjaan PETRONAS bagi berikut sehingga 30-6-90:

- (a) Pengurusan dan Pentadbiran; dan
- (b) Pembangunan.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Perbelanjaan PETRONAS semenjak bermula operasinya dalam tahun 1975 sehingga 30 Jun 1990 bagi Pengurusan dan Pentadbiran serta Pembangunan adalah seperti berikut:

- | | |
|--------------------------------|----------------|
| (a) Pengurusan dan Pentadbiran | \$1,407.3 juta |
| (b) Pembangunan | 58,915.7 juta |

KAD PENGENALAN—KUASA POLIS BANTUAN

18. Dr V. David minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah pihak Polis Bantuan mempunyai kuasa menyimpan kad pengenalan seseorang penduduk; dan
- (b) bolehkan beliau menjelaskan kepada Dewan ini tentang kuasa yang diberi kepada mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):

- (a) Polis Bantuan mempunyai kuasa untuk menyimpan kad pengenalan seseorang penduduk mengikut peruntukan Seksyen 6(2)(k) Akta Pendaftaran Negara 1959.
- (b) Kuasa Polis Bantuan adalah sama seperti anggota Polis yang lain setaraf dengan jawatan yang disandangnya mengikut Peraturan 5(1) Peraturan Polis (Polis Bantuan) 1970.

MINYAK MENTAH—PENGELUARAN

19. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah pengeluaran petroleum negara ini dari segi jumlah purata tong sehari dalam tempoh 10 tahun lalu dengan menyatakan angka untuk setiap tahun;

- (b) pengeluaran petroleum di negara ini dalam bentuk tong sehari selepas Krisis Teluk meletus; dan
- (c) harga petroleum setiap tong sebelum dan selepas Krisis Teluk.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Jumlah pengeluaran minyak mentah negara dalam tempoh 10 tahun lalu adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Pengeluaran (Tong/sehari)</i>
1980	275,700
1981	258,100
1982	303,200
1983	384,000
1984	449,900
1985	446,200
1986	502,800
1987	497,900
1988	541,900
1989	588,700

Pengeluaran purata bagi bulan Januari hingga November 1990 ialah sebanyak 620,600 tong sehari.

Pengeluaran purata minyak mentah negara selepas Krisis Teluk iaitu mulai bulan Ogos 1990 hingga sekarang ialah sebanyak 650 ribu tong.

Harga purata jualan minyak mentah Malaysia bagi tempoh tiga bulan sebelum tercetusnya Krisis Teluk ialah:

<i>Bulan</i>	<i>Harga purata (US\$/Tong)</i>
Mei	17.05
Jun	15.72
Julai	15.33

Harga purata jualan minyak mentah Malaysia bagi tempoh Ogos hingga November 1990 ialah:

<i>Bulan</i>	<i>Harga purata (US\$/Tong)</i>
Ogos	19.64
September	28.36
Oktober	37.15
November	36.11

RAWATAN PESAKIT BARAH DI SABAH

20. Tuan Maidom P.Pansai minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan akan mewujudkan Unit Rawatan Penyakit Barah di Kota Kinabalu, Sabah kerana pada masa sekarang pesakit-pesakit barah di Sabah terpaksa dihantar sama ada ke Kuching, Sarawak atau ke Hospital Besar Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Satu unit Radioterapi telahpun dicadangkan bagi Hospital Besar Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, di bawah Rancangan Malaysia Keenam bagi kemudahan rawatan pesakit-pesakit barah di Sabah.

(Soalan No.21. Sila lihat jawapan No. 9 pada 5-12-90)

PENDATANG HARAM DI SABAH

22. Tuan George Sangkin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dakwaan yang menyatakan bahawa terdapat sebilangan besar pendatang-pendatang haram di Sabah telah berjaya mendapat kad pengenalan biru dan seterusnya menjadi warganegara Malaysia dalam masa yang singkat sahaja. Dan juga benarkah dakwaan yang menyatakan bahawa masih terdapat penduduk watan Sabah yang sudah bertahun-tahun memegang kad pengenalan merah masih belum memperolehi kad pengenalan biru.

Apakah sebab-sebab perkara ini terjadi dan apakah langkah-langkah Kerajaan Pusat untuk mengatasinya..

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya ingin menegaskan bahawa adalah tidak benar pendatang haram di Sabah telah mendapat kad pengenalan biru dalam masa yang singkat. Ini adalah kerana seseorang itu perlu memenuhi syarat kemastautinan tertentu sebelum ia layak memohon. Pemegang kad pengenalan merah tidak menjadi warganegara secara otomatik. Mereka perlu membuat permohonan sekiranya hendak menjadi rakyat Malaysia. Kerajaan menimbang setiap permohonan atas merit kes berkenaan.

NILAI MATAWANG YEN— KENAIKAN

23. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kerugian yang menimpa Malaysia setelah nilai matawang yen melambung naik akibat dari pinjaman yang terlalu banyak dibuat oleh Malaysia dari Negara Jepun;
- (b) sewaktu pinjaman dibuat dari Jepun tidakkah ada sebarang proviso yang membolehkan negara peminjam (Malaysia) menukar pinjaman berkenaan dari yen kepada matawang lain untuk meneruskan bayaran ke atas pinjaman yang dibuat; dan
- (c) kalau ada proviso yang membolehkan pertukaran dari yen kepada matawang lain mengapakah tindakan yang segera tidak diambil untuk menyelamatkan Malaysia dari ditimpa kerugian yang besar, atau sebaliknya berusaha untuk mendapatkan pinjaman yang baru dari matawang lain supaya dapat menjelaskan beban hutang dari Jepun apabila nilai yen meningkat tinggi.

Dato' Loke Yuen Yow:

- (a) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sesuatu negara yang membuat pinjaman luar adalah terdedah kepada risiko perubahan matawang asing. Oleh yang demikian, kita dapati bahawa negara perlu menanggung kesan dari kenaikan nilai sesuatu matawang misalnya Yen. Walau bagaimanapun, kesan sebenar tidaklah boleh diambilkira sebagai suatu 'kerugian' melainkan Kerajaan mengambil keputusan untuk membayar kesemua hutang berkenaan. Walau bagaimanapun, jika mengambilkira nilai pertukaran Ringgit dengan Yen pada masa kini kita dapati bahawa negara kita terpaksa menanggung lebihan bayaran atau 'kerugian' sebanyak \$693 juta atau 11% akibat dari kenaikan matawang Yen ini.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesuatu pinjaman luar yang dilakukan, terutamanya pinjaman dua hala, diperuntukkan supaya hulang tersebut dijelaskan dalam matawang pinjaman dibuat. Oleh itu, kita dapati bahawa jika Kerajaan meminjam dari Kerajaan Jepun di bawah skim pinjaman OECF, negara kita sebagai peminjam perlu membayar balik pinjaman berkenaan di dalam matawang Yen.
- (c) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan adalah senantiasa meneliti dan mengawasi komposisi pinjaman luar negara untuk memastikan bahawa jumlah hutang negara tidak terikat kepada suatu matawang sahaja. Oleh itu, Kerajaan terus mengikuti perubahan nilai matawang Yen dan berbagai langkah telahpun diambil untuk mengurangkan kesan dari

kenaikan matawang tersebut. Selaras dengan itu Kerajaan Persekutuan telahpun membuat bayaran balik awal beberapa pinjaman Yen dan juga mengaturkan langkah-langkah dan tindakan untuk "currency-swap" yang secara langsung dapat memperbaiki kedudukan keseluruhan struktur hutang luar negara. Sejak 1987, Kerajaan telah membuat bayaran awal sejumlah Yen 119.1 billion atau lebih kurang \$2.2 billion. Sebahagian besar bayaran awal ini dibiayai oleh sumber pinjaman dalam negeri.

**PINJAMAN MEMBELI
KENDERAAN**

24. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Yang Berhormat bercadang memberi pinjaman wang kepada Guru-guru untuk membeli kereta atau motosikal seperti diberi pinjaman kepada pegawai-pegawai Kerajaan di Jabatan-jabatan ini.

Dato' Loke Yuen Yow: Kerajaan Persekutuan memang ada menyediakan kemudahan pinjaman untuk membeli kenderaan kepada pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, termasuklah Guru-guru, yang memenuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan bagi maksud itu. Peraturan-peraturan dan syarat-syarat mengenai pinjaman untuk membeli kenderaan seperti kereta, motosikal, basikal, motobot dan seumpamanya bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, termasuklah Guru-guru, adalah seperti ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil.6 Tahun 1990. Mengikut peraturan sekarang, kemudahan pinjaman ini adalah bagi pegawai yang sesungguhnya memerlukan kenderaan untuk menjalankan tugas rasminya dengan sempurna. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan syarat ini dipatuhi dengan sepenuhnya.

TOL DI JALAN CHERAS— KEJADIAN

25. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab yang berlakunya kejadian di Lebuhraya Tol Cheras baru-baru ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kejadian yang berlaku di Lebuhraya Tol Cheras telahpun menjadi pengetahuan umum. Kejadian itu berlaku kerana Kerajaan mengenakan tol di Jalan Cheras di mana tindakan itu tidak disenangi oleh penduduk kawasan yang berkenaan. Satu jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Gabungan Bantahan Cukai Tol telah ditubuhkan oleh penduduk berkenaan dan jawatankuasa itu dianggotai oleh Y.B. Tan Kok Wai, Ahli Parlimen kawasan Sungai Besi dan Encik Ishak bin Kamaruddin, Ketua Parti Semangat 46 Bahagian Sungai Besi.

Beberapa kejadian demonstrasi telah dianjurkan oleh jawatankuasa ini sebelum dan selepas penguatkuasaan tol pada 1-9-1990. Demonstrasi-demonstrasi itu pada peringkat awalnya diadakan secara aman tetapi kemudiannya telah menjadi ganas.

Pada 7-9-1990 pada jam 9.50 pagi, Y.B. Tan Kok Wai telah mengetuai seramai lebih 800 orang penduduk setempat mengadakan demonstrasi berhampiran dengan Plaza Tol. Demonstrasi itu kemudiannya telah bersurai pada jam 11.25 pagi apabila diarahkan oleh Ketua Polis Daerah Cheras. Pada malam hari yang sama, dianggarkan 1,000 orang pula telah mengadakan demonstrasi di hadapan Plaza Tol. Penunjuk perasaan telah menjadi bertambah agresif hingga membaling pasir dan batu ke arah anggota-anggota polis yang bertugas. Akibat tindakan ganas penunjuk perasaan itu, pihak Pasukan Simpanan Persekutuan telah melepaskan tembakan gas pemedih mata untuk menyuraikan penunjuk perasaan tersebut.

Pada 9-9-1990 di antara jam 8.00 hingga 11.00 malam sejumlah lebih kurang 500 orang pula telah berkumpul di persimpangan masuk ke Taman Cheras. Mereka bertindak liar dengan membaling kayu, batu dan tong drum serta menghalang lalulintas. Pihak polis terpaksa mengambil tindakan tegas untuk mementeramkan keadaan.

Berikutan dari demonstrasi-demonstrasi itu, pihak polis telah menahan seramai 50 orang iaitu 8 orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 31 orang kerana kesalahan memiliki senjata semasa rusuhan mengikut Seksyen 148 Kanun Kesiksaan dan 14 orang kerana kesalahan menghadiri perhimpunan haram mengikut Seksyen 25(5)(a) Akta Polis. Kesemua mereka telah dibebaskan dengan ikat jamin antara \$1,000.00 hingga \$1,500.00. Mereka yang ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri juga telahpun dibebaskan.

KESATUAN SEKERJA— PENDAFTARAN PERSEKUTUAN

26. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

(a) sebab-sebab Kerajaan menolak permohonan dari gabungan Kesatuan-kesatuan Sekerja dan Badan-badan Berkanun pada tahun 1982 yang mewakili 145,000 pekerja untuk menubuhkan sebuah Federasi Kesatuan Pekerja-pekerja Badan Berkanun di bawah Akta Kesatuan Sekerja, sedangkan Kerajaan dengan mudah telah meluluskan pendaftaran Perlubuhan Buruh Malaysia (MLO) sebagai alternatif kepada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC); dan

(b) tidakkah boleh Kementerian menimbang semula permohonan Kesatuan-kesatuan dan Badan-badan Berkanun supaya mereka dapat menubuhkan sebuah

Federasi untuk memelihara kepentingan mereka.

Dato' Lim Ah Lek:

- (a) Kerajaan telah menolak permohonan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana pemniukan-peruntukan di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959 tidak membenarkan pendaftaran Persekutuan Kesatuan Sekerja yang dicadangkan itu atas sebab kesatuan-kesatuan badan-badan berkanun yang menganggotai persekutuan itu terdiri dari industri-industri yang tidak serupa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pendaftaran Pertubuhan Buruh Malaysia (MLO) adalah dibuat menurut peruntukan-peruntukan Akta Pertubuhan 1966 yang di luar bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia.
- (b) Di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959, penubuhan persekutuan bagi kesatuan-kesatuan dari badan-badan berkanun terbatas kepada kesatuan-kesatuan dalam sesuatu industri yang sama sahaja dan tidak boleh meliputi semua kesatuan-kesatuan badan berkanun. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang menimbang semula permohonan untuk menubuhkan federasi badan-badan berkanun.

**USUL MENANGGUHKAN
MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT
18**

**UJIAN KHAS BAHASA
MALAYSIA**

3.30 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya ingin memberi

pemberitahu bersurat di bawah Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat 18(2) mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan dengan tujuan merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan yakni pelajar-pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan iaitu SRJK Cina dan Tamil yang memperolehi 6A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dikcnakan mengambil satu ujian khas Bahasa Malaysia bagi pengecualian mengikuti kelas peralihan di Sekolah Menengah Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, semua pelajar-pelajar SRJK yang memperolehi 6A tahun ini dikehendaki mengambil dan lulus satu ujian khas Bahasa Malaysia sebelum dibenarkan terus mengikuti Tingkatan Satu. Ramai ibubapa tidak berpuashati dan tidak bersetuju dengan syarat ini kerana pelajar-pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) yang memperolehi 4E atau gred E dalam semua perkara dibenarkan terus mengikuti Tingkatan Satu. Adalah mustahil pelajar-pelajar SRK yang memperolehi 4E iaitu seliap perkara kurang daripada 20 markah termasuk Bahasa Malaysia mempunyai penguasaan Bahasa Malaysia dan pencapaian akademik yang lebih baik dari pelajar-pelajar SRJK yang memperolehi 6A termasuk perkara Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah satu perkara tertentu dan berkenaan kepentingan orang ramai kerana berlakunya ketidakadilan ke atas kanak-kanak yang pintar. Sungguhpun hanya 1,600 pelajar-pelajar yang terlibat, tetapi prinsipnya bahawa galakan harus diberi kepada mereka yang cerdik dan pintar dan bukan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini juga harus disegerakan kerana ujian khas Bahasa Malaysia itu akan diadakan besok iaitu 11.12.90 dan ujian ini harus dibatalkan dan pelajar-pelajar tersebut dibenarkan terus mengikuti Tingkatan

Satu memandangkan alasan yang diberikan tidak berasas langsung. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli dari kawasan Kota Melaka pagi tadi telah menyampaikan kepada saya satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18. Beliau membawa usul itu dengan tujuan hendak meminta izin Dewan ini supaya ditangguhkan hari ini bagi maksud membincangkan sesuatu perkara tertentu bagi kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Sebelum Dewan ini memberi izin atau menolak, saya sebagai Yang di-Pertua mesti berpuashati bahawa usul yang berkenaan itu menepati tiga syarat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2). Syarat-syarat yang berkenaan adalah:

- (1) la perkara tertentu;
- (2) la perkara kepentingan orang ramai; dan
- (3) la perlu disegerakan perbincangannya.

Jika usul itu tidak memcnuhi ketiga-tiga syarat itu, saya diberi kuasa oleh Peraturan Mesyuarat untuk menolaknya tanpa meminta izin Dewan.

Setelah meneliti usul Ahli Yang Berhormat itu, saya dapati ia hanya memenuhi syarat yang pertama dan kedua. Saya tidak bersetuju ia perlu disegerakan perbincangannya sehingga menangguhkan mesyuarat hari ini kerana ini adalah satu syarat yang dikehendaki oleh Akta Pelajaran 1961 seperti yang telah dizahirkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri. Untuk membolehkan ujian ini tidak diadakan hendaklah terlebih dahulu Akta Pelajaran 1961 itu dipinda terlebih dahulu, kemudian barulah boleh usul-usul yang seperti ini dikemukakan.

Oleh yang demikian, saya menolak usul Yang Berhormat itu (*Tepuk*).

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG AMANAH PENCEN

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulanwang Amanah Pencen dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulanwang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA Y.A.
BHG. TUN SHARIFAH RODZIAH
BINTI SYED ALWI DAN
KELUARGA ATAS KEMBALINYA
KE RAHMATULLAH Y.T.M.
TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA
AL-HAJ, PERDANA MENTERI
YANG PERTAMA**

3.41 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan sedih yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah, Almarhum Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri yang pertama negara ini pada 6hb Disember, 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarga Almarhum.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh rakyat Malaysia berasa amat dukacita dan sedih di atas kembalinya ke Rahmatullah, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Sesungguhnya kembalinya ke Rahmatullah Almarhum Tunku, negara telah kehilangan seorang pemimpin dan negarawan yang terhormat lagi tercinta. Pengorbanan dan perjuangan Almarhum Tunku dalam bidang politik dan pentadbiran merupakan sumber inspirasi dan teladan kepada rakyat Malaysia. Kembalinya ke Rahmatullah Almarhum Tunku merupakan peristiwa yang amat sedih dalam sejarah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, keagungan seorang insan dapat diukur dengan dua cara. Pertamanya dengan melihat amalannya. Apa yang dilakukannya dan apa yang telah dilaksanakannya sepanjang hayatnya. Kedua, keperibadiannya.

Almarhum Tunku dilahirkan sebagai seorang putera Raja, namun watak dan keperibadiannya berkembang sebagai pemimpin rakyat. Almarhum membebaskan kita daripada belunggu penjajahan dan memberikan kita maruah sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Pernah suatu ketika Allahyarham Tun Dr Ismail menyifatkan perwatakan Almarhum Tunku sebagai, dengan izin, "warm and unassuming" dan Almarhum dapat menyesuaikan diri di semua keadaan sama ada di istana, di kampung, di kalangan masyarakat atasan ataupun masyarakat bawahan, golongan kaya ataupun miskin. Sumbangan Almarhum Tunku sebagai perintis dan pelopor kemerdekaan negara ini merupakan sumbangan yang tidak ternilai harganya dalam sejarah negara kita.

Almarhum Tunku juga telah membina asas bagi pelbagai institusi negara kita yang kita nikmati dan kita pertahankan hingga kini. Atas daya usaha Almarhum kita kini mewarisi perlembagaan negara, institusi-institusi politiknya dan struktur pentadbirannya. Almarhum Tunku

sentiasa berada pada tempat dan ketika beliau diperlukan. Almarhum Tunku bukan sahaja menjadi pemimpin orang Melayu dalam mempelupuri kemerdekaan negara tetapi terus menjadi seorang negarawan ulung yang disegani dan dicintai oleh semua kaum. Formula politik Perikatan yang dipelopori oleh Almarhum Tunku bagi menyatukan rakyat Malaysia merupakan formula yang terbukti kemantapannya untuk negara kita.

Setelah mencapai kemerdekaan dan membentuk Malaysia, Almarhum Tunku telah berperanan pula sebagai pemimpin dan pemandu pembangunan negara kita ke arah kemajuan dan kemakmuran. Bersama-sama dengan Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein, Almarhum telah mencipta rancangan pembangunan yang memberi penekanan kepada pembangunan luar bandar. Almarhum Tunku telah mengasaskan nilai-nilai kesederhanaan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Antara nilai ini adalah tolcransi, bertolak ansur, persefahaman dan muhibah. Nilai-nilai ini telah mendorong masyarakat majmuk Malaysia hidup aman dan lenteram.

Tuan Yang di-Pertua, Almarhum Tunku jugalah yang telah mengasaskan budaya politik yang berlandaskan komperomi dan muafakat di antara golongan-golongan yang berlainan latar belakang dan kepentingan. Almarhum Tunku juga merupakan seorang penentang fahaman dan gerakan komunis. Apabila Almarhum menandatangani pengisytiharan berakhirnya dharurat, Almarhum telah menyatakan betapa bangganya Almarhum dengan perpaduan dan taat-setia rakyat Malaysia. Almarhum menyatakan rakyat Malaysia telah memperlihatkan kepada dunia bahawa mereka mempunyai cara hidup yang jauh lebih baik dan lebih makmur daripada yang dijanjikan oleh pihak komunis.

Meskipun Almarhum merupakan penentang fahaman komunis yang legas, namun Almarhum sebenarnya merupakan seorang pencinta damai. Almarhum pernah menyalakan, dengan izin, "I believe in giving the people clothes instead of uniforms; houses instead of barracks, food instead of bullets." Almarhum juga lelah memainkan peranan penting dalam mengembangkan syiar Islam di dalam negara kita dan di peringkat antarabangsa. Almarhum Tunku mengasaskan Majlis Tilawah Al-Quran Kebangsaan dan Antarabangsa yang menjadi satu acara yang menarik dalam dunia Islam hingga sekarang. Sebagai pemimpin PERKIM, Almarhum Tunku telah membantu mengembangkan syiar Islam di rantau ini dan berusaha memelihara kebajikan mereka yang memeluk agama Islam.

Pada tahun 1961 Almarhum telah mengutarakan Gagasan Komanwel Islam untuk mencari litik perpaduan di kalangan negara-negara Islam. Pada bulan April 1969 sebagai hasil usaha Almarhum Tunku, Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada Persidangan Islam Antarabangsa yang disertai oleh 20 buah negara Islam. Sebagai Setiausaha Agung pertama Sekretariat Islam yang kemudian dikenali sebagai Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC), Almarhum telah berjaya memperjuangkan kepentingan umat Islam di seluruh dunia dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Almarhum juga merupakan seorang tokoh antarabangsa. Almarhum memelopori usaha-usaha ke arah memupuk perpaduan dan kerjasama serantau. Sewaktu hubungan di kalangan negara-negara di rantau ini tidak begitu mesra, Almarhum Tunku telah mencadangkan suatu Pertubuhan Serantau Bagi Kawasan Asia Tenggara untuk memajukan persefahaman di kalangan negara-negara tersebut. Cita-cita tersebut menjadi kenyataan dengan terbentuknya Persatuan Asia Tenggara ataupun ASA antara Malaysia, Thailand

dan Filipina. Pada tahun 1967 lahirlah ASEAN dengan penyertaan Indonesia dan Singapura.

Antara anugerah yang diterima oleh Almarhum Tunku ialah anugerah Ramon Magsaysay dalam tahun 1960. Sikap Almarhum Tunku yang mengutamakan keadilan dan peri kemanusiaan menjadikan Almarhum penentang ulung apartheid Afrika Selatan. Almarhum telah mengutuk dasar tersebut di Persidangan Komanwel di London pada tahun 1960 dan melancarkan pemuluan terhadap barang-barang Afrika Selatan yang kemudiannya turut disertai oleh beberapa negara lain. Akibat tekanan ini Afrika Selatan terpaksa meninggalkan Komanwel pada tahun 1961.

Almarhum Tunku juga terkenal sebagai seorang pencinta sukan. Kerana minat dan sumbangannya Almarhum telah dilantik menjadi Presiden Persatuan Bola Sepak Asia dari tahun 1959 hingga 1971. Almarhum Tunku juga telah mengilhamkan Pertandingan Bolasepak Merdeka iaitu salah satu pertandingan bertaraf antarabangsa yang utama di rantau ini.

Sebagai penaung kegiatan seni, Almarhum Tunku telah memberikan perhatian kepada warisan kebudayaan Melayu. Almarhum merupakan seorang penulis yang prolific, menghasilkan karya-karya yang menarik dalam bentuk rencana dan buku.

Tuan Yang di-Pertua, Almarhum Tunku tidak lagi bersama kita, namun sumbangan Almarhum tidak dapat dihilangkan daripada kenangan kita. Tiada siapa dapat menafikan sumbangan Almarhum kepada negara yang amat dicintai oleh Almarhum. Nama dan sumbangan Almarhum akan tertulis dengan tinta emas dalam sejarah negara.

Enam bulan dahulu, Tuan Yang di-Pertua, kita telah kehilangan Allah-yarham Tun Hussein Onn, Perdana

Menteri ketiga negara kita. Sebagai Perdana Menteri, saya telah membawa Usul Takziah di Dewan yang mulia ini. Mengingati perbahasan yang berlaku semasa Usul itu dibincangkan, saya ingin merayu kepada semua Ahli Dewan daripada kedua-dua belah pihak, iaitu daripada parti Kerajaan dan parti Pembangkang supaya tidak mengambil kesempatan daripada perbahasan Usul ini untuk mengutarakan kepentingan-kepentingan politik mana-mana parti.

Sebagai penghormatan terakhir daripada Dewan ini di mana Almarhum Tunku telah mengctuai Ahli-ahli Kerajaan selama 13 tahun dan bagi mengenang budi Almarhum sebagai negarawan, marilah kita buat seketika bersama-sama Kerajaan dan Pembangkang menghormati Almarhum dengan mengucap takziah daripada hati yang ikhlas kepada keluarga Almarhum tanpa akrimoni. Di waktu yang solemn ini, kosongkanlah hati kita semua daripada perkara-perkara lain yang akan memesongkan kita daripada kesedihan yang kita rasai bersama.

Sesungguhnya kembalinya ke Rahmatullah Almarhum Tunku amat dirasai oleh rakyat Malaysia. Saya bagi pihak Kerajaan berharap balu Almarhum, Tun Sharifah Rodziah dan anggota keluarga Almarhum akan tabah hati serta bersabar. Kita berdoa semoga Allah s.w.t. mencucuri rahmatNya ke alas roh Almarhum.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

3.53 ptg.

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj serta menyampaikan penghargaan yang tidak

terhingga terhadap jasa-jasa dan sumbangan ikhlas Almarhum Tunku terhadap negara sepanjang hayatnya.

Bagi pihak parti MCA saya juga ingin menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah dan keluarganya atas kemangkatan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

MCA merasai kehilangan seorang sahabat karib yang disanjung tinggi oleh kesemua Ahli-ahlinya, seorang negarawan ulung yang paling banyak menabur jasa terutama sekali dalam merintis jalan untuk mencapai kemerdekaan negara pada tahun 1957.

Sebagai "Bapa Kemerdekaan" dan pengasas penubuhan parti Perikatan, Almarhum Tunku, Perdana Menteri yang pertama, telah menjadi lambang perpaduan negara bagi rakyat yang terdiri dari berbilang keturunan. Almarhum Tunku sentiasa berpegang teguh kepada kepercayaan bahawa negara kita yang mempunyai ciri-ciri kepelbagaian kaum perlu mengamalkan dasar-dasar yang sesuai dan adil untuk rakyat yang berbilang keturunan.

Bagi masyarakat Cina khasnya dan rakyat Malaysia amnya, Almarhum Tunku adalah dikenali sebagai seorang negarawan yang amat memahami tentang betapa perlunya pemimpin dan rakyat mempunyai sikap toleransi, saling hormat-menghormati dan bertolak ansur di dalam sesebuah negara berbilang keturunan dan agama seperti Malaysia. Almarhum Tunku percaya bahawa dalam sebuah masyarakat majmuk seperti di Malaysia, segala pendapat atau sikap yang extreme yang mungkin membawa kepada konfrantasi hendaklah dielak dan diketepikan. Sifat-sifat Almarhum yang sederhana, liberal, adil dan sentiasa menjaga kepentingan semua rakyat tanpa mengira latar belakang dan asal keturunan patutlah dijadikan teladan.

Dengan ringkasnya, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bukan sahaja telah mendapat sanjungan, keyakinan, kasih sayang dan dikagumi oleh semua rakyat Malaysia, bahkan Almarhum juga telah mendapat penghormatan sebagai seorang pemimpin yang terkemuka di kalangan pemimpin-pemimpin di peringkat antarabangsa. Almarhum Tunku merupakan salah seorang pengasas bagi Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara atau ASEAN di mana Almarhum Tunku yang mempunyai pandangan jauh sejak awal lagi telah sedar tentang pentingnya untuk mewujudkan ASEAN bagi tujuan memperkukuh dan melindungi kedudukan serta kepentingan negara-negara yang sedang membangun di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting bagi kita semua rakyat Malaysia semasa memberikan penghormatan kepada seorang negarawan yang kita kasihi, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, ialah untuk terus mengingati jasa-jasa Almarhum supaya kita semua khususnya jenerasi yang akan datang dapat memahami dan mengambil pengajaran dari jasa bakti Almarhum dalam usahanya membina sebuah negara yang maju, aman dan bersatu-padu.

Semoga Tuhan akan melimpahkan rahmatnya ke atas roh Almarhum, mudah-mudahan keluarga Almarhum akan bersabar atas pemergiannya dan sentiasa berada dalam keadaan sihat sejahtera.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong Usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bayan Baru.

3.59ptg.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak DAP, saya juga ingin merakamkan perasaan yang amat sedih dan mengucapkan takziah kepada Tun Sharifah Rodziah, balu Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, negara telah kehilangan seorang negarawan yang ulung, yang mashyur dalam dan luar negeri. Rakyat dari semua lapisan merasai amat sedih dan berdukacita dengan kematian Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku pada 6hb Disember yang baru lalu. Kematian Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku adalah merupakan suatu kehilangan yang besar kepada negara kerana Almarhum sentiasa dianggap bapa kepada masyarakat majmuk negara ini.

Almarhum Tunku semasa hayatnya telah menjadi pembela serta pelindung kepada rakyat yang cintakan keadilan, kebebasan dan keamanan.

Rakyat amat terharu dengan pemergian Almarhum Tunku pada 6hb Disember yang lalu. Almarhum adalah simbol kebebasan, demokrasi dan keadilan. Kejayaan Almarhum mendapatkan kemerdekaan bagi negara ini dari penjajah, mewujudkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan dan mentadbir negara ini dengan begitu adil semasa menjadi Perdana Menteri yang pertama tidak akan dilupai oleh sejarah. Kepimpinan dan sifat-sifat peribadi mulia Almarhum Tunku telah menawan hati semua golongan masyarakat di negara ini tanpa kira kaum dan keturunan. Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku sentiasa dihormati dan disegani sama ada oleh kawan mahupun lawan.

Semasa Almarhum Tunku menjadi Perdana Menteri yang pertama dari tahun 1957 hingga ke 1970, beliau telah

menerokadan membangunkan negara ini yang baru sahaja mencapai kemerdekaan itu dengan amat cemerlang dan kemudiannya diserahkan kepada pemimpin-pemimpin lain. Perjuangan Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku telah dilalui dengan penuh cabaran, pengorbanan serta kesabaran. Zaman Almarhum Tunku bukan seperti yang kita lihat sekarang. Almarhum Tunku dan rakan-rakan seperjuangannya ketika itu telah berkorban habis-habisan tanpa mengharapkan ganjaran bugi kepentingan diri masing-masing. Ketika itu pembangunan negara lebih menekankan kepada pembangunan asas bagi membina masyarakat untuk maju, di samping mengukuhkan keselamatan dalam negeri daripada ancaman komunis.

Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku walaupun pernah mendakwa dirinya sebagai seorang Perdana Menteri yang paling gembira di dunia, dengan izin, the happiest Prime Minister in the world, pada satu ketika dahulu. Kegembiraan ini mencerminkan bahawa beliau amat gembira dan berpuas hati dengan apa yang diperjuangkan oleh Almarhum Tunku untuk rakyat dan negara. Kegembiraan Almarhum itu dirasai dan dinikmati oleh rakyat jelata. Rakyat ketika itu berpuas hati kerana Almarhum Tunku seorang yang liberal, yang sederhana, bertimbang rasa dan cuba memberi keadilan kepada semua golongan masyarakat. Sesungguhnya sifat-sifat mulia seorang pemimpin yang ditunjukkan oleh Almarhum sukar dibuat perbandingan.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj menjadi Perdana Menteri, beliau telah membawa sikap-sikap terbaik-baik serta mengadakan hubungan yang mesra dan erat dengan semua pihak, seperti pertubuhan-pertubuhan masyarakat, sosial, parti-parti politik, pergerakan buruh, badan-

badan agama, pendidikan, kebudayaan dan lain-lain telah berpeluang mengadakan hubungan dan dialog dengan Almarhum dari masa ke semasa secara terbuka melalui semangat persefahaman. Tidak ada pihak pada ketika itu mengangapkan diri mereka ditekan atau dicengkam dengan sebarang undang-undang yang mencabuli hak-hak asasi manusia, kebebasan bersuara dan juga demokrasi. Almarhum Tunku berjaya menyelesaikan berbagai masalah berbangkit melalui cara bermesyuarah dan tolak ansur.

Tuan Yang di-Pertua, Almarhum Tunku tidak pernah menyalahgunakan kuasa dan undang-undang dengan sewenang-wenangnya. Akta Keselamatan Dalam Negeri telah digunakan hanya untuk mengawal keselamatan negara yang berhubungkait dengan ancaman komunis. Pejuang-pejuang hak asasi manusia dan ahli-ahli politik tidak pernah ditahan kerana mengkritik dasar-dasar Kerajaan. Kita juga telah berbangga dengan Almarhum Tunku kerana beliau berjaya mentadbir negara ini secara yang bersih, jujur, lebih adil. Zaman Almarhum, amalan rasuah, penyelewengan skandal-skandal kewangan jarang kedengaran. Politik yang dibawa oleh Almarhum juga bersih kerana ketika itu politik perkauman, politik wang tidak diamalkan secara berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat amat berbangga kerana Almarhum Tunku telah berjaya memenuhi aspirasi rakyat untuk menuntut kemerdekaan bagi kepentingan semua lapisan warga-negara. Kemerdekaan telah dapat dirasai dengan sebenarnya kerana kita telah dibebaskan dari berbagai tekanan, penindasan dan kekejaman yang dilakukan oleh penjajah sebelum itu.

Tuan Yang di-Pertua, kini Almarhum Tunku yang kita sanjungi dan amat sayangi sudah tiada lagi. Almarhum Tunku seperti yang kita ketahui sehingga

ke akhir hayatnya masih terus berjuang tanpa menghiraukan umur yang tua dan kesihatan semata-mata untuk membela rakyat. Hasrat Almarhum Tunku ialah untuk melihat keadilan dan demokrasi yang bermakna wujud di negara ini.

Bagi mengenangkan pengorbanan dan jasa-jasa yang dicurahkan oleh Almarhum Tunku yang tidak terputus-putus itu, saya dengan ikhlas ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini meminta Kerajaan menimbang dengan serius supaya mengkaji semula segala undang-undang yang ada yang dianggap telah mencabuli hak-hak asasi manusia dan sistem demokrasi di negara ini. Inilah satu-satunya harapan Almarhum sebelum beliau meninggalkan kita.

Bagi memperingati Almarhum sebagai Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia, saya ingin mengesyorkan supaya sebuah buku khas berhubung dengan riwayat hidup Almarhum dicipta dan dijadikan sebagai buku bacaan wajib di sekolah-sekolah semoga sejarah dan riwayat hidup Almarhum itu dipelajari serta dihayati oleh generasi muda dan yang akan datang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sungai Siput.

4.07 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato¹ Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, pemergian Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj adalah satu kehilangan kepada negara. Ianya adalah satu kehilangan yang tidak dapat ditukar ganti. Selama ini Almarhum Tunku adalah ibarat sebuah institusi di Malaysia. Dengan gelaran Bapa Malaysia, Almarhum Tunku adalah menjadi bapa kepada semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Dengan pemergian Almarhum Tunku dapat kita melihat betapa besarnya sanjungan dan kasih sayang

serta hormat yang beliau terima dari negara dan rakyat dari segenap lapisan masyarakat yang berbilang kaum. Saya tidak fikir terdapat walaupun seorang yang membenci Almarhum Tunku.

Bagi pihak MIC, ingin saya menyatakan di sini bahawa Almarhum Tunku adalah seorang yang kasih dan sayangkan masyarakat India sama seperti kasih dan sayangnya terhadap masyarakat-masyarakat yang lain. Walaupun Almarhum Tunku adalah seorang yang kuat berpegang kepada ajaran Islam, tetapi beliau tidak pula ketinggalan memberi naungan terhadap upacara-upacara agama lain. Apabila Almarhum berada di Pulau Pinang dan seliap kali Thaipusam Silver Jubilee Chariot, dengan izin, melintasi rumahnya di Jalan Ayer Raja, Almarhum akan keluar dari rumah dan Thaipusam Silver Chariot itu akan berhenti untuk memberi penghormatan tradisional kepadanya. Almarhum Tunku adalah Perdana Menteri yang pertama merasmikan, dengan izin, The First International Tamil Conference di Malaysia.

Sebagai Perdana Menteri Pertama kepada negara berbilang kaum, Almarhum telah memulakan satu amalan untuk diikuti oleh Perdana Menteri dan juga Kerajaan yang akan datang kelak.

Dalampilihanraya umum tahun 1969, saya telah berpeluang berucap dalam dua perhimpunan Parti Perikatan di bawah pimpinan Almarhum Tunku di Port Dickson dan juga di Kuantan. Apabila selesai perhimpunan di Kuantan, hari telah larut malam, Almarhum Tunku dengan lemah lembut datang dan bertanya sama ada kami akan balik ke Kuala Lumpur pada malam yang sama. Apabila kami menyatakan "ya", Almarhum telah menasihatkan beberapa kali supaya kami memandu dengan berhati-hati. Dengan izin, inilah Tuan Yang di-Pertua, human relationship yang telah dipunyai oleh Almarhum Tunku.

Almarhum Tunku adalah seorang yang percaya dan berpegang teguh dengan konsep Perikatan dengan perkataan dan perbuatan. Almarhum telah membuktikan bahawa beliau bukanlah bertujuan mencari keuntungan melalui politik dan kita boleh mempercayainya sama ada di waktu senang ataupun di waktu susah,

Tuan Yang di-Pertua, Almarhum adalah seorang yang agung dan saya berbangga seorang seperti Almarhum telah hidup di negara kita ini. Kehilangan Almarhum sangat-sangat dirasakan oleh negara dan kepada keluarga serta Tun Sharifah Rodziah, kami mengucapkan takziah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli dari Gua Musang.

4.12 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah (Gua Musang); Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak parti Semangat 46, saya bangun kerana ingin menyokong usul Ucapan Takziah yang ada di hadapan kita ini. Negara berkahang kerana berakhirnya suatu legenda dalam sejarah negara kita, tokoh politik Melayu teragung pada abad ini, seorang pejuang kemerdekaan terulung di Asia dan begitu dikasihi dan dikagumi oleh berjuta-juta rakyat Asia dan Afrika yang mengingati Almarhum sebagai juara anti-apartheid berdekad-dekad sebelum tajak ini diperkatakan.

Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj berusia hampir 9 dekad menyaksikan perubahan-perubahan dalam negara ini yang hanya beberapa orang berkesempatan menjadi sebahagian daripadanya dan sentiasa mengabdikan kepada semangat demokrasi, perpaduan, keadilan dan hak-hak manusia. Bagaimanakah sejarah akan memperingati Tunku. Saya yakin sanjungan-sanjungan yang berterusan akan dicurah ke atas seorang yang mempunyai kejayaan-kejayaan

cemerlang akan menyebabkan berjilid-jilid buku akan ditulis. Mungkin terlalu banyak hendak dikira. Bagi saya dan bagi sesiapa yang mempunyai hubungan rapat dengan Tunku, dalam satu patah perkataan "Dia adalah seorang patriot teragung di negara ini". Tidak ada seorang pun dari kalangan kita di Parlimen ini akan berada di sini jika tidak kerana kesungguhan Almarhum memastikan Malaysia bebas dari kongkongan penjajah. Tidak ada seorang pun daripada kalangan kita akan berada di sini jika Tunku tidak, pada masa itu, mencipta institusi demokratik yang menyaksikan Malaysia maju semenjak 3 hingga 4 dekad lampau.

Almarhum Tunku tidak pernah lari daripada kebenaran, juga Tunku tidak akan berkompromi di atas prinsip-prinsip asas. Mereka yang bergembira melihat Almarhum meninggalkan Kerajaan pada tahun 1972, tidak mengambil kira kesungguhan dan pegangan Almarhum kepada kebenaran. Selepas menghabiskan suatu tempoh perkhidmatan Tunku berkhidmat untuk Islam dan untuk negara-negara Islam di atas permintaan Raja Arab Saudi, usaha-usaha untuk menyebarkan ajaran Islam jauh dan meluas dengan memenangi berjuta-juta saudara baru, Almarhum pulang ke tanahair, tempat tumpah darahnya untuk memperbetulkan perbuatan-perbuatan mungkar yang pada pandangan Almarhum telah dilakukan.

Mereka yang berusaha melenyapkan suara Almarhum percaya bahawa pejuang agung demokrasi dan keadilan sudah tidak ada lagi. Mereka silap perhitungan. Perjuangan Almarhum Tunku masih menyala merah dan mereka yang berkongsi prinsip-prinsipnya akan meningkat usaha untuk memastikan perjuangan Almarhum bukanlah sia-sia.

Almarhum sungguhpun dilahirkan sebagai seorang putra raja, beliau sentiasa bersikap 'gentleman' dan disenangi oleh rakyat biasa. Tunku

menjadi seorang ahli politik atas kehendaknya sendiri, kemudian menjadi Perdana Menteri. Dia bertukar menjadi negarawan, tetapi kekal menjadi hamba abdi kepada Allah s.w.t. dan rakyat di tanahairnya.

Kita sama-sama berdoa semoga roh negarawan ulung ini akan dicucuri rahmat oleh Allah s.w.t. dan dimasukkan ke dalam himpunan roh orang-orang yang beriman dan soleh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Menteri Perusahaan Utama.

4.18 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit untuk menyokong usul Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan sedih yang amat sangat ke atas kembalinya ke Rahmatullah, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri yang pertama negara ini pada 6hb Disember, 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarga Almarhum seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya bagi pihak Parti Gerakan serta diri saya sendiri merakamkan juga ucapan takziah kita bersama kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah dan keluarga atas pemergian Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri pertama kita.

Saya juga ingin turut menyampaikan perasaan amat dukacita kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah dan keluarga kerana mereka sudah mengalami kehilangan seorang yang disayangi oleh mereka. Sesungguhnya negara telah kehilangan seorang negarawan yang ulung yang

telah banyak memberi khidmat bakti kepada negara. Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah memberi sumbangan yang tidak ternilai kepada negara dan sebagai Bapa Malaysia, membawa kemerdekaan kepada negara ini. Almarhum telah dapat memupuk perpaduan negara. Kesedihan yang dirasakan oleh semua lapisan rakyat jelata jelas menunjukkan kasih sayang kita terhadap Almarhum. Almarhum Tunku juga merupakan seorang pemimpin kebangsaan yang membawa kemerdekaan kepada negara dan seterusnya membina sebuah negara yang bersatu padu dan progresif dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum dan agama.

Almarhum merupakan seorang yang mempunyai sifat sungguh bertoleransi dan bersefahaman untuk membawa negara ini ke arah yang aman dan makmur. Almarhum merupakan bapa di negara ini serta seorang tokoh yang terkenal di dunia yang mana komitmen Almarhum kepada rakyat Malaysia yang dilakukan sepanjang hayatnya boleh dikenang sebagai seorang yang inginkan perdamaian dan berpandangan jauh.

Tuan Yang di-Pertua, pemergian Almarhum itu merupakan kehilangan seorang anak watan Malaysia yang berjiwa besar serta kehilangannya amat besar dirasakan oleh rakyat Malaysia.

Bagi pihak Parti Gerakan dan rakyat jelata dan diri saya sendiri, sekali lagi saya memohon Ahli-ahli Dewan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj atas jasa bakti beliau dan di samping itu menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah serta keluarga, semoga Tuhan memberkati mereka semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri Kerjaraya.

4.20 ptg.

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang untuk menyokong Usul merakamkan perasaan sedih yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmalullah Y.T.M. **Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj,** Perdana Menteri yang pertama, yang dicadangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri.

Saya bersama-sama dengan rakan-rakan dalam Dewan ini melafazkan perasaan sedih dan terharu atas kehilangan seorang anak watan yang telah berjuang dan berkorban bagi menubuhkan negara yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya sendiri tiada hubungan rapat dengan Almarhum secara peribadi, saya mengenali ramai rakan-rakan yang ada hubungan rapat dengan beliau di mana mereka memandang tinggi akan kewibawaan peribadi Almarhum Tunku, kesetiakawan Almarhum, perasaan keadilan serta toleransi dan cara Almarhum yang merendah diri.

Kemangkatan Almarhum Tunku adalah satu kehilangan yang besar bukan sahaja kepada keluarga dan rakan-rakannya, bahkan juga kepada semua rakyat Malaysia. Almarhum ialah seorang negarawan dan tokoh yang ulung yang telah mencurahkan bakti terhadap Malaysia hingga hayatnya. Jasa Almarhum pada orang ramai amat sukar hendak dinafikan, malahan sekiranya segalanya ini hendak dicatatkan satu persatu banyak sekali butir-butirnya. Wujudnya negara Malaysia seperti apa yang ada sekarang adalah daripada usaha penyemaian benih negara yang berdemokrasi oleh Almarhum. Almarhum berjaya membina

pergerakan satu formula yang praktikal untuk rakyat berbilang kaum di-negara ini bekerjasama dalam bidang politik.

Pembangunan pesat negara tidak dapat disangkal lagi telah disinambungkan kepada asas yang telah diletakkan oleh Almarhum. Pandangan Almarhum yang amat luas dan jauh itu telah membawa kewibawaan negara bukan sahaja dari segi pandangan orang-orang tempatan malahan juga di khalayak antarabangsa. Y.T.M. Almarhum telah bermula sebagai seorang nasionalis Melayu tetapi kemudiannya menjadi seorang nasionalis Malaysia dan seterusnya seorang negarawan dunia. Beliau telah mengambil pendirian yang tegas di arena antarabangsa atas perkara-perkara hak asasi manusia seperti pendirian tegas Almarhum menentang apartheid.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun bukan semua rakyat bersetuju sepenuhnya dengan pandangan Almarhum, akan tetapi perasaan kehilangan Bapa Malaysia kini wujud pada semua pemimpin dan rakyat di negara ini. Tidak dapat dinafikan bahawa segala sumbangan dan perjuangan Almarhum sebagai pemimpin dan Bapa Kemerdekaan itu amat besar dan penghargaan terhadapnya tidak terjumlah. Apa jua perbezaan pendapat yang mungkin disuarakan di antara Almarhum dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ianya tidak mengeneipkan pengiktirafan dan penghargaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri di atas sumbangan Almarhum pada negara dan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Almarhum Tunku telah pun meninggalkan kita buat selama-lamanya. Namun demikian kejayaan yang telah dicapai dan prinsip yang dipegang di dalam hidupnya dan kerjanya akan terus bersemarak dalam jiwa dan pemikiran rakyat Malaysia untuk tahun-tahun yang akan datang.

Berucap sebagai seorang dari negeri Sarawak saya suka mengambil peluang untuk menyuarakan terima kasih atas sumbangan Almarhum Tunku Abdul Rahman Pura Al-Haj kerana dengan usaha-usahanya Sarawak telah mendapat kemerdekaan menerusi Malaysia dan kini menikmati segala hasil usaha gigih yang disemaikannya sebagai pencipta kemerdekaan sebelum daripada itu,

Akhir sekali saya bagi pihak diri saya sendiri dan juga bagi pihak Parti Bansa Dayak Sarawak melafazkan ucapan takziah kepada balu Almarhum Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah serta keluarga sekalian dan berdoa semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh Almarhum. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

4.27ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak semua pemimpin dan ahli Parli Rakyat Bersatu Sarawak, saya dengan penuh takzim turut menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarganya di atas kembalinya ke Rahmatullah Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Bagi kami penduduk Sarawak, Y.T.M. Tunku telah banyak berjasa dengan membantu negeri Sarawak mencapai kemerdekaan dalam Malaysia. Seterusnya anak bumi kenyalang telah menikmati keamanan dan kemakmuran dari usaha jasa dan pengorbanan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hayati insan yang bermula dengan kelahirannya dan berakhir dengan kematiannya banyak perkara berlaku di sepanjang kehidupannya. Di antaranya terdapat satu kehidupan yang penuh dengan kejayaan sehingga meninggalkan satu

warisan untuk kenangan dengan manis oleti keluarga dan kawan.

Riwayat-riwayat hidup Almarhum Y.T.M. Tunku telah hampir merangkumi satu abad dan kehidupan beliau penuh dengan kejayaan, keajaiban dan kemuliaan, walaupun ada juga saat-saat yang mengecewakan dan menderita. Almarhum Y.T.M. Tunku telah meninggalkan satu warisan yang kaya untuk dipelajari oleh generasi-generasi akan datang.

Negara kita mencapai kemerdekaan melalui usaha yang dipimpin oleh Almarhum Y.T.M. Tunku yang mengamalkan pendekalan perundingan dan bukan secara kekerasan melalui perang dan pertumpahan darah. Dengan cara itu negara dapat menumpukan tenaga dan sumber-sumbernya ke arah pembangunannya.

Semasa Sarawak mencapai kemerdekaan parti S.U.P.P. masih dalam Pembangkang dan ramai ahli S.U.P.P. ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri disebabkan keadaan politik pada ketika itu. Kini mereka yang ditahan saya yakin tidak mempunyai apa-apa dendam terhadap penahanan itu. Mereka memahami bahawa Undakan sedemikian haruslah diambil demi menjaga keselamatan negara dan mereka masih menghormati Almarhum Y.T.M. Tunku.

Kami di S.U.P.P. menyanjung tinggi semangat perjuangan Almarhum Y.T.M. Tunku yang terus berscmarak sehingga terakhir hayatnya iaitu untuk menjadikan negara Malaysia sebuah negeri yang bahagia dan rakyat yang bersatupadu dan dalam pada itu beliau dikasihi dan dihormati oleh kawan dan lawan.

Tuan Yang di-Pertua, kami di S.U.P.P. berharap Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah dan keluarganya akan bersabar dalam menghadapi saat yang sedih ini. Semoga Tuhan mencucuri rahmatNya ke atas roh Almarhum Y.T.M. Tunku.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

4.28 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ingin mengambil bahagian dalam Usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi bagi pihak Parti Pesaka Bumiputera Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kepada kami rakyat Malaysia dari Sarawak memang terhulang budi kepada Y.T.M. Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj kerana kemerdekaan negeri Sarawak tercapai ialah menerusi, dengan izin, Malaysia plan beliau yang dicadangkannya di Press Club di Singapura pada 27-5-1961.

Pengerusi Parti Negara Sarawak menjadi ahli politik yang pertama dari British Borneo kelika itu menyokong Malaysia plan Almarhum supaya Sarawak, Brunei dan North Borneo bersama-sama dengan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu menjadi Federation of Malaysia, dengan izin. Walaupun Brunei tidak menyertai Malaysia, Federation of Malaysia, dengan izin telah menjadi kenyataan pada 16hb September, 1963. Dengan ini negeri Sarawak menjadi merdeka menerusi Malaysia tanpa peperangan dan tumpah darah pengorbanan rakyat jelata.

Kepada rakyat Malaysia dari Sarawak, Yang Teramat Mulia Almarhum boleh diibaratkan sebagai berlian yang tidak dapat dinilai atau priceless, dengan izin, bukan sahaja untuk generasi kami ini bahkan kepada generasi-generasi yang akan datang.

Banyak telah dilafazkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam

Dewan ini berkenaan dengan perjuangan Yang Teramat Mulia Almarhum yang cemerlang untuk bangsa, agama dan negara. Pada saya, Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Al-haj boleh disifatkan sebagai "a prince, freedom fighter and a gentleman", dengan izin, yang disayangi dan dicintai oleh setiap rakyat Malaysia, tidak kira kaum, agama atau aliran politik. Kita kehilangan seorang negarawan dan pemimpin Islam yang terkenal bukan sahaja di rantau ini bahkan di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di saat-saat yang sedih ini, parti Pusaka Bumiputera Bcrsalu Sarawak mengucapkan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi serta keluarga dan juga supaya mereka berbilang-banyak sabar. Kami berdoa semoga Allah s.w.t. mencucuri rahmat ke atas roh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj.

Saya menyokong Usut ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bintulu.

4.32ptg.

Datuk James Wong Kim Min (Bintulu): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memberi penuh sokongan atas Usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini dan saya juga menyokong kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pujian-pujian kepada Almarhum.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang campurtangan dalam lahun 1961, 1962 untuk membina Malaysia, saya pada musim itu, bagi pihak Setiausaha Sarawak ada berunding pada masa itu. Saya boleh beritahu sekarang ini jikalau bukan kerana ada Tunku Abdul Rahman musim itu menjadi Perdana Menteri, Malaysia mungkin hari ini tidaklah terjadi kerana kila di Sarawak pada masa

itu memang percaya penuh kepada Almarhum, itulah Malaysia terjadi. Perundingan-perundingan mengenai Perlembagaan Malaysia dahulu kadangkadangkang terkandas kerana kami di Sarawak ada minta entrenchment of safeguards untuk Sarawak masuk ke dalam Malaysia. Jadi, bila terkandas iuu, ada berbincang dengan Almarhum, Almarhum selalu bilang, "Oh! That is not important, whatever they want, all right, give them the assurance they need."

Tuan Yang di-Pertua, kerana itulah Malaysia terjadi hari ini. Jadi, kita dalam Sarawak dan seluruh Malaysia pun memang terhutang budi besar kepada Almarhum kerana kita telah mengamal 27 tahun keselamatan ini, kemakmuran ini dan kedamaian ini memanglah dalam Malaysia, kerana jikalau tidak kerana Almarhum, tidaklah jadi Malaysia. Kita tidaklah mungkin dapat bersidang dalam Dewan ini dan selamat pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya akan membincangkan lawatan saya dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak pada tiga minggu dahulu kepada Almarhum di Pulau Pinang. Masa itu dia berada di Gieneagles Hospital di Pulau Pinang. Saya bincangkan lawatan ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bolehlah mengerti, what was in the mind of Almarhum in the last few weeks.

Jadi, semasa lawatan kami ke hospital—saya sudah lama tidak berjumpa Almarhum—Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib Mahmud beritahu dia, "Tunku, this is James Wong." Dia kata, "Oh James, I cannot see you now, but I remember you, how are you?" Inilah menunjukkan bahawa sungguhpun dia sedang terbaring di katil, tidak dapat bergerak lagi, empat hari sudah tidak makan, masih lagi dia ingat, he was so caring that he asked me "How are you?" Sesudah itu kita telah bercakap-cakap,

berbual-bual sedikit dan dalam perbualan itu Tunku became very rcminiscent. Jadi, dia telah membincangkan sejarah bagaimana Malaysia terjadi, sejarah dia sendiri, ertinya campuran dalam politik Sarawak. Dan balik-balik dia bercakap, "I hope, the leaders of today will carry on the good work and make sure that Malaysia and all the people of Malaysia are happy."

Tuan Yang di-Pertua, dia ada juga berbincang, dia bilang, "Oh! Yes, when I die, Taib, make sure I am buried in Kedah, I want to be with my pcopie and buricd with my grandfather and my parents." Dan sesudah itu he never lost his sense of humour dan dia bilang, "You know, people believe that after death different religionists believe ini different things, Some Malays like us, of course, we believe that when a person is dead, we remember and treasure his mcmory. But then other religious, of course, they believe that when a person is dcad, he is down there, buried inside there and occasionally they bring him offerings of fruils and so on and so forth". Then he burst out laughing.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila berucap dalam Bahasa Malaysia.

Datuk James Wong Kim Min: Tuan Yang di-Pertua, saya bincang perkara ini supaya memberi penjelasan yang lebih terang, sebab inilah cakapan Tunku sama saya tempoh hari. I want to make it quite clear so that there is no mistake.

Tuan Yang di-Pertua, inilah menunjukkan sungguhpun dia sakit, Almarhum tidaktah lupa, dia punya sense of humour. Dan juga dia tidak lupa kepada kita orang di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Tunku dalam beberapa minggu sebelum dia meninggal, hatinya banyak concerned that he will be forgotten, that thc people will forget him.

Jadi, inilah saya harap Tuan Yang di-Pertua, untuk peringatan kita kepada jasa baik Almarhum itu, kita bolehlah membuat macam tadi Ahli Yang Berhormat mencadangkan buat satu buku cerita dikeluarkan untuk dibaca oleh budak-budak dalam sekolah dan mungkin juga Perdana Menteri kita dan juga Kerajaan boleh tubuhkan satu committee yang khas untuk mengkaji apa yang patut dibuat sebagai monumen dan lain-lainnya untuk mengekalkan peringatan Almarhum.

Tuan Yang di-Pertua, Almarhum ialah seorang bukan macam orang lain, dia adalah seorang manusia yang raksaksa. He was a giant among men. Sekarang ini jikalau mengikut cakapan mereka dahulu Abraham Lincoln, he now belongs to the ages and we should always remember him, ingal dan beri kehormatan kepada Almarhum. Jadi, kerana semangat Almarhum itu bolch selalu berada dalam hati kita semua orang Malaysia, semangat kasih, give and take, semangat compromise, semangat tolerance, semangat the love of all Malaysians, semangat the love of multi-racial society of Malaysia supaya kita semua dalam Malaysia boleh selalu mengamalkan kedamaian, kemakmuran dan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya haraplh kepada Tuhan memberi kasihan kepada Almarhum, may he rest in peace.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nilam Puri.

4.41 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, Bismillahir-rahmanir-rahim. "Barangsiapa di akhir kalimahnyanya menyebut la ilaha ilallah, maka seseorang itu bakal dimasukkan ke dalam syurga". Kami daripada PAS merakamkan melalui Dcwanyang muliaini untuk menyokong Usul Takziah kepada Yang Teramai

Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan juga isteri beliau Tun Sharifah Rodziah dan seluruh keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, usul yang begini mulia, begini hebat sepatutnya semua Menteri Kabinet hendaklah berada dalam Dewan ini untuk mendengar ucapan-ucapan daripada semua mewakili rakyat jelata untuk kita membuat satu komen, satu Usul Takziah kepada Yang Teramat Mulia Bapa Merdeka kita Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Tanpa hiprokrit, kami daripada PAS akui bahawa kami berbeza pendapat sepanjang pemerintahan Tunku Abdul Rahman Al-Haj kerana di waktu itu beliau sebagai Perdana Menteri, kami daripada PAS adalah menjadi Pembangkang. Kami berbeza pandangan dan pendapat dengan beliau, terutama tafsiran-tafsiran mengenai Islam dan hukum hakam berkenaan dengan Islam. Tetapi sebagai seorang pemimpin negara, sebagai seorang wira bangsa, kami letap menghormati beliau kerana beliau adalah seorang juara demokrasi yang sebenarnya. Kami amat gembira bila di akhir hayat beliau, beliau dapat bersama dengan kami dan bagi parti PAS tidak lebih gembira metainkan apabila di akhir hayat beliau mencriama Islam scbagai addiin, Islam sebagai cara hidup dan beliau memperjuangkan secara sungguh-sungguh. Itulah kegembiraan kami yang amat sangat pemergian seorang wira yang hidup dengan penuh perjuangan bermula daripada ADO, kemudian menjadi DO, kemudian Menteri, kemudian menjadi Perdana Menteri, kemudian menjadi perjuangannya tidak berakhir dengan menjadi Perdana Menteri. Apabila beliau tidak lagi menjadi Perdana Menteri, beliau meneruskan perjuangannya untuk menjadi juara membela hak asasi manusia.

Kita tidak dapat nafikan ISA diluluskan dan dibuat di zaman

Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, tetapi di akhir hayat beliau, beliaulah menjadi juara menentang segala bentuk penindasan, juga ISA itu sendiri. Sekarang ini bapa pejuang demokrasi, pejuang hak asasi manusia sudah tidak ada. Kami terutama mereka yang telah merengkok di bawah ISA amat bimbang. Saya sendiri yang dua kali masuk ISA, dengan ketiadaan **Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj** ini berasa bimbang untuk hidup di Malaysia, jikalau pemimpin yang ada sekarang tidak mengikut jejak langkah ataupun mengenali sanubari apa yang diperjuangkan oleh Yang Teramat Mulia **Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj**. Sebagai seorang pejuang yang gigih, kita perlu mengucapkan tahniah kerana beliau terus berjuang walaupun beliau berada di atas katil.

Satu hari beliau berada di atas katil kerana uzur dimasukkan ke General Hospital, Kuala Lumpur. Tetapi bila beliau dengar beliau dipanggil untuk memberi ceramah di Ampang, beliau meminta izin kepada doktor untuk keluar hanya untuk pergi memberi ceramah, memberi pandangan beliau terhadap Kerajaan, juga terhadap isu-isu antarabangsa. Selepas ceramah, beliau dibawa semula ke hospital dan beliau berehat semula di Hospital. Inilah seorang pemimpin, bagi kita anak muda yang besar selepas merdeka patut mengambil contoh kerana beliau sehingga di atas katil di hospital masih lagi mengingat nasib rakyat dan mengingatkan segala apa yang beliau perjuangkan. Walaupun di saat matanya telahpun rabun, telinganya pekak dan juga matanya tidak nampak, di saat itu beliau berkawan dengan PAS. Walaupun beliau diperli oleh salah seorang Naib Presiden UMNO kerana kami mengambil pandangan beliau semasa beliau pekak, buta dan tuli, tetapi kami berbangga sebagai seorang Islam di akhir hayat beliau, beliau banyak menyatakan hal Islam, terutama sekali beliau dalam satu ceramah, **Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj**

dengan saya di beberapa tempat di Kedah dan di Perlis, beliau dengan lantang menyuarakan supaya semua judi perlu dihapuskan dan beliau juga menentang arak yang diminum oleh orang-orang Islam, terutama sekali di peringkat pemimpin-pemimpin. Bagi kami daripada PAS, tidak lain yang kami berbangga apabila seseorang itu berjuang di dalam perjuangan Islam, terutama sekali di akhir hayat hidupnya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah yang menjadi contoh kepada kita sebab kita ingat apa yang berlaku kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang dikesahkan melalui sejarah di kalangan mazhab kita iaitu Rasulullah s.a.w. meminta Abu Talib mengucap di saat akhir hayatnya supaya dengan mengucap itu beliau dapat dimasukkan ke dalam syurga. Kita mendengar khabar melalui akhbar-akhbar dan juga berita-berita yang disiarkan oleh pihak Kerajaan, Tunku Abdul Rahman dapat mengucap kalimah la ilaha ilallah di akhir hayat hidupnya. Kita berdoa kepada Allah semoga beliau dkempatkan ke dalam syurga jannatun-naim di atas jasa beliau dan juga di atas jasa beliau untuk memperjuangkan Islam. Dan segala dosa-dosa, kesilapan-kesilapan kita berdoa kepada Allah semoga Allah ampunkan segala dosanya itu kerana jasa beliau amatlah besar. Semoga Allah yang Maha Mengetahui akan mengampun segala dosa yang dilakukan oleh **Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj**.

Tuan Yang di-Perlua, dari itu kami daripada pihak PAS sekali lagi mengucapkan takziah dan menyokong Usul Takziah ini supaya dapat disampaikan kepada kaum keluarganya dan dengan ucapan ini juga kita bertekat untuk mengikut jejak langkah hidup beliau, terutama sekali sanggup berjuang sehingga di saat akhir hayat beliau.

Kita menyokong Usul Takziah ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kota Belud.

4.47 ptg.

Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak Parti PBS ingin turut merakamkan perasaan sedih yang amat sangat kepada balu Almarhum Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarganya ke atas kemangkatan Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 6hb Disember, 1990.

Kematian Almarhum adalah sesungguhnya suatu kehilangan besar kepada negara. Almarhum adalah seorang negarawan yang unggul serta pemimpin yang berkualiti semula jadi. Tunku telah menjadi simbul kasih sayang dan persahabatan kepada rakyat Malaysia dari semua bangsa dan segenap lapisan masyarakat. Almarhum menjadi faktor pengimbang terpenting dalam arcna politik negara. Ciri-ciri atau sifat-sifat yang ada bagi diri Almarhum sering menjadi contoh tentang rakyat Malaysia sebenar dan maksud untuk menerima antara satu sama lain sebagai rakyat Malaysia. Keadaan seperti pada masa sekarang ini di mana persefahaman antara satu sama lain sangat peniing. Kehadiran seorang negarawan yang penuh berpengalaman seperti Almarhum amatlah diperlukan untuk memberi nasihat kepada kita dan tanggungjawab kita sebagai pemimpin dan juga sebagai rakyat Malaysia. Kami sentiasa melihat Almarhum Tunku sebagai seorang negarawan yang ulung yang telah mengambil berat tentang setiap warganegara di negara ini tanpa mengira bangsa, kedudukan dan agama. Penghormatan kami terhadap Almarhum tidak pernah pudar. Hasrat tulen serta ikhlas Almarhum untuk menyatupadukan semua bangsa sebagai rakyat Malaysia sangat dihormati dan disanjung tinggi.

Kami dalam PBS di Sabah telah banyak mempelajari daripada pemimpin

yang rendah diri dan unggul. Adalah menjadi harapan ikhlas kami agar para pemimpin yang ada sekarang dan pada masa hadapan akan dapat mencontohi cara hidup dan kepimpinan Almarhum agar semua lapisan rakyat Malaysia dapat turut merasai dan menikmati kemakmuran serta keamanan negara yang menjadi hasrat mulia kita semua bersama. Semoga yang berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan kluarganya akan dapat banyak bersabar dalam menghadapi saat-saat genting baginya seperti ini.

Sekian, dan saya menyokong Usul Takziah yang dibawa oleh Yang Amal Berhormat Perdana Menteri ke atas kemangkatan Almarhum Tunku Abdul **Rahman Putra Al-Haj.**

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Timbalan Menteri Penerangan.

4.50 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Parti USNO dan rakyat Sabah, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi takziah dan perasaan sedih yang amat sangat kepada balu Almarhum Tunku. Yang Berbahagia Tun Sharifah Rodziah serta semua anggota keluarga Almarhum. Semoga balu Almarhum akan terus tabah dan bersabar di atas peristiwa yang telah menimpa beliau atas pemergiannya pemimpin yang disayangi. Pemergian Yang Mulia Tunku merupakan satu kehilangan besar kepada negara dan rakyat Malaysia amnya. Bagi rakyat Sabah dan ahli-ahli USNO di negeri Sabah, Almarhum merupakan seorang pioneer kepada kemerdekaan negeri Sabah melalui Malaysia kerana saya masih ingat pada saat Sabah merdeka, Almarhumlah yang telah memainkan peranan yang begitu

besar sehingga membolehkan Sabah merdeka melalui Malaysia pada waktu itu. Walaupun pada waktu itu saya masih di bangku sekolah, tetapi nama Tunku sudah banyak disebut-sebut sama ada di buku-buku, di suratkhobar-suratkhobar, mahupun di mulut rakyat negeri Sabah menjelang kemerdekaan negeri Sabah melalui Malaysia.

Almarhum bukan sahaja merupakan seorang lokoh yang ulung dan lemah-lembut tetapi seorang tokoh yang bijaksana yang telah membawa Sabah dan negeri Sarawak merdeka melalui Malaysia tanpa pertumpahan setitik darahpun.

Zaman kemerdekaan yang dilalui walaupun satu keadaan yang pada waktu itu kemerdekaan Malaysia telah diancam oleh Presiden Sukarno yang mengatakan bahawa beliau akan mengganyang Malaysia pada saat ianya diisytiharkan sebagai sebuah negara tepat pada ayam berkokok pukul empat pagi, tetapi ternyata pada waktu itu perkara itu tidak berlaku. Ini semuanya adalah di atas kebijaksanaan Almarhum yang telah memimpin negara kita dan juga negeri Sabah pada satu alam kemerdekaan yang gilang-gemilang.

Pada hari ini negeri Sabah telah merdeka 26 tahun dalam Malaysia dan segala kemakmuran dan kebahagiaan yang dicapai oleh rakyat Sabah memang tidak dapat dinafikan bahawa ini semuanya adalah akibat daripada jasa baik dan usaha Tunku. Jadi untuk itu tanpa panjang lebar dalam ucapan takziah ini, sekali lagi saya bagi pihak seluruh rakyat negeri Sabah, khasnya ahli-ahli USNO, mengucapkan setinggi-tinggi takziah kepada balu Almarhum semoga dapat terus bersabar di atas dugaan ini dan bagi pihak semua rakyat negeri Sabah dan ahli-ahli USNO kami berdoa mudah-mudahan roh Almarhum ditempatkan di tempat orang-orang yang salih. Sekian, saya turut menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas narna Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan sedih yang amat sangat di atas kernbalinya ke Rahmatullah, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri yang pertama negara ini pada 6hb Disember, 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarga Almarhum.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan sedih yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri yang pertama negara ini pada 6hb Disember, 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarga Almarhum.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak Syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelapan". (6hb Disember, 1990)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat dari Jerai untuk menyambung ucapannya, ingin saya mengingatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat semua bahawa oleh kerana kesuntukan masa, saya terpaksa mengizinkan seorang sahaja lagi Ahli Yang Berhormat berucap selepas Yang Berhormat dari Jerai berucap. Yang Berhormat dari Jerai, dipersilakan.

4,,55 ptg.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad (Jerai): Tuan Yang di-Perlu, menyambung ucapan saya pada hari Khamis yang lalu, saya tidak nampak hari ini pemimpin PAS daripada Marang kerana ucapan Ahli dari Marang ini banyak perkara yang patut kita perbetulkan kerana bukan sahaja dia memberi nasihat tetapi dia patut juga menasihatkan dirinya sendiri dan pengikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak nasihat yang dikatakannya supaya jangan banyak bercakap soal pilihanraya tetapi pilihanraya ini amat penting dalam pembentukan Kerajaan sesebuah negara. Yang demikian saya ingin juga menyentuh lagi dalam soal itu.

Memandangkan pilihanraya merupakan asas utama dalam melaksanakan pembentukan sebuah Kerajaan rakyat, ianya amat perlu difikirkan terutamanya tentang keadaan belia-belia kita pada hari ini. Memandangkan keadaan belia-belia yang pada hari ini amat kurang mendaftarkan diri mereka sebagai pengundi-pengundi dalam kawasan-kawasan pilihanraya, apatah lagi untuk mengundi dalam tempat-tempat mengundi. Ini pada hakikatnya kita nampak bahawa belia-belia kita tidak begitu minta sekali dalam soal pemerimhan negara. Yang demikian Kementerian Belia saya sarankan supaya memberi perhatian yang begitu serius tentang keadaan belia-belia kita. Apalah lagi kalaulah keadaan ini berlaku sehingga sepuluh, duapuluh tahun ke hadapan maka nampaknya pengundi-pengundi yang akan datang bukan sahaja akan menjadi 50%, 70%, tetapi mungkin akan kekurangan lagi pengundi-pengundi yang datang ke pusat-pusat mengundi.

Kita sedar bahawa mereka lahir setelah negara kita mencapai kemerdekaan dan mereka pula mengikut arus pembangunan yang pesat dalam semua bidang dan mereka tidak merasai rasa cinta kepada negara amat sedikit di kalangan mereka. Oleh yang demikian keadaan erti kata demokrasi berparlimen kepada mereka agak kabur lagi. Oleh yangdemikian.KementerianBeliaharus dipertanggungjawabkan dalam soal ini supaya mengadakan usaha-usaha yang lebih gigih kepada pembangunan mental di kalangan belia-belia kita.

Yang lebih dikesati pula lagi bahawa belia-belia ini setelah mereka diracuni oleh golongan-golongan dari Pembangkang semasa mereka berada di Pusat-pusat Pengajian Tinggi dalam dan luar negeri, Pembangkang telah banyak memimbulkan suatu keadaan yang sehingga ada di kalangan mereka yang menjadi golongan yang ami-national.

Dalam hal ini pada hemat saya, Kementerian perlu memberi perhatian yang lebih peka lagi kepada penubuhan badan-badan belia di semua tempat dari daerah-daerah dan di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Aktiviti-aktiviti untuk mewujudkan belia yang lebih bererti kepada negara dan bangsa ini khas ditekankan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Baginda, saya juga ingin menekankan sedikit tentang soal memperbaiki sosio-ekonomi penduduk-penduduk di kawasan luar bandar khususnya terutama kawasan saya sendiri yang terdiri daripada golongan petani, nelayan dan penanam padi. Saya berterima kasih banyak kepada Kementerian kerana memberi tambahan subsidi padi \$5 pada sepikul. Tetapi nampaknya pada nelayan tidak ada lagi pertambahan tentang subsidi apa-apa pun. Cuma yang saya nampak bahawa Kementerian Pertanian selalunya banyak mengeluarkan lesen-lesen untuk menangkap ikan di laut dalam.

Saya difahamkan bahawa dalam mengeluarkan lesen ini didapati kebanyakannya diperolehi oleh orang-orang yang bukan nelayan sendiri. Mereka ini terdiri daripada ahli-ahli perniagaan lain yang bukan daripada golongan nelayan atau pcrsaluan nelayan.

Kementerian harus memberi juga perhatian dalam soal ini atau mengkaji semula soal pemberian lesen kepada orang-orang yang bukan nelayan yang mengusahakan bagi tangkapan ikan laut dalam.

Suatu perkara lagi yang saya ingin sentuh dengan ringkasnya kerana saya hendak beri peluang kepada orang lain ini, iaitu Akta Perikanan. Kerana Akta Perikanan ini banyak berhubung dengan melaksanakan enforcement, penguatkuasaan dalam undang-undang ini yang menyebabkan banyak nelayan pantai itu terutama di kawasan Kcdah yang

seringkali nelayan-nelayan ini selalunya menjadi mangsa daripada Akta Perikanan tersebut dan mereka telah diseret ke penjara kerana tidak mampu membayar denda yang begitu berat kepada nelayan-nelayan ini.

Oleh yang demikian, Kememerialan harus mengkaji semula Akta Perikanan ini yang bukan sahaja untuk menguatkan enforcement, menguatkuasakan undang-undang. tetapi jugamengadakan projek-projek pembangunan ekonomi nelayan-nelayan pantai supaya mereka dapat berganding bahu dengan petani-petani yang telah mula melangkah maju lebih dahulu daripada mereka. Memandangkan keadaan nelayan yang terbiar ini tiap-tiap daerah dan tiap-liap negeri harus mengadakan usaha-usaha resettlemen atau pncempatan semula nelayan-nelayan ini dan memberi berbagai-bagai usaha bimbingan dan juga bantuan kepada mereka supaya mereka dapat bcrdikari.

Tuan Yang di-Pcrtua, pada akhir ucapan saya, saya ingin menyemuh dalam Kementerian yang baru wujud ini iaitu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kerana Kementerian ini baru sahaja ditubuhkan dan fungsinya juga besar dan kita lihat sejak akhir-akhir ini penyiksaan terhadap anak-anak semakin hebat olch manusia-manusia yang tidak mcm-punyai perasaan kcmusiaan.

Seperti apa yang telah berlaku di Terengganu baru-baru ini di mana dua kanak-kanak yang telah disiksa oleh bapa saudaranya Kcrajaan harus memberi satu tindakan yang lebih berat kepada perbuatan-perbuatan penganiayaan kepada kanak-kanak ini. Oleh yang demikian, Kementerian yang baru wujud ini perlu mengadakan satu Akta yang lebih kuat mengawal, membela anak-anak yang disiksa oleh setengah-setengah pihak yang tidak bertanggung-jawab ini.

Saya rasa Parlimen harus kita memberi perhatian yang begitu sungguh-sungguh kepada kepentingan anak-anak walaupun ada Akta ini yang akan dibentangkan dalam Dewan ini dan sayapercaya undang-undang yang lebih kuat harus dikenakan kepada siapa sahaja yang membuat penganiayaan kepada kanak-kanak. Apatah lagi kanak-kanak yang dibuat dengan sebegitu cara sehingga menggunakan api rokok dan besi panas, ini satu perbuatan yang amat dikutuk bukan sahaja oleh kita dan semua orang. Yang demikian, kita harus mengambil langkah-langkah terutama Kementerian ini supaya menjaga hal ini supaya tidak akan berlaku lagi. Kerana dalam tahun ini sahaja kita dapati banyak kes yang sebegini timbul dan kita percaya masyarakat juga harus memberi kerjasama kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Polis supaya melapor segera dan mengambil sebarang tindakan supaya mereka yang menganiayai anak-anak ini dapat diambil tindakan segera.

Saya rasa itulah sahaja ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong Titah Ucapan ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum Menteri-menteri menjawab, sepertimana yang saya katakan tadi, saya cuma membenarkan seorang lagi mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini. Yang Berhormat dari Gua Musang.

5.04 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah (Gua Musang): Tuan Yang di-Pertua, bersempena dengan Sidang Pertama sesi Parlimen kita sekarang ini, sebagai ahli Pembangkang, saya dan rakan-rakan seperti saya ingin memberi pengakuan bahawa kami akan melaksanakan tugas sebagai Pembangkang yang bertanggungjawab, yang setia dan mencintai negara Malaysia serta Duli

Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kami ingin memberi sumbangan yang positif untuk pertumbuhan dan amalan demokrasi yang sihat di negara kita Malaysia yang tercinta. Maka sehubungan dengan itu, saya mengambil peluang ini untuk menarik perhatian kita semua terhadap beberapa perkara yang berhubungan dengan amalan demokrasi di negara kita semenjak akhir-akhir ini.

Memang tiada siapa yang boleh menafikan bahawa Pilihanraya Umum yang berlangsung bulan Oktober yang lalu adalah satu pernyataan atau, dengan izin, "manifestation" dari amalan demokrasi dan keahlian kita dalam Dewan yang mulia ini sekarang adalah hasil dari pilihanraya tersebut. Namun begitu, secara jujur kita mestilah juga mengakui bahawa corak keahlian atau "pattern of membership", dengan izin, dalam Dewan ini sudah pasti akan berbeza dari yang ada sekarang sekiranya demokrasi yang diamalkan dalam pilihanraya tersebut benar-benar menepati kehendak dan konsep demokrasi yang sebenar. Memang sangat dikesalkan bahawa penyalahgunaan jentera dan kemudahan-kemudahan Kerajaan telah dilakukan dengan cara berleluasa oleh pihak parti yang berkuasa menjelang pilihanraya itu.

Saya tidak berhajat hendak mengungkit-ungkit keputusan pilihanraya yang lalu. Saya menerima keputusan itu sebagai satu takdir daripada Allah s.w.t. dan juga sebagai satu keputusan atau kehendak 52% pengundi yang keluar mengundi dan memberi kemenangan kepada Barisan Nasional. Namun begilulah saya berharap supaya 48% pengundi yang menyokong pembangkang dalam pilihanraya tersebut janganlah hendaknya dianiaya dan dianaktirikan semata-mata kerana mereka memilih kami. Ertinya walaupun pilihanraya itu berlangsung dengan cara yang kurang demokratik serta tidak adil, tetapi keputusannya patutlah diterima

dengan sikap yang lebih positif dan, dengan izin, "magnanimous", terutama oleh pihak yang menang. Janganlah sikap dendam dan, dengan izin, "vindictive" dibiarkan berlarut-larutan setelah pilihanraya itu selesai.

Saya mengatakan bahawa pilihanraya tersebut dijalankan secara yang tidak demokratik dan tidak adil kerana bukan sahaja pihak parti yang sedang berkuasa secara monopoli menggunakan jentera dan kemudahan-kemudahan Kerajaan tetapi yang lebih dikesalkan ialah segala jentera dan kemudahan-kemudahan Kerajaan itu telah digunakan untuk memutarbelikan kenyataan dan menyelewengkan fakta serta menyebarkan fitnah. Taktik menyebarkan, dengan izin, "misinformation" juga digunakan secara meluas melalui akhbar-akhbar utama yang dikuasai oleh parti yang sedang memerintah. Perbuatan seperti ini sudah tentu menjejaskan amalan demokrasi. Malah lebih buruk lagi kerana perbuatan sedemikian sepeni sengaja dilakukan untuk memperbodoh-bodohkan rakyat.

Banyak kejadian boleh disebut sebagai contoh penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh parti pemerintah menjelang dan semasa pilihanraya tersebut diadakan. Perbuatan memfitnah telah menjadi satu amalan biasa. Perkara yang tidak pernah berlaku sengaja direka atau diadadakan untuk memburuk-burukkan pihak pembangkang. Semua itu dilakukan dengan bantuan atau dengan memperalatkan media massa utama, baik cetak ataupun elektronik yang dikuasai secara monopoli oleh pihak yang memerintah. Pihak kami langsung tidak diberi peluang untuk menerangkan kepada rakyat jelata keadaan yang sebenar bersabit dengan pembohongan yang disebarkan dengan berleluasa oleh media massa yang dikuasai oleh parti pemerintah. Semuanya itu telah menyebabkan rakyat telah bertambah keliru dan sebahagian rakyat merasa sengaja diperbodoh-bodohkan.

Di samping parti saya dan parti-parti lain yang bekerjasama dengan saya, diri saya sendiri telah dijadikan sasaran fitnah dan penyiaran berita-berita yang tidak bertanggungjawab. Menjelanghari penamaan calon, semua media massa utama baik cetak atau elektronik telah secara besar-besaran menyiarkan berita palsu kononnya saya pernah berucap hendak membunuh PAS dan DAP. Berita palsu atau cerita rekaan itu mendakwa kononnya pihak pucuk pimpinan UMNO Baru memiliki pita rakaman yang dikatakan mengandungi ucapan saya tersebut. Orang ramai ternanti-nanti bitakah ucapan tersebut hendak disiarkan sebagai bukti terhadap segala fitnah dan tuduhan yang ditujukan kepada saya. Tetapi sehingga sekarang tuduhan atau dakwaan jahat mereka itu masih belum dapat mereka buktikan. Ini tidaklah menghairankan kerana yang mereka sibarkan itu hanyalah berita palsu yang bertujuan untuk membuat fitnah dan melaga-lagakan kami sekalian.

Satu lagi cerita rekaan yang disebarikan secara besar-besaran ialah mengenai sepucuk surat yang kononnya dikirimkan oleh Lorrain Osman dari penjara di London mengenai kes BMF. Menurut berita alau cerita rekaan itu, surat tersebut kononnya mendakwa bahawa saya terlibat dalam skandal BMF. Sumber surat tersebut dan caranya dikirimkan ke Kuala Lumpur masih penuh dengan tanda tanya, tetapi bila peguam bagi pihak Lorrain Osman sendiri baru-baru ini dalam Mahkamah British mengaku bahawa beliau tidak mengeihahi mengenai surat-surat tersebut, maka pecalah tembelang individu-individu juara fitnah itu.

Kalau pihak Kerajaan masih belum puas hati dengan hasil penyiasatan Jawatankuasa Ahmad Nordin mengenai skandal itu, saya sekali lagi ingin mengesyorkan supaya dibentuk satu Suruhanjaya Di-Raja yang betul-betul bebas untuk menyiasat secara objektif dan menyeluruh dan secara terbuka

tentangskandalBMPsertajuga skandal-skandal lain seperti penswastaaan projek Lebuhraya Utara-Selatan, penswastaaan PEREMBA, pembelian saham UMBC oleh PERNAS dan lain-lain lagi. Dengan cara begitu cerita mengenai skandal-skandal tersebut dapat ditamatkan dan tidak lagi diungkit-ungkit di masa hadapan.

Satu lagi fitnah dan misinformation yang disebarkan semasa pilihanraya itu ialah mengenai gambar saya memakai tengkolok Bajau yang juga dipakai oleh kaum Kadazan (sigah) yang bermotifkan pucuk ubi tetapi telah diputarbelit oleh pihak yang tertentu yang mengatakan kononnya tengkolok tersebut ber lambangkan salib. Gambar itu telah dieksploitasi dengan hebatnya dan saya dituduh menjunjung salib dan secara tidak langsung dituduh bersubahat dengan pihak Kristian. Ada yang menerima upah telah menghukum saya sebagai seorang yang murtad, walhal terdahulu daripada saya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah memakai tengkolok yang sama coraknya. Kenapakah beliau tidak dituduh bersubahat dengan agama Kristian seperti tuduhan yang telah dilemparkan kepada saya. Saya hairan mengapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tidak mengeluarkan kenyataan yang tengkolok itu sebenarnya tidak bertanda salib. Mungkinkah ada orang tertentu yang mendalangi tuduhan terhadap saya itu? Jelaslah bahawa ukuran double standard, dengan izin, telah digunakan dalam hal ini seperti dalam banyak hal-hal yang lain.

Selain dari perbuatan menyebarkan fitnah dan misinformation, pihak yang berkenaan juga telah bermain api dengan mengeksploitasi isu-isu sensitif yang sengaja diada-adakan seperti isu ketuanan Melayu dan penyebaran dakwah Kristian. Orang Melayu ditakut-takutkan dengan dakwah menyatakan kononnya ketuanan politik Melayu di Malaysia akan hapus sekiranya pihak

Pembangkok berkuasa. Saya tidak faham bagaimanakah keadaan sedemikian boleh berlaku. Pihak Barisan Nasional sengaja memperbodohkan diri sendiri walaupun mereka mengetahui bahawa bilangan calon-calon Melayu dan Muslim yang bertanding atas nama Pembangkang sama ada melalui Gagasan Rakyat ataupun Angkatan Perpaduan Ummah adalah jauh lebih ramai daripada bilangan calon-calon Melayu yang dikemukakan oleh UMNO sendiri menerusi Barisan Nasional.

Kepada orang-orang bukan Melayu puta disebarkan khabar-khabar angin yang menyatakan huru-hara akan berlaku jika pihak Pembangkang menang, tetapi tidak pula dijelaskan siapakah yang akan memulakan huru-hara itu. Kami semua kesal dan dukacita kerana oleh sebab keinginan hendak mengekalkan kuasanya, pihak BN tergamak menipu rakyat dan mengeksploitasi isu-isu agama dan perkauman yang merbahaya. Saya percaya diayah seumpama ini kalau diulangi di masa depan tidak akan diterima oleh rakyat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh perkara-perkara tersebut dengan tujuan untuk memberi contoh bagaimana amalan demokrasi di negara kita telah terjejas akibatpenyalahgunaan kuasa ke atas media massa yang dikuasai secara monopoli oleh pihak pemerintah. Izinkanlah saya menyatakan bahawa amalan demokrasi yang sebenarnya, iaitu yang adil dan saksama, yang bukan double standard tidak mungkin wujud tanpa peluang yang sama diberikan kepada setiap pihak berkenaan untuk menggunakan kemudahan-kemudahan media massa.

Saya sedar bahawa kita tidak boleh mengamalkan demokrasi seperti yang diamalkan oleh negara-negara Barat. Memang kita perlu mengadakan pengubahsuaian dalam mengamalkan demokrasi itu mengikut suasana tempatan, tetapi kita tidak mahu

pengubahsuaian itu dilakukan sewenang-wenangnya hanya kerana hendak mengekalkan kekuasaan parti yang memerintah. Hal ini perlu diambil perhatian supaya rakyat jangan sampai tawar hati dan bersikap cynical dengan amalan demokrasi itu. Kalau rakyat sudah tawar hati dengan demokrasi, mereka mungkin akan memilih cara-cara lain yang kurang sihat dan yang destructive untuk menyalurkan kehendak dan aspirasi mereka.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya mengingatkan diri kita semua sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Rakyat yang mulia ini bahawa kita mestilah sama-sama memberi contoh dan teladan. Ukuran double standard dalam amalan demokrasi itu hendaklah dihentikan. Selain itu saya juga ingin mengingatkan bahawa sebagai Wakil-wakil Rakyat yang dipilih menjadi Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri baik di peringkat negeri mahupun di peringkat Parlimen ini, kita semua telah diberi amanah untuk memelihara dan mengamalkan demokrasi itu secara sihat demi kesejahteraan rakyat jelata dan kemuliaan negara. Oleh kerana itu kita mestilah mengemukakan imej yang bersih, jujur dan bertanggungjawab mengenai diri kita.

Kaedah pemimpin-pemimpin politik, terutama Ahli-ahli Yang Berhormat yang sering digambarkan sebagai pengamal rasuah dan menyalahgunakan kedudukan untuk kepentingan diri sendiri, hendaklah kita kikis dan hapuskan. Ertinya, kita hendaklah menghapuskan keadaan ini dan membersihkan nama baik kita semua.

Salah satu cara untuk menghapuskan gejala ini ialah bagi setiap Wakil Rakyat, baik dalam Dewan Rakyat mahupun dalam Dewan-Dewan Undangan Negeri, mengisytiharkan harta mereka sepenuhnya. Langkah-langkah yang tegas mestilah juga diambil untuk memastikan ketetapan

dan ketepatan dan kejujuran pengisytiharan tersebut. Maka perlulah diwajibkan kepada kita semua bagi mengisytiharkan dengan lengkap dan terperinci segala harta milik, pendapatan, serta punca pendapatan dan hulung piutang kita. Ianya hendaklah juga merangkumi harta milik yang dipegang oleh nominee. Segala harta milik yang diperolehi secara haram yang tidak diisytiharkan hendaklah dirampas oleh Kerajaan dan seterusnya mereka yang bersabit dihadapkan ke Mahkamah. Saya percaya langkah yang sedemikian akan memberi imej yang lebih positif dan benar-benar terhormat dan dihormati di kalangan Wakil-wakil Rakyat sebagai pendukung utama amalan demokrasi itu. Insya Allah ini akan memperkuatkan keyakinan orang ramai terhadap proses demokrasi di negara kita. Mengapa kita hendak takut kalau kita tidak melakukan semuanya ini?

Selain itu saya juga ingin menyentuh satu aspek lain mengenai amalan demokrasi dan kehidupan berpolitik di negara kita ini, khususnya yang ada kaitan dengan hubungan Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Sebagaimana kita semua maklum, negara kita ini berbentuk federation, dengan izin, atau persekutuan yang terdiri dari 13 buah negeri. Salah satu ciri utama dalam sesebuah negara yang berbentuk persekutuan ialah terdapatnya perimbangan dan pembahagian kuasa, hak dan tanggungjawab antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri, Kerajaan-kerajaan Negeri dalam sebuah negara yang berbentuk persekutuan itu, biasanya diberi kuasa autonomi mengenai hal-hal tertentu. Kuasa autonomi tersebut berbeza kadarnya antara satu negara dengan negara yang lain. Tetapi tujuannya ialah untuk menjamin wujudnya keadilan dan sambil itu untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya penyalahgunaan kuasa.

Dalam konteks negara Malaysia kita ini yang sewaktu mula ditubuhkan dahulu dipanggil Persekutuan Tanah Melayu atau dengan izin, Federation of Malaya, Kerajaan Pusat telah diberi keutamaan dalam pembahagian kuasa dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Para pengasas negara atau, dengan izin, "founding fathers" kita di peringkat awal itu memang dengan sengaja telah merangka satu sistem persekutuan di mana Kerajaan Pusat mempunyai kedudukan yang lebih kuat dan lebih banyak kuasa daripada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Antara lain, ini bertujuan untuk menjamin kestabilan dan keutuhan negara di samping memastikan kelicinan dan kecekapan pentadbiran. Tetapi dalam persetujuan yang memberi keutamaan kuasa kepada Kerajaan Pusat itu secara tidak langsung terdapat persefahaman atau dengan izin, "understanding" bahawa dalam pengagihan sumber-sumber ekonomi dan proses pemerintahan Kerajaan Pusat hendaklah mewujudkan instrumen-instrumen pengagihan yang adil dan terjamin pelaksanaannya.

Persefahaman tersebut sama ada yang tersurat ataupun yang tersirat mestilah tetap berlaku dan mesti dihormati dalam sebarang bentuk kekuasaan atau pemerintahan. Maksudnya, sama ada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri diperintah oleh parti yang sama ataupun oleh parti yang berlainan, namun semangat dan kandungan dari persefahaman tersebut mestilah dihormati dan dilaksanakan. Mengenenipkan atau mengabaikan semangat dan kandungan persefahaman tersebut, bermaknalah membelakangkan Perlembagaan negara. Dan ini boleh dianggap sebagai satu penganiayaan kepada rakyat jelala.

Hubungan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dalam konteks persekutuan di negara kita ini, bukan sahaja mesti dilihat dari sudut politik, keselamatan dan kekuasaan, malah mesti

juga dari sudut ekonomi dan kewangan. Hubungan kewangan atau fiskal antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri dianggap amat penting oleh sebab corak perhubungan tersebut menentukan corak pengagihan hasil pembangunan. Tugas menstabilkan ekonomi dan mengagihkan pendapatan adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat. Oleh kerana itu bukan sahaja pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan itu penting, malah lebih penting lagi ialah cara hasil pertumbuhan itu diagih-agihkan. Dalam konteks negara Malaysia, perkara ini dianggap amat sangat mustahak kerana ianya akan menentukan kejayaan usaha-usaha mengurangkan atau menghapuskan jurang perbezaan sosio-ekonomi di antara negeri-negeri.

Satu penelitian terhadap pengagihan hasil di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam dekad-dekad 70an dan 80an telah menunjukkan beberapa ciri yang sangat ketara. Di satu pihak belanjawan Kerajaan Pusat telah memperlihatkan pertambahan perbelanjaan yang jauh lebih tinggi daripada pertumbuhan hasil, terutama sekali dalam tahun-tahun 1982-1984, akibat pembaziran berleluasa untuk mernbiayai projek-projek mewah yang diurus dan dijalankan oleh Agensi Luar Belanjawan (OBA) yang merugikan.

Penelitian mendalam mengenai Keluaran Negeri Kasar per kapita menunjukkan, dengan izin, "variation" yang ketara yang telah bertambah. Sebagai contoh, dalam tahun 1978 KNK per kapita dua negeri terkaya iaitu Sabah dan Terengganu adalah 2.2 kali ganda KNK per kapita Kedah dan 2.9 kali ganda KNK per kapita Kelantan. Biar saya tegas di sini bahawa Kedah dan Kelantan adalah dua negeri termiskin dalam Malaysia. Jurang ini telah menjadi semakin lebar dalam tahun 1986 di mana dua negeri terkaya, iaitu Terengganu dan Selangor, mempunyai KNK per kapita 2.7 kali ganda lebih tinggi daripada Kedah dan 3.8 kali ganda

Kelantan. Walaupun Terengganu merupakan negeri terkaya tetapi kegagalan Kerajaan dalam pengagihan pendapatan telah menyebabkan negeri itu mempunyai, dengan izin, incidence of poverty" yang tertinggi sekali. Juga bilangan negeri di bawah paras KNK purata keseluruhan telah bertambah daripada 5 buah dalam tahun 1978 kepada 9 buah dalam tahun 1986.

Penelitian terhadap taburan pendapatan per kapua isi rumah putu menunjukkan jurang perbezaan yang sangat menjolok. Sebagai contoh, dalam tahun 1976, Selangor yang terkaya mempunyai pendapatan per kapita isi rumah 2.6 kali ganda lebih tinggi daripada Kedah dan Kelantan yang mewakili negeri-negeri termiskin. Keadaan masih wujud dalam tahun 1987, iaitu masih Selangor yang terkaya dan mengatasi Kedah dan Kelantan sebanyak 2.6 kali ganda.

Penelitian yang lebih mendalam dengan menggunakan "composite index of development" juga memperlihatkan perbezaan jurang yang tidak kurang menjoloknya."Composite index of development" ini amat bermakna oleh sebab ia adalah satu rumusan penunjuk sosio-ekonomi yang penting seperti kadar penyertaan buruh, peratus kependudukan di antara umur 6 hingga 19 tahun yang bersekolah, bilangan doktor bagi setiap 100,000 orang, peratus kependudukan urban, peratus kependudukan yang menikmati air paip dan tenaga elektrik, bilangan motosikal dan kereta bagi setiap 1,000 orang, peratus penduduk di atas garis kemiskinan, KNK per kapita dan pendapatan bulanan per kapita purata isi rumah. Mengikut pengukur yang penting ini didapati Selangor dan Pulau Pinang adalah dua negeri terbaik berada di tahap pembangunan 1.6 kali ganda Kedah dan Kelantan yang berada di tahap terbawah di antara negeri-negeri. Manakala 6 negeri terdapat di bawah tahap purata.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan semua hasil penelitian yang saya bantangkan tadi untuk menekankan betapa keadaan yang tidak seimbang telah terjadi di antara pembangunan sosio-ekonomi di antara negeri-negeri yang semakin meluas. Saya tidak mereka semuanya ini dan saya ingin menekankan bahawa semua data dan maklumat yang digunakan adalah perangkaan rasmi Kerajaan yang dipetik daripada beberapa sumber. Penelitian ini jelas menunjukkan kepincangan pengagihan hasil pembangunan di mana negeri-negeri yang bergantung kepada hasil mahsul pertanian jauh ketinggalan. Bila kita ambil perhatian bahawa negeri-negeri yang ketinggalan ini mempunyai majoriti penduduk Melayu, kita merasa amat sedih.Oleh itu bolehlah dikatakan matlamat Dasar Ekonomi Baru sangat merosot pencapaiannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan kegembiraan saya atas pencapaian ekonomi yang lebih baik di akhir-akhir tahun 80an ini, tetapi saya ingin mengingatkan bahawa di sebalik pcncapaian itu terdapat banyak kelemahan yang boleh dengan senang memerosotkanpencapaianpertumbuhan ekonomi sekiranya iklim ekonomi antarabangsa berubah menjadi lebih buruk seperti di dalam tahun-tahun kemerosotan seperti yang baru kita lalui di pertengahan dekad 80an. Kita semua sedia maktum bahawa iklim ekonomi antarabangsa sekarang sedang menuju ke arah sualu tempoh kemerosotan yang telah dialami di negara-negara seperti Amerika Syarikat dan negara-negara OECD yang lain. Juga prestasi pembangunan yang baru kita lalui itu adalah disebabkan oleh harga komoditi yang boleh kita katakan baik hingga kebelakangan ini, tetapi ini tidak dapat dikekalkan dan mungkin akan menurun. Malah harga komoditi telah mula menurun sekarang dan mungkin akan terus menurun buat beberapa ketika.

Satu lagi faktor yang tidak kurang pentingnya yang menandakan pertumbuhan ekonomi yang baik iaitu kelonggaran Dasar Ekonomi Baru terhadap keperluan ekuiti di mana pelabur-pelabur asing telah diberi insentif yang amat menarik untuk melabur di negara kita. Insentif ini telah membolehkan mereka memiliki 100% ekuiti industri-industri yang mereka tubuhkan. Di sebalik pencapaian ini terdapat beberapa kelemahan. Dengan penguasaan total terhadap industri-industri baru ini maka peratusan agihan ekuiti antara bumiputera, bukan bumiputera dan warganegara asing akan berubah dengan ketaranya. Ertinya peratusan yang dikuasai oleh bumiputera akan menurun dan menjunam dan menjauhkan lagi kita dari mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Lagipun, sekiranya insentif-insentif itu ditarik balik, sebenarnya tidak boleh ditarik balik mengikut perjanjian kita, dan dengan adanya persaingan yang lebih hebat di antara negara-negara Eropah Timur untuk mendapatkan pelaburan asing ini, keadaan pertumbuhan ekonomi negara kita dengan senang boleh merosot kembali. Ini disebabkan kekurangan, dengan izin, domestic demand.

Satu lagi faktor yang mewujudkan pelaburan asing yang besar ini adalah hasil daripada kadar faedah negara yang rendah secara relatif, yang membolehkan pelabur-pelabur asing mengambil kesempatan untuk meminjam secara murah untuk membiayai pelaburan mereka di sini dan bukan secara membawa modal dari negara mereka. Kadar faedah yang rendah ini juga telah mengakibatkan nilai ringgit menjadi lemah yang juga telah memberi dorongan kepada pelaburan asing untuk datang ke negara kita. Patut diingatkan bahawa kebanyakan faktor-faktor yang telah menandakan pertumbuhan ekonomi yang agak sihat di tahun-tahun kebelakangan ini adalah faktor luaran yang mungkin tidak dapat berlanjutan kewujudannya.

Di sebalik pencapaian yang boleh dikatakan baik itu terdapat juga beberapa kelemahan yang telah mula dapat dilihat di dalam ekonomi Malaysia. Satu daripadanya ialah kelemahan struktur yang dicerminkan oleh imbalan pembayaran yang merosot dan yang dianggarkan akan mewujudkan defisit di dalam akaun perdagangan dan akaun semasa. Perlu diingatkan bahawa defisit-defisit ini akan wujud, sungguhpun harga minyak didapati tinggi akibat daripada pergolakan krisis Teluk Arab. Keadaan ini boleh dikatakan akibat daripada, dengan izin, value added, yang rendah di kebanyakan industri-industri yang berkembang dengan pesat melalui pelaburan-pelaburan asing yang mengimport banyak, dengan izin, "intermediate input". Dengan kemerosotan nilai ringgit sudah tentu defisit-defisit imbalan pembayaran dagangan dan akaun semasa akan mengakibatkan peningkatan inflasi. Sungguhpun pihak Kerajaan menyatakan bahawa kadar inflasi adalah di bawah paras 3%, tetapi semua rakyat tahu bahawa kadar ini jauh lebih tinggi. Ini sudah tentu menyebabkan pendapatan sebenar semua orang yang bergaji tetap dan petani-petani merosot.

Tuan Yang di-Pertua, sejour setelah keputusan pilihanraya diisytiharkan, kita telah dimaklumkan oleh media massa tentang padah yang menimpa Kelantan dan Sabah akibat kedudukannya. Kita sudah diberitahu bahawa kedua-dua negeri ini tidak akan diberi bantuan langsung, malah yang sedia ada seperti subsidi padi dan baja akan digantung. Tindakan Kerajaan Pusat ini adalah sangat tidak adil dan zalim. Perlu diingatkan bahawa kedua-dua negeri ini mempunyai hampir tiga juta penduduk yang majoriti besar kaum bumiputera, yang rata-rata sudah ketinggalan dalam pembangunan. Dengan layanan yang bersifat diskriminasi dan zalim, negeri-negeri ini akan jauh ketinggalan. Hal yang demikian boleh dianggap sebagai tidak

berperikemanusiaan ataupun, dengan izin, inhuman dan bertentangan dengan ajaran agama suci kita, Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya lelah menghuraikan betapa pentingnya perhubungan baik di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam sebuah negara Persekutuan. Perhubungan ini hendaklah adil dan harmonis dari segi politik mahupun sosio-ekonomi. Diskriminasi terhadap negeri yang dikuasai oleh parti pembangkang mestilah dihapuskan atas kehendak-kehendak keadilan dan hak asasi manusia. Rekod pencapaian Kerajaan dalam bidang ekonomi hingga ini adalah lidak baik sepenuhnya. Di samping kita boleh berbangga atas prestasi ekonomi makro di kebelakangan ini, rekodnya dalam bidang pengagihan hasil pembangunan amat menyedihkan, Perbezaan di antara negeri-negeri maju dan mundur telah meluas mengikut masa dan akan terus begitu, sekiranya Kerajaan sekarang mengekalkan arah atiran perancangan pembangunan negara ini yang sangat memihak kepada industri berat dan mengabaikan hasil negeri-negeri yang bergantung kepada pertanian. Kita perlu merumuskan agenda pembangunan yang baru yang lebih adil dan untuk itu Kerajaan hendaklah mengurangkan jurang perbezaan di antara persekitaran sosio-ekonomi, di antara negeri-negeri maju dan negeri-negeri yang terkebelakang. Ini memerlukan pembangunan infrastruktur asas seperti tenaga elektrik, sosio dan lain-lain lagi untuk memberi kecukupan kepada semua negeri yang terkebelakang itu. Dengan ini sahajalah industri kecil dan sederhana boleh dikembangkan -di negeri yang kurang maju itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa negeri-negeri yang masih terkebelakang ini adalah negeri-negeri yang majoriti penduduknya bumiputera, dan yang menderita akibat kemunduran tersebut hampir seluruhnya terdiri daripada

masyarakat bumiputera juga. Selain daripada pembinaan infrastruktur asas yang mencukupi seperti saya nyatakan tadi, Kerajaan mestilah juga melipat-gandakan usaha membangunkan sumber manusia supaya mereka dapat menyertai kegiatan-kegiatan ekonomi moden yang memerlukan kemahiran serta pengetahuan di bidang teknologi moden.

Kegagalan atau keengganan Kerajaan ataupun sikap diskriminasi dalam membina pelbagai infrastruktur tersebut dan juga dalam membangunkan sumber Tenaga manusia yang secukupnya akan membawa akibat dan padah yang buruk bukan sahaja pada negeri-negeri berkenaan malah juga kepada seluruh negara Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Timbalan Menteri Dalam Negeri, sila jawab.

5.38ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Perlu, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran berhubung dengan dasar-dasar Kementerian Dalam Negeri semasa membahaskan Usul Terima Kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong meminta disiasat bahawa semasa Pilihanraya Umum yang lalu terdapat pengundi-pengundi diugut supaya mengundi Barisan Nasional. Sebenarnya tidak ada laporan diterima yang menyatakan pengundi-pengundi diugut supaya mengundi Barisan Nasional. Walau bagaimanapun, sebanyak 329 laporan polis yang telah dibuat semasa pilihanraya yang lalu adalah berhubung dengan kesalahan seperti mengoyakkan

poster, merosakkan dan memusnahkan lambang dan papan tanda parti, mengadakan perhimpunan haram dan beberapa kesalahan lain.

Mengenai pelaksanaan Akta Darurat dan Akta Keselamatan Dalam Negeri, di sini sukalah saya menegaskan bahawa Akta-akta ini masih diperlukan di Malaysia kerana dengan undang-undang itulah sahaja Kerajaan dapat mengambil tindakan kepada anasir-anasir yang boleh mengugut keselamatan dan ketenteraman awam dengan lebih berkesan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh perkara-perkara yang berhubung dengan perlantikan Pengerusi Majlis Keselamatan Negeri. Perkara berkaitan hal ehwal keselamatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, langkah Kerajaan Persekutuan melantik Setiausaha Persekutuan Sabah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sabah dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negeri di Kelantan tidak menyalahi mana-mana undang-undang. Tugas ini dijalankan dengan tujuan untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman awam di kedua-dua negeri tersebut sentiasa terpelihara dan dapat dikawal oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Arau telah membangkitkan perkara memukul dan menyekat orang-orang kampung keluar mengundi, dalam hal ini tidak ada laporan Polis yang dibuat mengenai perkara ini, dan dengan yang demikian tidak ada apa-apa siasatan dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Santubong telah membangkitkan perkara menghidu gam yang berleluasa berlaku dan minta supaya Kerajaan mengharamkan benda-benda yang boleh dihidu oleh anak-anak muda kita. Perkara ini memang diambil berat oleh Badan Petugas Anti Dadah

Jabatan Perdana Menteri. Jadi perlu saya ingatkan bahawa benda-benda yang boleh dihidu adalah lebih kurang 500 benda yang digunakan setiap hari oleh satu-satu keluarga. Kalaulah perkara ini kita tidak berhati-hati, maka getah pemadam, getah bulat, coklat bergam, tayar, minyak tanah, kasut getah, selipar getah juga terpaksa diharamkan kerana semuanya ini boleh digunakan untuk dihidu. Dengan sebab itu, perkara ini bukanlah satu perkara yang mudah, terpaksa dikaji implikasinya, terutama dengan benda-benda yang perlu untuk keluarga, terutama keluarga yang di kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya lagi sekali ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran mengenai masalah di bawah bidangkuasa Kementerian Dalam Negeri dan di lain-lain pandangan dan teguran yang tidak sempat dijawab atau disentuh di Dewan ini, insya Allah, akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

5.44ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam perbahasan mengenai Titah Ucapan Di-Rajadiupacaraperasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kelapan pada 8hb Disember, 1990.

Saya suka memberi penjelasan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya yang menyentuh mengenai penglibatan Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Program Pembangunan Luar Bandar, khasnya menaiktaraf jalan luar bandar dan usaha mewujudkan lebih ramai lagi peniaga-peniaga atau usahawan-usahawan di luar bandar dan di bandar-bandar baru.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah menyentuh mengenai penglibatan KEMAS dan penggunaan peralatan Jabatan semasa kempen pilihanraya umum yang baru berlalu. Kementerian ingin menegaskan bahawa penglibatan KEMAS adalah atas urusan rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah membangkitkan masalah mengenai taraf jalan luar bandar yang masih ketinggalan.

Suka saya jelaskan di sini bahawa program menaikkan taraf jalan-jalan luar bandar memang mempunyai peruntukan yang khusus dan setakat ini masih ada jalan-jalan luar bandar yang belum dapat dinaikkan taraf. Walau bagaimanapun program menaikkan taraf jalan-jalan di luar bandar ini akan terus dilaksanakan di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia Keenam kelak dan mana-manajalan luar bandar yang masih belum dinaikkan taraf akan dibuat demikian mengikut keutamaan dan jumlah peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat darj Kuala Langat telah menyentuh mengenai usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi mempertingkatkan bilangan usahawan di luar bandar, terutamanya usahawan bumiputera.

Sukacita dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementrian ini telah dan sedang melaksanakan kegiatan-kegiatan untuk mengubah sikap bumiputera bagi melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan industri-industri.

Semenjak dua tahun yang lalu Kementerian telah melaksanakan Program Budayaniaga, di dalam semua kegiatan-kegiatannya bagi mewujudkan usahawan-usahawan di kalangan bumiputera. Begitu juga dengan latihan dalam ilmu keusahawanan serta juga selok-belok jenis-jenis perniagaan. Di samping itu Kementerian juga memberi latihan kemahiran tertentu ke arah mewujudkan usahawan bumiputera melalui kegiatan-kegiatan seperti Projek Industri Kampung, Kumpulan Latih-kerja Jahitan, Moior Mekanik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Petua, demikianlah sedikit scbanyak penjelasan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Suka juga saya menegaskan di sini bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan terus berusaha bagi mencapai objektifnya untuk meningkatkan lagi taraf sosio-ekonomi penduduk luar bandar di negara ini. Bagi perkara-perkara lain yang tidak sempat saya jawab, Kementerian, insya Allah, akan mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

5.47 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang telah mengemukakan beberapa cadangan dan idea-idea bagi memperbaiki dan memperkemas pengurusan Kementerian saya.

Dalam Titah Ucapan Di-Raja hanya seorang sahaja Ahli Yang Berhormat telah berucap mengenai Kementerian

saya, saya menganggap ini sebagai satu sumber galakan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi meneruskan tugas-tugas yang baik Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah mengemukakan soalan—*(Disampuk)*—nanti saya beri jawablah. Tidak mahu dengar—tunggulah. Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah mengemukakan soalan berkaitan dengan lawatan saya ke Chye Ling Park pada 4.9.1990 yang mana beliau telah dipilih sebagai Raja kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pengundi dari Chye Ling Park telah memilih seorang wakil yang tidak begitu bertanggungjawab dan tidak peka terhadap permintaan-permintaan dan kebajikan penduduk-penduduk di situ. Bagi makluman, Tuan Yang di-Pertua, wakil itu adalah dari parti di mana Ahli Yang Berhormat dari Bagan sendiri berasal.

Semasa lawatan saya beberapa permintaan telah dikemukakan kepada saya, seperti kerusi untuk Dewan dibina oleh penduduk-penduduk sendiri dengan sedikit bantuan dari Kerajaan, alat-alat keselamatan api, pembaikan jalan-jalan yang sangat uzur dan juga membina jalan-jalan baru di mana jalan-jalan belum dibina, pasukan RELA di kawasan itu telah meminta satu pondok RELA dibina di samping itu permintaan juga telah dikemukakan kepada saya oleh Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Chong Hwa (3) di Perai dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Chong Hwa Cawangan (2) bagi mendapat bantuan untuk membaiki bangunan kedua-dua sekolah itu.

Saya telahpun berbincang hal ini dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah bermurah hati memberi sumbangan supaya \$20,000 bagi tiap-tiap sekolah. Permintaan dari tokong China di kawasan itu akan ditunaikan oleh saya dengan pemberian

\$10,000 grant dan permintaan itu telah diberikan kepada Jabatan Perdana Menteri dan apabila saya mendapat persetujuan dari Jabatan Perdana Menteri, saya akan memberi sumbangan itu kepada mereka. Semasa lawatan itu juga saya telah bertemu dengan 50 hingga 75 penjaja di kawasan itu dan permintaan mereka bagi bekalan elektrik dan air telah mendapat pertimbangan saya, kerana pemberian sokongan dan galakan kepada peniaga-peniaga kecil adalah selaras dengan polisi Kerajaan. Dengan serta-merta, kemudahan telah disediakan bagi membekal bekalan air kepada penjaja, kepada individu mereka untuk menjalankan perniagaan mereka dan bekalan elektrik adalah dalam rancangan Tenaga Nasional, saya percaya boleh dijalankan tidak lama lagi. Saya tidak lahu macam mana Ahli Yang Berhormat yang barudipilih tidak melawat kawasan dan memberitahu di Dewan yang mulia ini tidak ditunaikan.

Berkaitan dengan parti dan jalan, Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang telah menjalankan hampir semua kerja-kerja dan penyelenggaraan beberapa jalan dan penurapan semula di sekeliling Chye Ling Park. Bekas wakil yang dipilih tidak menghiraukan janji-janji yang dibuat itu dan tidak melawat kawasan-kawasannya untuk mengetahui kehendak-kehendak pengundi-pengundinya.

Saya percaya banyak di antara Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Ahli dari Bagan, tiap-tiap kalinya menjawab saya bukan daripada Kerajaan, oleh kerana itu saya tidak boleh menunaikan janji, tetapi ada jugalah contoh Ahli-ahli Yang Berhormat - baik, daripada DAP pun ada juga, itulah bekas Ahli dari Bukit Bintang—bukan daripada Kerajaan.

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh bangun.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Boleh, saya hari-hari beri.

Tuan Lau Dak Kee: Benarkah kawasan yang dipegang oleh Yang Berhormat itu sendiri begitu lama, mungkin tiap-tiap kali, kali ini sedikit sahaja - mungkin tewas, tetapi nasib baik menang, ucapan tahniahlah. Soalan saya adakah Yang Berhormat benar-benar menunaikan janji di kawasan Yang Berhormat itu dengan sepenuhnya. Apa saya dapati bahawa bukan hanya penduduk-penduduk di kawasan Sungai Siput telah membising-bising dan juga ahli-ahli daripada komponen Barisan Nasional seperti MCA dan Gerakan pun bising juga kerana Yang Berhormat tidak menunaikan janji itu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, DAP kali ini haniar seorang jeneral yang terbesar, sudah tewas, sudah mati (*Tepuk*). Jeneral yang terbesar, seorang pemimpin terbesar daripada kaum India dari DAP, hantar ke Sungai Siput untuk membunuhnya. Ini saya tahu, walau bagaimanapun saya kesihan kepada Yang Berhormat P. Pato daripada Ipoh, pada masa yang lalu apabila Yang Berhormat itu jadi Ahli Dewan Rakyat kepada kawasan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu memegang sekarang, Ahli Yang Berhormat menang dengan majoriti yang besar—bukan? 25 daripada itu saya beri punya. Saya memberi lampu elektrik kepada 800 rumah daripada kawasan Ahli Yang Berhormat. Tidak kira DAPkah, tidak ada DAP. Ada tahu? (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila hadapkan kepada saya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ahli Yang Berhormat, saya suka juga jaga sedikit.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya belum habis.

Tuan Lau Dak Kee: Okay. silakan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, adik-adik dan saudara-saudara di dalam satu parti berlawan di antara satu dengan lain menjadi satu perkara biasa. Ini bukan boleh dikatakan tidak ada di parti DAP tetapi saya tidak campur tangan. Saya gentleman. DAP punya hal, saya tidak campur tangan. You lawan sendiri pun saya tidak mahu cakap apa-apa. Adajuga pemberita lainya saya, apa pandangan dari Yang Berhormat **Dato' Seri S. Samy Vellu**. Saya cakap, "Oh, itu hal DAP, saya tidak mahu campur tangan. "Oleh kerana itu . . .

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Dato' Seri S. Samy Vellu: Nantilah saya belum habis jawab lagi. Selepas sayajadi Ahli Parlimen kepada kawasan ini DAP dua kali menang dengan senang-senang. Oleh kerana tugas saya buat, kerusi dia dapat (*Ketawa*). Tidak melawal. Kali ini banyak di antara pemilih-pemilih saya, pengundi-pengundi saya telah ditipu oleh kerana diberitahu mereka akan mendapat \$100 bila umur mereka 55 tahun. Sekarang baru mereka tahulah, "Kita sudah kena tipu." Saya cakap, "Tidak apalah." Majoriti apa kira menang lebih besar, mula-mulanya saya dapat 624 undi, saya kalahkan Yang Berhormat, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila alamatkan kepada saya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Ini ada sedikit, bila kita beri maklumat-maklumat berkenaan dengan permintaan dari Ahli Yang Berhormat, saya suka memberi sedikit penjelasan, kalau tidak kawan-kawan sahabat di sini kata, saya tidak buat kerja.

Tuan Yang di-Pertua: Ialah, tetapi alamatkan kepada Yang di-Pertua.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Dato' Seri S. Samy Vellu: Boleh.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih. Yang Berhormat tadi telah sebut bahawa Yang Berhormat tidak mahu campur tangan dengan parti-parti yang lain, adakah benar Yang Berhormat telah campur tangan dengan hal ehwal Perdana Menteri untuk melantik Menteri-menteri atau Timbalan-timbalan Menteri yang telah disebut-sebut dan telah disiarkan dalam surat-surat khabar. Adakah Yang Berhormat mengaku?

Yang kedua, berkenaan dengan jeneral yang dihantar oleh DAP itu kepada kawasan Yang Berhormat itu, saya kata, nasib baik Yang Berhormat menang, ini serah kepada Tuan Allahlah, siapa yang akan menang, siapa yang akan tewas itu tidak tahulah. Tetapi gunakanlah cara-cara yang baik.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ini bukan soalan, kalau minta soalan, saya beri peluang oleh kerana saya seorang Menteri bertanggungjawab, siapa bangun pun saya akan beri peluang.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih, saya belum habis lagi. Tuan Speaker, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri jawab, sama ada Menteri itu wajib atau tidak memberi kemudahan-kemudahan kepada penduduk-penduduk ataupun pengundi-pengundi di setiap kawasan di mana Kerajaan telah diamankan. Kalau mengikut Yang Berhormat berkata, dia beri bantuan tetapi undi yang lain, adakah Yang Berhormat menafikan ini adalah hak asasi bagi setiap orang yang membayar cukai yang berhak mendapat kemudahan-kemudahan yang palat diberikan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ya, saya tahu tiap-tiap rakyat jelata membayar cukai. Mereka juga mempunyai hak untuk memilih seorang wakil rakyat yang bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan

mercka. Apa nasibnya bila kita dapat seorang wakil rakyat seperti itu di Perai dahulu, siapa boleh jaga.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, ada satu permintaan yang betul-betul saya mahu jawab. Saya bukan bergaduh dengan Perdana Menteri saya. Perdana Menteri saya, Yang Amat Berhormat **Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad** yang berorientasi dengan demokrasi. Siapa-siapa bawa, dia pun boleh lawan tetapi DAP tidak boleh lawan, lawan habis, tahukah. MIC pun boleh lawan, saya punya Deputy President sudah lawan - sudah kalah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila atamatkan kepada saya. Kalau begini tidaklah teratur.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, oleh kerana apabila Ahli-ahli Yang Berhormat bangun untuk meminta soalan atau apa-apa penjelasan, saya percaya tugas saya itu memberi peluang kepada mereka tetapi Tuan Yang di-Pertua memberi arahan jangan beri peluang, saya tidak beri peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Itu terpujang.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Boleh saya jawab?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Nilam Puri bangun.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Okay, sila.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mengatakan siapa bangun, beliau akan memberi jalan. Terima kasih kerana beliau telah memberi jalan. Pada hari pilihanraya lebih kurang pukul 4.00 pagi Menteri Tenaga, Telekom dan Pos

mengatakan bahawa darahnya UMNO, jantungnya UMNO, hatinya juga UMNO sekarang. Jadi, saya hendak tanya dia Menteri UMNO ataupun Menteri mewakili MIC? (*Ketawa*)

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya dipimpin oleh UMNO. Saya seorang ahli dipilih walaupun dipilih daripada parti MIC tetapi lambang saya "Dacing". Ketua lambang itu Yang Amat Berhormat **Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad**, Pengerusi Barisan Nasional.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (*Bangun*)

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya belum habis lagi Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat, jangan berbahas.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya kata nadi saya ialah pengundi-pengundi Melayu oleh kerana saya terutang budi kepada sesiapa yang memberi sokongan kepada saya. Saya bukan mahu tipu, saya tahu saya dipilih oleh orang Melayu tetapi bukan di mulut sahaja, semua orang pilih saya. Saya tidak mahu tutup di dalam hati saya, racun kalau ditutup dalam hati, dia jadi lebih rosak lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya ikut dengan arahan. Salu kali sahaja (*Ketawa*).

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi jalan. Tadi Yang Berhormat Menteri mengalakan bahawa kita hantar

satu general untuk membunuhnya. Di sini saya hendak menafikan dengan sekeras-kerasnya bahawa DAP hantar Sdr. P. Patto ke Sungai Siput bukan untuk mcmbunuhnya, untuk membunuh kalau boleh Yang Berhormat Menteri. Tetapi nasib baik Yang Berhormat Menteri berjaya. Tetapi ini adalah kerana Yang Berhormat Menteri mengangkut pengundi-pengundi di luar kawasan Menteri untuk membuang undi di sana. Dan saya percaya bahawa satu kes akan dibawapada mahkamah mengenai perkaraitu. Tetapi saya memberi satu nasihat awas-awas sedikit....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng:... kerana

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh minta satu penjelasan, bukan menasihati.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan penjelasan, mengenai apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi awas-awas, kerana apa Yang Berhormat tadi cakap nadinya UMNO, pemimpinnya UMNO yang menjaga hak-hak kaum India di Malaysia, terutamanya menjaga kepentingan MIC. Tetapi sehingga hari ini satu Timbalan Menteri MIC, sayapun tidak nampak. Tidak tahu di mana mcrcka pergi. Sila jawab. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini Yang Berhormat tidak mahu beri jalan, ya (*Ketawa*).

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara-perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat tadi tidak ada kaitan dengan apa yang kita bahas, tetapi untuk penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu dua Timbalan Menteri itu hak saya dan hak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari parti saya. Bolehlah, sedikit hari tunggulah boleh tengok siapa masuk dalam (*Ketawa*).

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dact Kota Melaka

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya beri hormat kepada Ahli Yang Berhormat yang telah dipilih sebagai Wakil Rakyat. Itu polisi saya sendiri. Saya tidak bertanggungjawab oleh kerana polisi yang lain, Tetapi mahu bawa saya pergi mahkamah, itu hak sesiapa yang mahu bawa saya pergi ke mahkamah dan keputusan mahkamah itu, saya terima. Tetapi jangan kasi takul sayalah. (*Ketawa*) Ini bukan saya, ini orang hitam, darahnya lebih kuat (*Ketawa*) tahukah!

Tuan Lim Guan Eng: KarpalSingh kes tipu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sudahlah. Minta teruskan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab juga, tetapi dia bangun, dia tidak hormat Yang Berhormat Tuan Speaker, bukan saya.

Seorang Ahli: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, cukuplah. Sudah, cukuplah. Yang Berhormat Menteri, sila leruskan ucapan. Jangan beri campur yang lain menjawabnya.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka, cukup.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua; Tidak benar, tidak boleh. Soal ini kita hendak menyelesaikan perkara ini pada malam ini. Tidak boleh Yang Berhormat, tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka teruskan ucapan Menteri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kebenaran dari Tuan Yang di-Pertua

Tuan Sim Kwang Yang: Peraturan Mesyuarat....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Sim Kwang Yang: 36 (10), Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri menggunakan perkataan-perkataan bahawa dia darah hitam lagi kuat.... (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti. Beri dia bercakap di atas point of order. Berilah dia bercakap.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya rasa itu warna kulitkah biarlah jangan sebutkan di sini, sebab dia akan merosakkan harmoni di amara kaum. Saya minta Tuan Yang di-Pertua membuat satu ruling bahawa darah hitamkah, hijaukah, merahkah lagi kuat unparliamentary dan tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan. Pada fikiran saya perkataan itu

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab satu dua perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi saya rasa kesal. Saya bukan takut Karpal Singh. Saya bukan tarik balik kes yang ada. Dia tarik balik, bacalah paper sedikit. Apa yang kita lawan dalam

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Dato' Seri S. Samy Vellu: Duduklah (*Ketawa*) Duduk, duduk. Tuan Speaker sudah beritahu sama saya jangan beri. Sekarang saya ikut dengan arahan Tuan Speaker (*Ketawa*) Apa yang jadi di antara saya dengan Encik Karpal Singh

iaitu dalam soal costs. Dia minta costs, saya sudah potong costs—itu lawan. Karpal Singh itu juga sudah kalah dengan saya dalam satu kes lagi, mahukah saya beri butir-butir?

Tuan Yang di-Pertua: Beritahu sudahlah, jangan challenge dia. Jangan cabar dia (*Ketawa*). Beritahu sudahlah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Telah dijalankan khasnya dua batang jaiian tepi di antara Lebuhraya Tiga dan Lima, sebatang jalan lagi di antara Gan Chye Ling dan 9, halaman di hadapan Dewan orang ramai juga dilarkan.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka, dia tidak benarkan. Kita sudah lambat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Nanti saya jawablah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila,

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ahli Yang Berhormat, saya suka menjelaskan sedikit....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan

Dato' Seri S. Samy Vellu:.... kalau Tuan Speaker beri saya kebenaran, esok pagi pun saya boleh duduk di sini, saya tidak ada halangan, Ini hari saya tidak ada meeting (*Ketawa*). Tetapi saya percaya masa tidak cukup. Selain daripada itu, saya telah berjanji untuk memperbaiki pasar dan parit di Medan Kurau Tiga, Chye Ling Park. Parit telah diperbaiki dan hal pasar adalah dt dalam pertimbangan. Dan saya telah menghantar satu rayuan untuk mendapatkan wang sebanyak \$30,000 kepada Jabatan Perdana Menteri. Saya juga telah menyiapkan jalan di kampung main road Prai dengan cost \$30,000 kepada kawasan-kawasan yang mana kawasan setinggan yang banyak

pengundi-pengundi daripada pendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab sumbangan saya yang begitu efektif ini telah membawa kesenangan kepada penduduk-penduduk Chye Ling Park dan mereka telah menunjukkan penghargaan mereka dengan membeli undi lebih 13,000 undi kepada Barisan Nasional dalam pilihanraya. Satu kawasan yang banyak kuat dengan DAP, ikrar dengan DAP. Kalau saya buat satu lawatan lagi, sudah habislah DAP (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan mahu ucap panjang dalam penjelasan saya. Satu nasihat daripada saya iaitu....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat hendak berikah kepada Yang Berhormat dari Ipoh?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia beri juga (*Ketawa*)

Tuan Lau Dak Kee: Sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, menurut ucapan daripada Yang Berhormat tadi, dia kata melantik dua Timbalan Menteri adalah hak saya dan hak Perdana Menteri. Di sini saya hendak memberi penjelasan daripada Yang Berhormat sama ada itu betul-betul hak Yang Berhormat atau hak Perdana Menteri sahaja. Hak mutlak itu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya minta Yang Berhormat....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya minta Yang Berhormat berhati-hatilah sedikit. Hantar nama-nama daripada parti saya, itu hak saya. Lantikkah atau tidak lantik, itu terpulang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ada tahukah? (*Ketawa*) Tahu? Cukuplah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat dari Bagan, beliau telah dapat satu publisiti iaitu mereka

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: mereka penduduk dalam Chye Ling Park akan membuang dua telor rosak atas saya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Dato' Seri S. Samy Vellu: Boleh. Semangat, saya mahu beri sedikit chance.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini fasal kawan lama, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, selaku Presiden MIC, adakah menghantar nama bekas dua Timbalan Menteri iaitu **Dato' S. Subramaniam** dan **Dato K. Pathmanaban** sebagai calon Timbalan Menteri mewakili MIC dalam Kerajaan. Adakah Yang Berhormat mencadangkan nama itu? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, itu hal peribadi saya. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi sedikit nasihat kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Beliau ada juga meminta soalan-soalan berkenaan dengan projek ini. Saya telah siapkan semua jawapan-jawapan. Setengah projek yang saya janjikan sudah selesai. Setengah projek itu menelan belanja yang lebih dari \$100,000. Saya minta peruntukan daripada Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Parit dan Taliair dan juga peruntukan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan

dan lain-lain. Nasihat daripada saya ialah buang telur yang rosak ke atas saya, saya percaya tidak berapa sedaplah dengar.

Saya menjadi Ahli Parlimen selama 16 tahun dan saya menjadi Menteri selama 11 tahun. Dalam 11 tahun itu saya dapat pujian sahaja daripada pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab dari parti DAP. Tetapi hari ini saya beri nasihat kepada Yang Berhormat. Kalau ada soalan, minta saya jawab. Kerja-kerja tidak selesai, apa-apa sahaja tidak selesai, saya boleh jawab itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. dari Hulu Terengganu bangun.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 42 menyebut bila-bila ahli-ahli ditegur oleh Pengerusi berkenaan dengan Peraturan Mesyuarat atau bila-bila Pengerusi menyampuk semasa dijalankan perbahasan maka sesiapa Ahli yang sedang bercakap hendaklah duduk. Saya nampak Ahli dari Kota Melaka berdiri dan cuba menyampuk beberapa kali ketika Yang Berhormat Menteri sedang bercakap. Ini sudah melanggar Peraturan dan saya rasa patutlah dikenakan tindakan di bawah Peraturan Mesyuarat 42.

Tuan Yang di-Pertua: Sayaharaplah Yang Berhormat-Yang Berhormat mematuhi Peraturan Mesyuarat. Kalau tidak kita akan mengadakan satu perbahasan "keriau-mengeriau" dan "sorak-menyorak" (*Ketawa*) macam main bola.

Dr. Kua Kia Soong: (*Bangun*)

Dato' Seri S. Samy Vellu: Satu minit lagi saya sudah selesai. Saya tidak berilah. Untuk Ahli Yang Berhormat, saya tidak berilah.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri.

Dr. Kua Kia Soong: Yang Berhormat dari Bandar Kuching ada timbulkan satu point of order

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita beri peluang, kena marah juga. Jika lidak beri peluangpun, kena marah juga. Jadi, saya minta Ahli Yang Berhormat daripada Bagan, Ahli yang baru, jika ada masalah di sana sebagai wakil boleh timbulkan kepada Kerajaan dan Kerajaan boleh mengambil tindakan.

Tuan Lim Hock Seng: (*Bangun*)

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ahli dari Bagan boleh.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membuat sedikit pertanyaan dan penjelasan kerana soalan asal ini dibangkitkan oleh saya sendiri. Saya terkejut bila Yang Menteri kata dia hanya ada satu minit lagi untuk menjawab soalan saya dan saya takut kalau saya tidak berdiri untuk minta penjelasan nanti dia sudah duduk dan saya sudah tidak ada peluang untuk membuat penjelasan.

Suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri adakah beliau melawat Chye Ling Park? Sedarkah Yang Berhormat bahawa masih ada banyak lagi lorong-lorong belakang yang sepatutnya jalan-jalan tar telapi sekarang semuanya ditumbuhi dengan lalang-lalang dan rumput-rumpai. Saya tidak tahu mengapa JKR

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan JKR, Kementerian lain.

Tuan Lim Hock Seng: Pada masa penggal ini Yang Berhormat Menteri ini yang jaga.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara itu perkara yang sudah!

Tuan Lim Hock Seng: Saya mahu bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada Yang Berhormat Menteri masih mahu menunaikan janji-janji yang telah dijanjikan seperti memberi bekalan elektrik kepada gerai-gerai penjaja dan juga Yang Berhormat Menteri ada berkata Yang Berhormat Menteri sendiri akan melawat ke Taman Chye Ling satu kali satu bulan. Ini satu janji dan kalau tidak tunaikan janji, potong kepala saya, Yang Berhormat kata. Sama ada Yang Berhormat masih ingatkah semua janji-janji ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, nanti sekejap. Ada satu usul yang hendak dikemukakan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Perumahan dan Kerajaan
Tempatan(DrTingChewPeh):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu usul:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah selesai dipertimbangkan.

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul ini bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah selesai dipertimbangkan.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tidak ada masa. Yang Berhormat Menteri, sila teruskan .

**UCAPAN TERIMA KASIH
KEPADA D.Y.M.M.
SERI PADUKA BAGINDA YANG
DI-PERTUAN AGONG
SULTAN AZLAN SHAH**

Perbahasan disambung semula.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang telah saya terangkan tadi kepada Ahli Yang Berhormat, separuh projek sudah selesai, manakala separuhnya ada di dalam permintaan dan bulan Disember ini adalah bulan terakhir kepada pengira-pengira Kerajaan. Oleh kerana itu, apa-apa saya janji kepada Chyc Ling Park, saya akan tunaikan janji. Tetapi ada satu lagi yang saya telah bercakap yang Yang Berhormat belum cakap. Saya akan melawat ke kawasan itu tiap-tiap bulan sekali jikalau calon saya menang. Sekarang Ahli Yang Berhormat menang, saya ucapkan tahniah, melawatlah tiap-tiap

Satu lagi penjelasan. Kerja-kerja di dalam kawasan Kerajaan Tempatan ini bukan tanggungjawab JKR. Itu ialah tanggungjawab Kerajaan Tempatan, Kerajaan Tempatan mesti mengambil tindakan untuk memperbaiki lorong-lorong belakang dan lain-lain. Saya suka

memberitahu kepada Yang Berhormat jikalau Yang Berhormat menghubungi Majlis Tempatan di kawasan sana, saya percaya ini boleh dapat diselesaikan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun untuk meminta penjelasan daripada saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri Kerja Raya.

6.77 ptg.

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggte anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan juga untuk memberi penjelasan kepada beberapa persoalan yang telah dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang ada menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Kerja Raya.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut di dalam ucapannya telah menggesa Kerajaan untuk mempercepatkan pembinaan jalanraya yang menghubungkan Kuala Lumpur ke Lumut dan Ipoh ke Lumut untuk tujuan promosi pelancongan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bahawa adalah memang menjadi hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kemudahan sistem jalanraya di seluruh negara. Kerajaan sedar sistem jalanraya yang baik akan memberi banyak manfaat bukan sahaja kepada pengguna-pengguna jalanraya tetapi juga kepada pembangunan ekonomi negara pada keseluruhannya.

Bagi lebuh raya Ipoh ke Lumut, jalanraya yang menghubungkan Bota Kanan ke Siliawan telah pun dinaikkan laraf pada tahun 1983. Tender-tender juga telah dikeluarkan untuk projek pembinaan jalanraya yang menghubungkan Sitiawan ke Lumut dan Bota Kiri ke Seputeh. Kerja-kerja pembinaan dijangka dimutakan pada awal tahun hadapan. Tindakan juga sedang diambil

untuk memperbaiki jalanraya yang menghubungkan Seputeh ke Jelapang. Rekabentuk jalan ini telah dikaji semula dan telah pun disiapkan, Urusan tender dan kerja-kerja pembinaan akan dimulakan tahun hadapan.

Mengenai jalan Kuala Lumpur ke Lumut, kerja-kerja pembaikan sebahagian jalanraya ini yang menghubungkan Kampung Kayan ke Sitiawan sedang dijalankan dan dijangka siap pada bulan April 1991.

Tuan Yang di-Periua, di samping projek-projek jalanraya yang dilaksanakan dengan pembiayaan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan juga melaksanakan dasar penswastaaan

Datin Ling Chooi Seng: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Lumut.

Datin Ling Chooi Seng: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar Kayan Highway yang dimulakan tiga tahun lalu sampai sekarang belum disiapkan dan oleh kerana saya kerap kali balik ke kampung, saya menggunakan jalan itu tiap-tiap minggu. Saya lahu aktiviti ke atas jalan itu tidak begitu aktif. Kadang-kadang saya nampak ada kerja sedikit tetapi kadang-kadang tidak ada aktiviti yang dilaksanakan. Saya diberitahu bahawa jalan itu akan disiapkan sebelum Jun 1991. Memandangkan keadaan ini, saya kesal iaitu jalan ini tidak akan dapat disiapkan sebelum Jun dan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Leo Moggie anak Irok Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa ada masalah dari segi pelaksanaan jalan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, kita mengharapkan ianya dapat disiapkan dalam bulan April tahun hadapan. Kemungkinan ianya lewat dari itu memanglah ada kita

cuba mencari jalan untuk menyiapkan dengan secepat mungkin yang dapat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, selain dari menjalankan kerja-kerja pembinaan jalan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan juga akan meneruskan dasar penswastaaan dalam pembinaan jalan. Kerajaan melaksanakan dasar penswastaaan ini dengan tujuan bukan sahaja untuk menyokong sumbangan pihak swasta dalam meningkatkan infrastruktur negara tetapi juga untuk mengurangkan perbelanjaan yang dikeuarkan oleh Kerajaan sendiri. Bagi membolehkan pihak swasta mendapat pulangan kepada perlaburan mereka, maka adalah perlu mereka dibenarkan untuk mengutip tol daripada pengguna-pengguna jalan raya berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, projek penswastaaan jalan raya yang utama di negara ini yang sedang giat dilaksanakan ialah projek Lebuhraya Utara ke Selatan. Lebuhraya ini sepanjang lebih kurang 900 kilometer dibina secara berperingkat-peringkat. Sebahagian daripada lebuhraya ini telah pun dibuka kepada lalulintas iaitu sepanjang 356 kilometer dan bahagian-bahagian tersebut ialah Kuala Lumpur ke Pagoh, Changkat Jering ke Ipoh, Alor Setar ke Gurun, Tanjong Malim ke Slim River dan Bukit Kayu Hitam ke Jitra.

Tuan Yang di-Pertua, kos pelaburan serta operasi Lebuhraya Utara-Selatan telah meningkat dan sebagaimana yang ditetapkan di dalam konsesi syarikat tersebut, syarikat berhak mendapatkan kenaikan kadar tol bagi kenderaan kelas dua dan kelas tiga mulai dari 1hb Januari, 1990. Walau bagaimanapun di atas permintaan pihak Kerajaan, syarikat konsesi telah bersetuju menanggungkan kenaikan itu selama satu tahun sehingga akhir tahun 1990. Kerajaan juga telah meneliti implikasi kepada pengguna jika kenaikan itu dikuatkuasakan.

Sebenarnya kos bayaran tol adalah merupakan sebahagian kecil sahaja daripada kos pengangkutan, Sebagai contoh, Kemmerian Kerjara telah difahamkan bahawa kos sewa sebuah lori '6-wheeler' untuk perjalanan dari Kuala Lumpur ke Pagoh pada masa sekarang ialah \$297.50 bagi satu trip. Kadar tol baru yang akan dibayar ialah hanya \$17.00 bagi setiap lori iaitu bersamaan 5.7% sahaja daripada kos sewa lori berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah menimbangkan kesemua faktor-faktor yang saya nyatakan, Kerajaan telah bersetuju untuk membenarkan syarikat konsesi menaikkan kadar tol untuk kelas dua dan kelas tiga mulai dari 1hb Januari, 1991. Kenaikan kadar tol ini scrtu bahagian-bahagian lebuh raya yang terlibat adalah seperti berikut:

(a) *Sistem Tol Tertutup*

Lebuh raya yang terlibat di bawah Sistem Tertutup ini adalah Lebuh raya Kuala Lumpur ke Pagoh, Changkat Jering ke Ipoh dan Alor Setar ke Gurun. Kadar tolnya bagi kelas dua dinaikkan dari 7.5 sen kepada 10 sen setiap satu kilometer iaitu kenaikan sebanyak 2,5 sen setiap kilometer. Bagi kelas tiga, dari 10 sen kepada 12.5 sen setiap kilometer iaitu kenaikan sebanyak 2.5 sen setiap kilometer.

(b) *Sistem Tol Terbuka*

Lebuh raya yang meliputi Sistem Terbuka ini adalah Lebuh raya Tanjong Malim ke Slim River dan Lebuh raya Bukit Kayu Hitam ke Jitra. Kadar tol bagi Tanjong Malim ke Slim River, bagi kenderaan kelas dua, dari \$1.50 bagi setiap arah perjalanan kepada \$2.00 iaitu kenaikan sebanyak 50 sen. Bagi kenderaan kelas ketiga, dari \$2.00 bagi setiap arah perjalanan kepada \$2.50 iaitu kenaikan sebanyak 50 sen. Kadar tol Bukit Kayu Hitam

ke Jitra, bagi kenderaan kelas kedua, dari \$1.50 bagi setiap arah perjalanan kepada \$2.40 iaitu kenaikan sebanyak 60 sen. Bagi kenderaan kelas ketiga, dari \$2.40 bagi setiap arah perjalanan kepada \$3.00 iaitu kenaikan sebanyak 60 sen.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat kadar baru tol ini ada munasabah dan tidak membebankan kerana ianya merupakan sebahagian kecil kos pengangkutan dan senggara. Kadar-kadar ini juga telah ditetapkan di dalam perjanjian konsesi di antara Kerajaan dan syarikat yang terlibat. Dengan penerangan-penerangan demikian, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

6.27 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dr Ting Chew Peh):

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas perhatian yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang telah membangkitkan mengenai tindakan Kerajaan menggugurkan perkataan "baru" daripada kampung-kampung baru, kononnya sebagai tindakan menghukum pengundi-pengundi di situ.

Sukalah saya menjelaskan bahawa tindakan menamakan semula kampung-kampung baru sebenarnya telah bermula jauh lebih awal sebelum pilihan raya umum di beberapa negeri. Maka pengguguran perkataan "baru" dari istilah kampung baru tidak kena-mena dengan pilihan raya umum.

Kerajaan Persekutuan telah membuat pengumuman baru-baru ini mengenai pengguguran perkataan "baru" untuk mengingatkan semua negeri supaya meneruskan usaha penamaan semula.

Tuan Yang di-Pertua, langkah menggugurkan perkataan baru serta menamakan semula kampung-kampung baru adalah dengan tujuan unik menghapuskan imej lama penempatan ini sebagai kawasan kawalan keselamatan dan ini adalah selaras dengan rancangan Kerajaan bagi memajukan penempatan-penempatan ini dengan lebih teratur dan berkesan supaya kampung-kampung itu dapat diintegrasikan ke dalam rancangan pembangunan negara secara keseluruhan.

Kerajaan akan terus memberikan perhatian memajukan semua kawasan yang memerlukan pembangunan mengikut keadaan kawasan-kawasan itu dan berasaskan peruntukan wang yang mampu diberi oleh Kerajaan, tidak kira sama ada kampung baru atau kampung tradisional. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

630 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat dan Gua Musang yang telah memberi teguran dan cadangan dan pandangan yang membina dalam perbahasan Titah Ucapan Di-Raja, khususnya mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara yang tertentu yang telah dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat telah menyuarakan kebimbangannya mengenai latihan usahawan bumiputera di sektor perdagangan dan perindustrian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini memang telah memainkan peranan yang sewajarnya dalam melatih usahawan-usahawan termasuk usahawan bumiputera melalui Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) di mana dengan cara ini usahawan-usahawan akan lebih bersedia dan berkemampuan untuk bersaing dengan rakan-rakan mereka dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemudahan GSP dan PTA pula, saya ingin menyatakan bahawa penggunaannya telah meningkat sejak tahun 1986 sehingga kini. Walau bagaimanapun, usahawan bumiputera yang menggunakan kemudahan GSP dan PTA adalah rendah. Ini disebabkan sebahagian barangan keluaran usahawan bumiputera adalah tidak dikenakan cukai. Pasaran barangan mereka pula didapati di negara-negara yang tidak mempunyai kemudahan GSP dan PTA. Kementerian ini juga, telah dan sedang menganjurkan bengkel-bengkel dan seminar-seminar kepada usahawan-usahawan bumiputera dengan memberi maklumat-maklumat terperinci mengenai kemudahan GSP dan PTA. Dengan usaha ini dijangkanya akan meningkatkan lagi penggunaan kemudahan GSP dan PTA di kalangan usahawan-usahawan bumiputera di masa-masa akan datang.

Yang Berhormat dari Gua Musang telah mengemukakan beberapa teguran yang ada kaitan dengan Kementerian saya. Mengenai dasarekuiiiioleh pelabur asing, perdagangan 100% oleh pelabur asing hanya dibenarkan bagi projek perkilangan yang dieksport lebih daripada 80% pengeluarannya. Bagi projek yang berorientasikan pasaran tempatan, pelabur-pelabur asing tidak boleh memiliki sehingga 100% ekuiti cuma sehingga 30% sahaja.

Mengenai kawasan-kawasan industri yang telah ditimbulkan tadi oleh Yang Berhormat dari Gua Musang, suka saya mengatakan di sini Kementerian

saya sedang mengenalpasti kawasan-kawasan yang tertentu untuk menempatkan industri kecil dan sederhana. Rundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri-Negeri sedang berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat dan Gua Musang yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Kememerian Pendidikan.

6.33 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Di-Raja dan mengemukakan isu dan cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan. Seterusnya saya ingin memberikan sedikit penjelasan dan utasan kepada pandangan, teguran dan kritikan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu penciptaan terus ke Tingkatan Sui bagi pelajar-pelajar dari SRJK yang mendapat 6A dalam ujian pencapaian sekolah rendah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, sebenarnya Kementerian Pendidikan memastikan bahawa mereka benar-benar mempunyai tahap penguasaan Bahasa Malaysia yang kukuh dan dapat mengikuti pelajaran dalam Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya di Tingkatan Satu. Oleh itu, bagi sesi persekolahan 1990—1991 ini, pelajar-pelajar tersebut disyaratkan mencapai kelulusan 6A di dalam ujian pencapaian sekolah rendah itu perlu menduduki dan lulus ujian khas Bahasa Malaysia

yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan dan mereka juga harus terlebih dahulu memohon untuk dikecualikan daripada mengikuti kelas peralihan.

Mengenai isu yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Langat

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun. Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Dr Leo Michael Toyad: Tidak ada masa. Mengenai isu koperasi sekolah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Langat, ingin saya jelaskan bahawa sejak koperasi sekolah ini ditubuhkan di seluruh negara dalam tahun 1989, penglibatan pelajar-pelajar dalam koperasi tersebut sememangnya mendapat sambutan yang hangat. Sehingga 31hb Disember, 1989 terdapat 921 buah koperasi sekolah di seluruh negara iaitu 70% daripada jumlah sekolah menengah di seluruh negara telah menubuhkan koperasi mereka masing-masing dengan keahlian seramai 600,000 orang pelajar dan jumlah saham sebanyak 3.1 juta,

Untuk kita menambahkan lagi penglibatan pelajar dalam koperasi sekolah, Jabatan Pembangunan Koperasi di semua negeri dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri telah memperkenalkan konsep dan perjalanan koperasi secara lebih dekat dengan semua Pengelua Sekolah Menengah. Guru-guru yang diamanahkan membimbing koperasi-koperasi sekolah juga dibekalkan dengan alat-alat pengurusan yang berkesan melalui beberapa kursus yang telah dijalankan.

Yang Berhormat dari Kuala Langat juga telah menimbulkan isu mengenai sistem pendidikan yang hanya mengutamakan pendidikan akademik dan mengabaikan pendidikan teknik dan

perdagangan. Sebenarnya anggapan itu tidaklah benar sekali. Kementerian Pendidikan telahpun menyediakan matapelajaran yang bercorak teknik, vokasional dan perdagangan dari peringkat rendah lagi untuk menanamkan semangat keusahawanan di kalangan pelajar kita, khususnya melalui KBSR, Kementerian Pendidikan telah mengadakan matapelajaran manipulatif untuk memperkukuhkan keyakinan diri dan juga membina sifat berdayausaha dan berdayamaju dengan menggunakan tangan sendiri. Sehingga kini matapelajaran ini ialah mula diajar di 174 buah sekolah rendah. Pada tahun 1991 seribu buah sekolah lagi akan mengajar matapelajaran berkenaan dan pelaksanaan sepenuhnya akan dilakukan pada tahun 1993. Langkah-langkah ini akan diperluaskan dan diperhentikan lagi di peringkat menengah rendah dan menengah atas.

Dalam kurikulum KBSM penerapan nilai-nilai keusahawanan dilakukan secara komprehensif supaya meliputi seluruh kurikulum. Matapelajaran kemahiran manipulatif di peringkat rendah dikembangkan lagi dalam matapelajaran kemahiran hidup yang meliputi juga komponen keusahawanan, kekeluargaan, ekonomi rumah tangga, pertanian dan penternakan. Di peringkat menengah atas pula, nilai-nilai keusahawanan dilanjutkan lagi dalam beberapa disiplin matapelajaran vokasional dan teknologi yang merangkumi prinsip-prinsip seperti akaun, ekonomi asas, perdagangan, ekonomi rumah tangga, sains perikanan, kejuruteraan elektrik, elektronik dan lukisan kejuruteraan.

Perkara yang telah juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Langat yang menyenmba sedikii mengenai kurikulum sejarah kita. Kementerian Pendidikan telahpun menjalankan usaha-usaha ke arah untuk mengubahkan persepsi sejarah negara melalui penggubalan semula kurikulum sejarah dalam rancangan KBSM kita dan kita

memasukkan sejarah tokoh-tokoh perniagaan dan koporat juga.

Satu daripada keistimewaan dalam sukatan pelajaran sejarah KBSM ini ialah kajian sejarah tempatan di mana pelajar digalakkan mengkaji di antara lain tokoh-tokoh tempatan dalam sejarah yang merangkumi tokoh-tokoh perniagaan dan juga koporat.

Berhubung dengan penguasaan bahasa perdagangan seperti bahasa Inggeris, bahasa Perancis dan Jepun di peringkat awal seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Kuala Langat, di samping bahasa Inggeris, Kementerian Pendidikan memang bercadang untuk memperkenalkan bahasa-bahasa lain yang penting dari sudut ilmu pengetahuan dan ekonomi seperti bahasa Arab, bahasa Jepun dan bahasa Perancis. Di sekolah kita, matapelajaran bahasa Inggeris dimasukkan dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah. Matapelajaran ini adalah diwajibkan diambil oleh semua pelajar.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat dari Kuala Langat juga supaya Institusi Pengajian Tinggi mempunyai hubungan yang erat dengan pihak swasta. Beberapa langkah telahpun diambil di antara lain ialah dengan memperluaskan aktiviti bimbingan kerjaya di kalangan mahasiswa yang dikendalikan di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar bagi tiap-tiap universiti tempatan.

Semua institusi pengajian tinggi telah lama mempunyai Unit Penyelidikan dan Pembangunan Akademik dan Centres of Excellence Unil. Langkah-langkah dan usaha telah dan diteruskan untuk menggerakkan taraf institut pengajian tinggi kita sebagai satu pusat kecemerlangan bukan sahaja dari segi bidang-bidang ilmu dan penyelidikan, malah yang lebih penting lagi ialah sumbangan kepada segenap lapisan masyarakat termasuk pihak swasta.

Menyentuh tentang teguran yang mengatakan graduan bumiputera kurang bersedia untuk bekerja di sektor swasta, sebenarnya "institut pengajian tinggi kita telah dan akan sentiasa mengambil tindakan untuk mempertingkatkan kualiti mahasiswa masing-masing dengan menilai semula semua program pengajian yang dijalankan. Antara perubahan yang dibuat ialah dengan usaha kita memasukkan unsur-unsur keusahawanan dalam kursus-kursus yang ditawarkan. Tindakan juga telah diambil untuk kita memperiingkatkan lagi keperibadian mahasiswa kita dengan meningkatkan kemahiran mereka dalam berkomunikasi sama ada dalam bahasa Inggeris mahupun Bahasa Malaysia bagi membolehkan mereka bersaing dalam pasaran pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang dapat saya jelaskan dan huraikan mengenai perkara-perkara yang diimbulkkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program dan aktiviti Kementerian Pendidikan.

Saya menyedari ada beberapa isu lagi yang tidak sempat saya jawab disini dan perkara-perkara itu akan kila beri perhatian dan jika sesuai akan diambil tindakan yang dipcrlukan.

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan, teguran dan sokongan yang membina kepada Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kewangan.

6.42 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan

Kementerian Kewangan. Terima kasih ditujukan kepada Yang Berhormat dari Larut kerana sokongan di atas usaha-usaha Kerajaan mencegah pembaziran dan penyelewengan.

Saya ingin menegaskan lagi bahawa Kementerian Kewangan-akan terus berusaha dengan lebih gigih untuk mencegah pembaziran dan penyelewengan supaya wang rakyat dapat digunakan bagi kepentingan dan kebaikan rakyat.

Yang Berhormat dari Maran telah membangkitkan dasar pengswastaan yang dikalakan hanya berminat mencari unlung sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pengswastaan bertujuan untuk meningkatkan keccekapan dan pembangunan ekonomi negara, mengurangkan beban kewangan dan peniadbiran Kerajaan dan memenuhi Dasar Ekonomi Baru. Sekiranya kesemua matlamat-matlamat ini dipenuhi, insya Allah, matlamat keuntungn juga akan dicapai.

Dalam pelaksanaan dasar ini Kerajaan tidak mengabaikan kepentingan orang awam, Dalam hubungan ini Kerajaan telah menubuhkan badan-badan kawal-selia untuk menjaga kepcniingan pengguna dari segi perkhidmatan yang diberi.

Ahli Yang Berhormat dari Maran juga telah membangkiikan pengeluaran lesen judi di Kelantan yang mana menurut Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Kelantan tidak akan mengeluarkan lesen tempat berjudi lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Negeri Kelantan terdapat sejumlah 32 lesen perjiidian yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan iaiui seperti berikut:

- (1) Lessn Agensi Sports Toto 27
- (2) Lesen Agensi Empat Nombor Ekor4
- (3) Lesen Mengendalikan Mesin 1

Kesemua lesen-lesen tersebut akan tamat tempoh kuatkuasanya pada 31.12.1990. Sungguhpun lesen-lesen tersebut dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan mengikut amalannya sebelum sesuatu lesen itu diperbaharui, Kerajaan Persekutuan akan merujuk kepada Kerajaan Negeri sama ada pihaknya tiada halangan ke atas pembaharuan lesen berkenaan.

Dalam kes lesen-lesen perjudian di Negeri Kelantan, Kerajaan Pusat telahpun membuat rujukan sedemikian tetapi setakat ini belum mendapat jawapan rasmi. Namun begitu, kesemua 32 lesen perjudian yang telah diluluskan seperti dinyatakan di atas di Negeri Kelantan tidak akan diperbaharui sehingga pengesahan diterima dari Kerajaan Negeri Kelantan.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat membangkitkan peluang bumiputera mendapat faedah maksima dari dasar pengswastan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu objektif dasar pengswastan adalah untuk memenuhi Dasar Ekonomi Baru. Hasrat Kerajaan adalah untuk memberi peluang kepada bumiputera supaya dapat menyambut dengan baik peluang-peluang yang terbuka ini. Dari segi perkembangan bumiputera dan sektor korporat sekarang adalah diperhatikan masanya telah tiba supaya mereka berkecimpung dengan lebih aktif dalam bidang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah membangkitkan soal kejatuhan nilai ringgit dan inflasi yang meningkat. Ingin saya jelaskan bahawa turun naik nilai ringgit berbanding dengan sesuatu mata wang adalah ditentukan oleh faktor pasaran di pasaran pertukaran matawang asing. Pada keseluruhannya turun dan naik ringgit berbanding dengan nilai matawang asing adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor penawaran dan permintaan terhadap

ringgit berbanding dengan matawang yang tertentu.

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk tidak campur tangan dalam pasaran matawang asing. Kerajaan hanya ber-lindak untuk menentukan supaya pasaran terhadap ringgit adalah teralur. Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan lagi nilai Ringgit di pasaran. Langkah-langkah ini termasuklah dasar-dasar fiskal dan kewangan yang berhati-hati untuk menggalakkan pelaburan swasta dan meningkatkan eksport negara. Langkah-langkah ini telah berhasil di dalam memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi negara dan meningkatkan pelaburan terutamanya pelaburan-pelaburan asing. Dengan keadaan ekonomi yang semakin kukuh dan kedudukan rizab yang memuaskan adalah dijangka bahawa nilai ringgit akan terus kukuh dan stabil pada masa-masa yang akan datang.

Pihak Kerajaan sentiasa mengawal kedudukan inflasi di negara kita. Langkah-langkah yang telah diambil dan masih diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan tekanan inflasi termasuklah dasar-dasar fiskal dan kewangan yang berhati-hati. Kerajaan juga selalu mengawal harga barang-barang keperluan untuk memastikan bahawa harga-harga tidak meningkat dengan pesatnya dan negara juga mengawal bekalan wang untuk memastikan bahawa mudah-tunai tidaklah berlebihan. Dengan itu tekanan ke atas harga-harga akan diturunkan. Tambahan pula dengan kesetabilan nilai ringgit kadar inflasi di negara kita akan dijangka tidak meningkat dengan sebegitu pesat.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat juga telah menggesa supaya perlaksanaan persaraan secara pilihan ketika berumur 40 tahun disegerakan. Sukacita saya memaklumkan bahawa Rang Undang-undang yang berkaitan dengan cadangan ini akan dibentangkan dalam persidangan kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah jawapan daripada saya atas perkara-perkara yang dibangkitkan yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Sekiranya terdapat perkara-perkara yang tidak dapat saya jawab maka sukacita saya nyatakan bahawa perkara-perkara itu adalah dalam perhatian Kementerian Kewangan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kesihatan.

6.48 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, terdapat satu teguran yang dibangkitkan ke atas usul Ucapan Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran berkaitan dengan Kementerian Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat dari Keluang telah menyentuh tentang masalah doktor-doktor yang lurus berhenti selepas memenuhi syarat-syarat perkhidmatan wajib dengan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun mengambil berbagai langkah untuk mengatasi masalah ini.

Mengenai gaji permulaan Pegawai Perubatan ialah \$1,470 di bawah sekil gaji A15 dan Pegawai-pegawai Perubatan Tingkatan Biasa diberi kenaikan pangkat secara automatik ke Tingkatan Kanan di atas tanggagaji \$2,205 x 100 sehingga \$2,705 di bawah sekil gaji A11 selepas berkhidmat 5 tahun di peringkat Tingkatan Biasa. Disamping itu Pegawai Perubatan juga diberi peluang untuk mengikuti kursus-kursus kepakaran sama ada di dalam atau di luar negeri bagi meningkatkan kerjaya masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedang mengkaji dan mengemas kini Skim Perkhidmatan Jururawat dengan tujuan untuk mewujudkan peluang kerjaya yang lebih menarik lagi kepada golongan pekerja para-medic ini sejajar dengan kelulusan akademik dan latihan yang mereka perolehi.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pertahanan.

6.50 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan Titah Ucapan Di-Raja ini hanya seorang sahaja Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh soal Kementerian Pertahanan iaitu Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan mengenai urusan pembuangan undi bagi anggota-anggota Tentera tidak dijalankan secara adil. Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong adalah terlalu umum untuk memastikan aspek mana yang tidak adil. Peraturan dan juga urusan yang lelah dibuat untuk melaksanakan Pilihanraya Umum di kalangan anggota Tentera adalah seperti berikut.-

Pertama, Akta Pilihanraya 1959 (Akta 19) memberi keistimewaan kepada anggota Angkatan Tentera dan suami ataupun isteri mereka untuk mengundi lanpa hadir ataupun secara pos. Setiap anggota Tentera dan isteri atau suami yang telah mendatar sebagai pemilih tanpa hadir akan menerima kertas undi mereka melalui pos. Pendaftaran adalah mengikut bahagian pilihanraya di mana mereka bertugas.

Yang kedua, pada Pilihanraya Umum 1990 yang lepas, kertas-kertas undi bagi pengundi pos lelah dikeluarkan oleh pegawai pengurus pilihanraya kawasan ataupun PPP yang dilantik oleh Suruhanjaya Pilihanraya seawal-awalnya pada hari ketiga selepas hari penamaan calon. Pegawai-pegawai pemerintah pasukan atau wakil yang dilantik adalah bertanggungjawab untuk mengambil kertas-kertas undi secara terus dengan tangan dari pegawai pengurus pilihanraya dan mengedarkan kepada anggota-anggota pasukan untuk pemangkahan,

Bagi anggota-anggota yang bertukar atau bertukar keluar atau bertugas di luar pasukan, kertas-kertas undi akan dihantar ke pasukan atau tempat mereka bertugas melalui khidmat hantaran semboyan Angkatan Tentera. Kertas-kertas undi yang siap dipangkah akan diserahkan semula kepada pegawai pengurus pilihanraya kawasan sebelum jam 5.00 petang pada hari mengundi. Sampul yang mengandungi kertas undi diterima daripada pegawai pengurus pilihanraya kawasan secara berperingkat-peringkat dan disampaikan kepada pengundi-pengundi secara serah sendiri secepat mungkin. Penyampaian ini dibuat oleh seorang pegawai yang dilantik oleh pasukan. Beliau akan menentukan dan memastikan bahawa anggota yang sebenar mengikut daftar menerima kertas undi yang dikeluarkan. Beliau juga akan menandatangani borang perakuan sebagai saksi yang mana borang ini dipulangkan kepada pegawai pengurus pilihanraya.

Pengundian adalah urusan peribadi dan mereka bebas untuk memilih mana-mana calon yang mereka suka. Berdasarkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya, saya yakin tidak ada penyelewengan atau ketidakadilan dalam urusan mengenai pembuangan undi bagi anggota-anggota Tentera.

Tuan Ahmad bin Nor : (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Bayan Baru bangun, ya.

Tuan Ahmad bin Nor: Minta Penjelasan.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Masa tidak ada. Langkah-langkah yang sewajarnya telah diambil oleh Angkatan Tentera bagi melaksanakan Pilihanraya Umum adalah adil, bebas dan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Oleh itu, perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong adalah tidak berasas dan lebih merupakan satu tuduhan sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

6.54 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perbahasan atas Titah Di-Raja di Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat supaya Muzium Negara dan Arkib Negara mengadakan pameran berkisar kepada keusahawanan sebagai usaha untuk meninggalkan pengetahuan dan menanam budaya keusahawanan di kalangan rakyat Malaysia, suka dinyatakan bahawa cadangan tersebut boleh diberikan pertimbangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Muzium Negara menganjurkan pameran-pameran yang menitikberatkan aspek kebudayaan sama ada di dalam atau di luar negeri

sejajar dengan mandat penubuhan Jabatan Muzium yang dipertanggungjawabkan untuk memelihara, menyelidik, mengenang serta menyebarkan ilmu-ilmu pengetahuan mengenai bidang ini. Namun begitu, Muzium Negara juga menyediakan pameran yang mempunyai unsur-unsur ekonomi dan sains yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai khususnya yang berkaitan dengan sesuatu dasar Kerajaan seperti pameran jagung, pameran kelapa sawit dan sebagainya.

Muzium Negara juga seringkali bekerjasama dengan pihak-pihak tertentu yang hendak mengadakan pamerannya di Muzium Negara bukan sahaja berhubung dengan bidang kebudayaan, tetapi juga dalam berbagai bidang yang lain. Dalam hal ini, jika ada persatuan-persatuan keusahawanan yang hendak mengadakan pamerannya di Muzium Negara, pihak Muzium bersedia untuk bekerjasama dalam mengadakan pameran yang dicadangkan tersebut. Walau bagaimanapun, ini bergantung kepada keadaan dan syarat-syarat tertentu.

Di samping itu, wakil Pengarah Muzium pula dapat membantu mengadakan pameran dengan menggunakan bahan-bahan yang ada di dalam simpanannya dari aspek sejarah perusahaan khususnya bahan-bahan utama seperti getah, bijih timah dan sebagainya yang boleh dikaitkan dengan sejarah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pembangunan infrastruktur pelancongan di daerah Lumut dan Pulau Pangkor seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lumut, suka saya menyatakan bahawa bagi keseluruhan kawasan negeri Perak, daerah Lumut dan Pulau Pangkor telahpun dipilih sebagai kawasan yang utama yang akan diberi perhatian di dalam pembangunan

industri pelancongan di negeri Perak disebabkan oleh kawasan ini yang mempunyai banyak sumber-sumber tarikan pelancongan. Program-program pembangunan infra-struktur pelancongan daerah Lumut dan Pangkor sedang dirangka untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Di samping itu, pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui Urusetia Tahun Melawat Malaysia telahpun memberi sumbangan kewangan sebanyak \$100,000 untuk Pesta Lumut 1990 dan \$165,000 untuk membeli 'beach comber' bagi mencuci pantai di kawasan tersebut. Bagi tujuan promosi pula, pihak Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah menerbitkan sebuah risalah khas mengenai Pangkor, Lumut berjumlah 100,000 naskhah dan risalah ini telah diedarkan ke semua pejabat Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia di luar negeri bertujuan untuk memaklumkan kepada pelancong-pelancong akan keindahan tempat ini,

Di samping itu, Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah menampung perbelanjaan bagi melengkapkan Pusat Penerangan Pelancongan di Lumut yang telah dibuka dengan rasminya oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan baru-baru ini. Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia juga sedang membuat persediaan untuk menempatkan kakitangan di Pusat Penerangan Pelancongan di Lumut ini. Oleh yang demikian, sukacitalah dinyatakan bahawa Kerajaan memang telah dan akan memberi perhatian yang serius terhadap pembangunan pelancongan di Pulau Pangkor dan Lumut,

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

6.59ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yung Khoon Seng): Tuan Yang di-Pertua, Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara-perkara di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Memandangkan bahawa Kementerian ini baru diwujudkan, segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian yang serius dalam menjalankan tugas, tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa perpaduan negara harus menjadi batu asas yang penting dalam usahanya untuk mencapai sebuah negara yang aman, stabil dan makmur.

Atas kesedaran inilah Kerajaan baru-baru ini telah mewujudkan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk meningkatkan lagi perpaduan dan kebajikan rakyat. Tujuan Kementerian baru ini ialah untuk menyelaras dan melaksanakan program dan aktiviti supaya dapat mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang sejahtera dan beridentiti sendiri dengan penduduknya yang berbilang kaum dan agama, bersatupadu, berkualiti, berdiskari dan mengamalkan budaya ikram.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar telah menyentuh tentang kempen yang telah dilakukan oleh beberapa parti politik berasaskan kepada soal perkauman, dengan izin, chauvinistic dan perkara seperti ini akan menjejaskan perpaduan rakyat. Kerajaan memang sedar adanya anasir-anasir yang kurang bertanggung-

jawab yang cuba memecahbelahkan rakyat dengan mencari kepentingan diri atau parti. Dalam keadaan ini saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan ragu-ragu untuk bersikap tegas serta mengambil tindakan undang-undang jika difikirkan perlu bagi mencegah perbuatan seperti itu.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah menyentuh tentang janji pemimpin-pemimpin semasa pilihan raya yang telah selesai baru-baru ini yang boleh memecahbelahkan perpaduan rakyat. Saya ingin menggariskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah satu Kerajaan yang berwibawa dan segala janji oleh pemimpinnya adalah untuk kebaikan dan kepentingan semua rakyat dan bukan kepada kumpulan-kumpulan tertentu sahaja.

Tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang, suka saya menjelaskan bahawa perpaduan bukanlah satu perkara yang mudah dapat dicapai dalam masa yang singkat. Walau bagaimanapun, sejak kemerdekaan kejayaan Kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat yang aman dan bersatu padu adalah ternyata jika dibandingkan dengan lain-lain negara.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan merupakan satu proses yang akan memakan masa. Tanggungjawab untuk mencapai tujuan tersebut bukanlah tanggungjawab Kerajaan sahaja tetapi merupakan satu tanggungjawab bersama yang perlu dipikul oleh setiap rakyat Malaysia. Dalam negara kita yang berbilang kaum dan agama, tindakan wajar tidaklah wajar untuk Kerajaan berpegang kepada sesuatu ideologi yang sempit dalam usaha mencapai perpaduan rakyat. Apa yang penting ialah untuk menggubalkan dasar-dasar yang seimbang dengan keadaan di negara kita yang dapat diterima serta disokong oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan Kerajaan terhadap perpaduan negara memang adalah termaktub dalam Rukunegara dan dasar-dasar Kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pendidikan dan lain-lain, pihak Kerajaan sentiasa mengemaskinikan dasar-dasar ini dari masa ke semasa dengan tujuan untuk meningkatkan lagi perpaduan rakyat.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Santubong, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat berse"itu dengan pandangannya bahawa maklumat lentang Dasar Wanita Negara perlu disebarkan secara lebih luas lagi di kalangan orang ramai. Saya ucapkan ribuan terima kasih atas cadangan tersebut dan ingin memaklumkan bahawa tindakan akan diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerai membangkitkan kes dua kanak-kanak yang dianiayai di Terengganu. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bersama Polis dan pihak Hospital sedang mengambit tindakan. Saya berharap masyarakat juga akan tampil ke hadapan memberi laporan sekiranya ada pengetahuan kes-kes penganiayaan kepada Jabatan Kebajikan supaya tindakan segera boleh diambil.

Akhirnya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat atas segala ulasan dan cadangan yang telah dikemukakan berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Sumber Manusia.

7.06 mlm.

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek); Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan atas Titah Di-Raja dengan memberi pandangan dan teguran-teguran yang berkaitan dengan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia. Semua pandangan, teguran dan syor-syor daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu sudah tentu akan mendapat perhatian dan pertimbangan sewajarnya oleh Kementerian Sumber Manusia dan saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi penjelasan ke atas cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bagan dan Yang Berhormat dari Kuala Langat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan permintaan daripada Yang Berhormat dari kawasan Bagan supaya digubal satu dasar yang boleh menjamin kehidupan pekerja-pekerja mahir bagi menarik pekerja-pekerja yang bekerja di luar negeri kembali ke negara ini, saya ingin menjelaskan bahawa Malaysia mengamalkan sistem ekonomi yang bebas, oleh itu Kerajaan tidak boleh menghalang pekerja-pekerja, termasuk pekerja-pekerja mahir, untuk bekerja di luar negeri bagi memperolehi pendapatan yang lebih baik.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa negara-negara lain yang turut mengamalkan sistem ekonomi yang bebas juga mengalami pengaliran keluar pekerja-pekerja mahir atas sebab yang sama. Pendek kata, perkara ini adalah merupakan satu amalan dalam konteks mobiliti buruh di peringkat antarabangsa, di samping itu Kerajaan juga tidak menghalang mereka yang telah bekerja di luar negeri untuk kembali dan memasuki semula pasaran buruh dalam negeri. Dalam perkara ini majikan-majikan juga perlu memainkan peranan yang penting khususnya dari

segi memperbaiki lagi terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan supaya dapat terus mengekalkan pekerja-pekerja mereka. Di samping itu, majikan-majikan juga boleh melaksanakan dasar-dasar personnel yang kreatif dan innovative dalam mcngamalkan style, dengan izin, pengurusan yang mementingkan kebajikan pckcrja-pekerja serta memberi peluang kcpada pekerja-pekerja untuk maju dalam kejayaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Kuala Langat, Kerajaan memang sedar mengenai ketidaksepadanan di antara permintaan dan penawaran tenaga kerja, malahan perkara ini telah pun dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai latihan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia.

Justeru uu bagi mengatasi perkara tersebut, Jawatankuasa Kabinet berkenaan telah merumuskan beberapa perakuan yang dapat mempertingkatkan hubungan di antara institusi-institusi pengajian latihan dengan pihak swasta. Perakuan-perakuan tersebut sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. Di antara perakuan-perakuan tersebut adalah seperti berikut:

- (1) mewujudkan Jawatankuasa Penasihat Tetap di mana majikan-majikan akan memainkan peranan yang penting dari segi pembangunan tenaga kerja, baikdiperingkatpengajian tinggi mahupun dipringkat institusi latihan. Bagi Institut Latihan Perindustrian di bawah Kementerian Sumber Manusia, Jawatankuasa-jawatankuasa Penasihat Setempat telah pun ditubuhkan bagi setiap institut untuk membolehkan majikan-majikan setempat memainkan peranan yang penting, khususnya

dalam menentukan Kurikulum-kurikulum yang sesuai dan selaras dengan keperluan sektor swasta;

- (2) menubuhkan program latihan dalam kemahiran yang tertentu bagi memenuhi keperluan swasta;
- (3) menggalakkan penubuhan Pusat Latihan yang khusus dengan penglibatan sektor swasta sendiri, contohnya Pusat Pembangunan Kemahiran di Pulau Pinang;
- (4) menggalakkan sektor swasta terus melibatkan diri dalam penggubalan program-program latihan amali supaya akan lbih berkesan;
- (5) mengadakan program-program latihan yang khas pada hujung minggu dan sebelah petang bagi pekerja-pekerja sektor swasta; dan
- (6) membenarkan sektor swasta menyewa kemudahan dan ruang latihan bagi membolehkan mereka menjalankan kursus di Institusi-institusi Latihan Awam.

Di samping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi membolehkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih aktif dalam perancangan dan pembangunan sumber tenaga manusia di peringkat mahir dan separuh mahir. Di bawah Majlis ini terdapat beberapa Jawatankuasa Penasihat Ketukangan yang dianggotai sepenuhnya oleh wakil-wakil sektor swasta dalam bidang-bidang yang tertentu.

Peranan Jawatankuasa ini adalah untuk menasihatkan dan seterusnya membuat kajian tentang latihan dan latihan semula yang diperlukan oleh sektor swasta, kurikulum piawaian dan peringkat persijilan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun membahaskan dan menyentuh perkara-perkara mengenai Kementerian Sumber Manusia dan mana-mana perkara yang tidak saya beri jawapan di sini, saya akan beri perhatian yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Belia dan Sukan.

7.14 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya dengan ringkasnya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jerai sebentar tadi dan terima kasih saya ucapkan kepada beliau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang sedar masih lagi terdapat segelintir belia yang dikatakan anti nasional oleh Yang Berhormat tadi. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian sekarang ini sedang mengkaji, mengatur dan mempertingkatkan lagi beberapa program tertentu untuk menggalakkan lebih ramai lagi kaum belia di negara kita ini melibatkan diri mereka dalam 3 bidang yang besar, iaitu:

- (i) bidang kepimpinan yang berkualiti;
- (ii) bidang kemahiran yang mempunyai nilai komersial yang tinggi; dan
- (iii) bidang keusahawanan yang lebih profesional.

Juga pada masa yang sama, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian akan menyediakan lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan tempat riadah bagi belia-belie mengisi masa lapang dan juga bersukan.

Mengenai masalah Persatuan Belia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ladi, saya tidak berhajat untuk menjawab di sini, kerana salah satu daripada Persatuan Belia yang terbesar di negara kita iaitu Belia 4B masih lagi "pending" di Mahkamah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jabatan Perdana Menteri.

7.17 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, terlcmbh dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Ucapan Di-Raja dan seterusnya memberi pandangan, teguran dan syor-syor yang membina terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Di dalam tumpuan perbahasan atas Titah Ucapan Di-Raja selama 3 hari, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berbagai perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, terutamanya mengenai Dasar Ekonomi Baru, pilihanraya, penswastaan, penerapan nilai-nilai murni dan hal ehwal Islam, kemiskinan dan proses perundangan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cuba menjawab semua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara keseluruhannya, memandangkan kebanyakan perkara yang dibangkitkan ada kait-mengait di antara satu sama lain, di samping itu setengah daripada perkara-perkara yang dibangkitkan ada sedikit sebanyak persamaan dengan pertanyaan-pertanyaan mulut semasa Dewan ini bersidang. Walau bagaimanapun, saya akan cuba menjawab semula secara umum perkara-perkara yang dibangkitkanitu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan amatlah bersetuju dengan pandangan dan ulasan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut dan Yang Berhormat dari Kluang yang telah memahami dengan jelasnya akan usaha-usaha Kerajaan dalam membangun dan memajukan negara ini. Kerajaan memang mengambil berat terhadap kepentingan rakyat terutama dalam bidang ekonomi dan sosial serta memajukan bidang-bidang lain seperti pendidikan, pertanian dan meningkatkan lagi mutu dan produktiviti di semua peringkat.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang berkaitan dengan dasar penswastaaan, dimaklumkan bahawa sebelum sesuatu projek atau agensi diswastakan, Kerajaan mengkaji dan meneliti faktor-faktor dan kriteria-kriteria tertentu berhubung dengan projek-projek atau agensi-agensi berkenaan yang hendak diswastakan itu. Antara faktor-faktor tersebut ialah, projek itu mestilah berdaya maju, kesannya terhadap orangramai dan faktor-faktor sosial yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan bahawa berlakunya politik wang dan rasuah dalam pilihanraya yang lalu, khususnya di Gua Musang di mana dikatakan parti UMNO membeli pengundi-pengundi dan pekerja-pekerja pilihanraya untuk mengalahkan pihak lawan. Ahli Yang Berhormat yang berkenaan juga menggesa supaya Kerajaan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Di-Raja untuk menyasat perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan yang dilemparkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah merupakan tohmahan-tohmahan yang lidak berasas sama sekali. Janganlah menggunakan alasan politik wang dan rasuah sebagai alasan yang murah untuk memberikan sebab-sebab kekalahan parti

Pembangkok. Sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mempunyai cukup bukti atau keterangan tentang tohmahan itu, saya nasihatkan supaya Ahli Yang Berhormat berkenaan membuat laporan rasmi kepada Badan Pencegah Rasuah Malaysia atau Suruhanjaya Pilihanraya dan janganlah menggunakan Dewan yang mulia ini sebagai landasan untuk memburuk-burukkan Kerajaan Barisan Nasional dengan tuduhan-tuduhan yang liar.

Badan Pencegah Rasuah dan Suruhanjaya Pilihanraya telah dibekalkan dengan kuatkuasa undang-undang yang secukupnya dan kedua-dua badan ini berkemampuan untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap kes-kes rasuah asalkan ada saksi-saksi dan keterangan-keterangan yang sah untuk membuktikan kes berkenaan. Dengan yang demikian pihak Kerajaan tidak perlu lagi menubuhkan satu badan lain untuk menyasat perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengenai perlantikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dan Ketua Menteri Sabah sebagai Pengarah Gerakan Negeri ataupun Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri bukanlah merupakan muslihat politik. Ianya adalah dibuat atas kepentingan keselamatan negara. Soal keselamatan negara baik di peringkat negeri atau Persekutuan adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Barisan Nasional di peringkat Pusat memastikan segala perancangan dasar dan tindakan bagi mengawal keadaan keselamatan di negeri-negeri berkenaan selaras dengan dasar Kerajaan Persekutuan.

Sejak kebelakangan ini ada kenyataan yang tidak berasas dari Kerajaan Negeri Kelantan dan Sabah yang tidak sehaluan dengan dasar dan pendirian Kerajaan Persekutuan dalam beberapa isu

keselamatan. Jika Kerajaan Negeri berkenaan terus menggunakan isu-isu keselamatan bagi kepentingan politik mereka, Kerajaan Persekutuan khuatir ianya akan menjejaskan kepentingan keselamatan negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, isu keselamatan adalah isu yang sangat sensitif terutamanya bagi negeri yang bersempadan dengan negara-negara asing seperti Kelantan dan Sabah. Banyak dari isu keselamatan di negeri berkenaan menyentuh hubungan dua hala dengan negara-negara berjiran yang sensitif. Oleh kerana terdapatnya perbezaan dasar atau pandangan politik di antara Kerajaan Negeri yang diterajui oleh parti Pembangkang dengan Kerajaan Persekutuan, maka adalah sukar bagi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri berkenaan membincangkan isu-isu yang sensitif di mana Pengerusinya mempunyai dasar dan pandangan politik yang berbeza dengan dasar dan pandangan Kerajaan Persekutuan. Bagi mengelakkan perkara seumpama itu dari berlaku yang mana boleh menjejaskan kepentingan keselamatan negara, maka Kerajaan Pusat berpandangan adalah wajar jawatan Pengarah Gerakan Negeri diambilalih oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengarah Gerakan Negara.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, ini tidaklah bermakna Kerajaan Pusat Barisan Nasional meragui ketaatsetiaan kepimpinan Kerajaan Negeri yang diterajui oleh parti Pembangkang. Tetapi dari pengalaman-pengalaman lalu ada parti-parti Pembangkang seperti DAP yang tidak memberikan perhatian serius kepada isu-isu keselamatan negara. Jarang-jarang umpamanya kita mendengar suara-suara lantang dari pemimpin-pemimpin DAP mengecam pengganas-pengganas komunis dari PKM yang membunuh pegawai pasukan keselamatan kita secara, dengan izin, cold-blooded murder. Dalam keadaan

scumpama ini adalah jelas bahawa patii-parti Pembangkang seperti DAP tidak meletakkan perkara keselamatan di atas kepentingan politik mereka. Justeru itu Kerajaan Barisan Nasional berpendapat demi menjaga kepentingan keselamatan negara adalah wajar perkara-perkara berkaitan dengan pentadbiran keselamatan di negeri-negeri berkenaan diambilalih oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan Yang Berhormat dari Tanjong bahawa pilihanraya umum tahun ini kotor dan tidak bebas adalah tidak

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Nilam Puri bangun.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Saya tidak beri jalan kerana masa tidak cukup—tidak tepat sama sekali. Para ahli kumpulan pemerhati Komanwel telah membuat tinjauan dan penyiasatan dan dalam laporan rasmi mereka ahli-ahli kumpulan tersebut telah memuji Kerajaan Malaysia dan juga Suruhanjaya Pilihanraya kerana telah berjaya mengendalikan pilihanraya umum dengan cekap, bebas dan adil, berlandaskan kepada undang-undang di negara ini. Kumpulan pemerhati yang telah memuji rakyat Malaysia yang mempunyai kesedaran yang tinggi kepada pilihanraya umum dan sistem politik. Antara rumusan-rumusan penting yang dibuat oleh Kumpulan Pemerhati Komanwel ialah:

- (i) mereka telah mendapat kerjasama yang baik ketika melaksanakan tugas-tugas mereka sebagai pemerhati pilihanraya;
- (ii) proses penamaan calon telah berjalan dengan lancar dan teratur;

- (iii) proses pengundian berjalan dengan lancar teratur dan cekap. Pemilihan lempat-tempat mengundi adalah baik, peralatannya cukup dan penerangan yang jelas telah diberi kepada pegawai dan kakitangan yang bertugas serta wakil-wakil calon; dan
- (iv) proses pengiraan undi telah dijalankan dengan teratur dan kemas dengan mematuhi peraturan dan prosidur serta diawasi oleh pegawai-pegawai yang bertugas serta calon atau wakil calon.

Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa aspek yang telah dibangkitkan dalam laporan mereka yang tidak tepat dan mungkin boleh memberi gambaran yang salah dan berat sebelah terhadap pilihanraya umum yang lepas. Di antaranya ialah peluang liputan media masa yang terhad untuk parti-parli Pembangkang, tempoh kempen terlalu singkat dan tidak memihak kepada parti Pembangkang, kesulitan bagi parti Pembangkang untuk mengadakan kempen pilihanraya kerana sukar memperolehi permit dan percanggahan senarai daftar pemilih.

Kerajaan berpendapat bahawa aspek-aspek yang tidak tepat yang telah dibangkitkan oleh Pasukan Pemerhati Pilihanraya itu adalah disebabkan mereka membuat laporan berasaskan berita-berita yang mereka perolehi daripada akhbar-akhbar bahasa Inggeris sahaja. Sebaliknya mereka telah gagal membuat penganalisan terhadap akhbar-akhbar bukan bahasa Inggeris seperti akhbar-akhbar Bahasa Malaysia, Cina, Tamil serta juga akhbar-akhbar yang diterbitkan oleh parti Pembangkang. Dalam pada itu juga Kumpulan Pemerhati mungkin tidak menyedari tindak-tanduk parti-parti Pembangkang yang antaranya memulaukan beberapa akhbar-akhbar iaitu *The New Straits Times*, *Berita Harian* dan

Utusan Melayu sehingga ada yang telah sanggup bertindak membakar akhbar-akhbar tersebut. Di samping itu Kumpulan Pemerhati juga tidak menyedari bahawa ada parti Pembangkang yang enggan menerima liputan televisyen misalnya TV3.

Kerajaan akan mengedarkan laporan lengkap Kumpulan Pemerhati Pilihanraya berserta dengan ulasan Kerajaan mengenai perkara-perkara yang disentuh kepada umum sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Mesyuarat-mesyuarat Kerajaan-kerajaan Negeri dengan Persekutuan.....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, hendak beri jalan?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tidak.

Mengenai Mesyuarat-mesyuarat Kerajaan-kerajaan Negeri dengan Persekutuan, Ketua-ketua Kerajaan Negeri Kelantan dan Sabah hanya lidak dijemput menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan forum-forum yang diwujudkan secara pentadbiran oleh kerana mesyuarat-mesyuarat dan forum tersebut diadakan bagi maksud menyelaraskan kegiatan-kegiatan perhubungan dan mengendalikan urusan-urusan serta menyelesaikan isu-isu dan masalah-masalah yang menyentuh kepentingan bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional. Sungguhpun kedua-dua Ketua Kerajaan Negeri Kelantan dan Sabah tidak dijemput hadir tidaklah bermakna bahawa keperluan-keperluan dan hak

serta kepentingan rakyat di kedua-dua buah negeri berkenaan akan diabaikan, kepentingan rakyat di kedua-dua negeri itu akan terus diberi perhatian dan diutamakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Sebagai contoh, pemimpin-pemimpin tertentu telah dikenalpasti untuk mewakili kepentingan negeri-negeri berkenaan seperti Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan menjadi wakil negeri Kelantan dan Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi bagi negeri Sabah, dalam Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri. Ketua-ketua Kerajaan negeri Kelantan dan negeri Sabah akan tetap dijemput hadir dalam semua mesyuarat Majlis-majlis yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan dan undang-undang lain seperti Majlis Tanah Negara, Majlis Kewangan Negara dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan.

Mengenai anggapan bahawa Kerajaan Persekutuan akan mengurangkan peruntukan kepada negeri-negeri Kelantan dan Sabah, perlu ditegaskan di sini bahawa ianya adalah tidak benar sama sekali. Peruntukan kepada kedua-dua buah negeri berkenaan akan disalurkan melalui saluran-saluran tertentu yang mencerminkan peruntukan itu sebenarnya datang dari Kerajaan Persekutuan. Seterusnya Kerajaan akan tetap melaksanakan program dan projek-projek sosial seperti memberi bantuan kepada rakyat miskin, kanak-kanak, orang-orang cacat dan bantuan buku-buku sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, hak keistimewaan dan taraf Raja-Raja Melayu sudahpun jelas

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Nilam Puri bangun.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tidak. Hak keistimewaan dan taraf Raja-Raja Melayu sudahpun jelas diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan-perlembagaan Negeri. Bidangkuasa, darjat dan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Negara Malaysia dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja di negeri masing-masing adalah tetap terpelihara di sisi undang-undang dan diterima oleh rakyat dari semua kaum dan lapisan masyarakat. Tidak ada mana-mana pihakpun sama ada individu atau kumpulan yang boleh diragukan ketaatan mereka kepada Raja dan Kerajaan dan belum menerima laporan mengenai adanya mana-mana pihak yang mempersoalkan bidangkuasa serta menghadkan golongan masyarakat tertentu yang menjadi rakyat kepada Raja.

Berhubung dengan perkara ini tuduhan bahawa ada orang yang mengatakan bahawa kononnya Raja-Raja hanya Raja kepada rakyat kaum Melayu sahaja adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat bahawa cadangan pembatalan nama 'Kampung Baru' adalah satu perkembangan yang baik dalam usaha ke arah memajukan kawasan dengan pengagihan kekayaan dan kemudahan-kemudahan awam secara lebih sama rata dan saksama. Alternatif baru yang konkrit untuk membangunkan lagi penduduk-penduduk Kampung Baru memang sudah ditetapkan oleh Kerajaan. Kampung-kampung yang selama ini dipanggil Kampung Baru yang terletak di kawasan luar bandar akan menerima peruntukan pembangunan di bawah sektor luar bandar, manakala yang terletak dalam kawasan-kawasan bandar akan menerima peruntukan bagi sektor bandar mengikut projek melalui Penguasa-penguasa Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang yang mengatakan kononnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah berbentuk perkauman dan hanya memberi manfaat kepada segolongan kecil kaum bumiputera sahaja, nampaknya Yung Berhormat yang bcrkenaan masih lagi tidak begitu jelas dcngan falsafah dan hasrat DEB yang bertujuan untuk mengimbang kedudukan sosio-ekonomi berbagai kaum di negara ini. Oleh kerana matlamat DEB sedcmikian rupa, maka tentulah cara-cara pelaksanaannya juga menggambarkan pendekatan yang memberi keutamaan kepada setengah-sctengah golongan yang ketinggalan.

Oleh kerana sebahagian besar golongan yang ketinggalan adalah merupakan bumiputera, maka dengan sendirinya bermakna kaum bumiputera sepatutnya diberi perhatian lebih berbanding dengan kaum-kaum lain. Dalam pada itu DEB memberi perhatian kepada nasib golongan lain terutamanya golongan miskin di negara ini tanpa mengira kaum.

Mengenai dasar Kerajaan tidak mengikil unsur-unsur Islam dan lebih mirip kepada kebendaan. Perlu dijelaskan bahawa dasar-dasar Kerajaan tidak semata-mata bertujuan untuk memberi kemajuan kebendaan sahaja, malah dasar pembasmi kemiskinan yang merupakan salah satu daripada dua tujuan Dasar Ekonomi Baru seperti program pembangunan rakyat termiskin yang menumpukan mereka yang fakir sebagai golongan sasaran adalah bersesuaian dengan kehendak Islam sendiri. Di samping itu, Dasar Pendidikan pula mempunyai matlamat-matlamat membentuk manusia yang sempurna dari segi rohani dan jasmani.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat dari

Tanjong supaya ditubuhkan Suruhanjaya Penyiasatan Di-Raja mengenai kes BMF, Kerajaan setakat ini tidak bercadang untuk mewujudkan sebuah badan penyiasatan seperti yang dimaksudkan itu. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, semua kes yang dibawa untuk pengadilan mestilah dipertimbangkan mengikut proses undang-undang atau, dengan izin, the Rules of Law sccara adil supaya seseorang yang terlibat dalam sesuatu kes itu tidak dianiyai. Dalam hal BMF, proses undang-undang perlu juga diikuti supaya pengadilan yang adil dapat dibuat.

Mengenai kumpulan yang menamakan diri sebagai 'Pengesas Pilihanraya' atau Election Watch, dengan izin, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, perlu dijelaskan bahawa kumpulan ini dianggotai oleh orang-orang yang dengan jelas telah menunjukkan sikap anti-Kerajaan. Mereka ini bukanlah orang-orang yang boleh dianggap berkecuali. Dan oleh itu sebarang pendapat atau kesimpulan yang dibuat oleh kumpulan ini adalah tidak adil dan berat sebelah. Ini termasuklah kesimpulan yang telah mereka buat mengenai dengan perjalanan Pilihanraya Umum 1990.

Dakwaan kononnya banyak terdapat dalam keadaan tertentu nama-nama pemilih tidak terdapat dalam Daftar Pemilih yang digunakan dalam pilihanraya umum yang lalu, dakwaan ini tidak betul. Apa yang mungkin berlaku ialah tempat mengundi bagi seseorang pemilih itu telah berpindah ke tempat lain berikutan dengan urusan pembelah bagi daerah mengundi yang sentiasa dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya demi menyenangkan orangramai membuang undi. Pemilih-pemilih sepatutnya telah menyemak lebih awal lagi tempat-tempat di mana mereka akan mengundi melalui perkhidmatan

enquiry, dengan izin, yang disediakan oleh SPR. Begitu juga untuk menentukan nama seseorang pemilih itu ada dalam Daftar Pemilih. Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap orang pemilih menyemak nama mereka ketika Daftar Pemilih itu dipamerkan.

Mengenai dengan sistem pengiraan undi ditempat mengundi, perkara ini telah dibincangkan dengan panjang lebar dan terperinci ketika pindaan kepada undang-undang yang berkailan dibentangkan di Parlimen. Sistem ini pada keseluruhannya telah diterima dengan baik oleh semua pihak termasuk tokoh-tokoh parti Pembangkang yang telah terbukti dapat dilaksanakan dengan memuaskan dalam pilihanraya umum yang lalu dan juga beberapa pilihanraya kecil.

Selain dari keputusan pilihanraya dapat diketahui lebih awal, sistem pengiraan undi secara baru ini telah melenyapkan tohmahan-tohmahan setengah pihak yang mengatakan terdapat penipuan ketika pengiraan undi dijalankan. Ini disebabkan pengiraan undi cara baru ini melibatkan jumlah kertas undi yang sedikit dan ianya dijalankan di hadapan dan di bawah penguasaan rapi ejen-ejen mengira undi yang mewakili calon-calon yang bertanding. Sistem baru ini masih menjamin kerahsiaan undi dalamerti kata tidak diketahui kepada siapakah undi yang diberi oleh seseorang individu itu.

Dakwaan-dakwaan tentang berlakunya penyelewengan-penyelewengan undi pos adalah merupakan perkara lama yang telah sering dibangkitkan. Walau bagaimanapun sehingga hari ini tidak ada sebarang bukti yang jelas yang dapat dikemukakan bagi menyokong berlakunya penyelewengan tersebut bagi membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan siasatan. Setakat hari ini Kerajaan berpuas hati

bahawa pengundian secara pos telah ditadbirkan dengan baik dan yang mengundi secara pos dapat membuat pilihan secara bebas tanpa sebarang ugutan. Walau apapun perkara yang dibangkitkan mengenai dengan dakwaan berlakunya kelemahan-kelemahan atau penyelewengan dalam pilihanraya umum yang lalu, mereka yang terkilang boleh membawa kes-kes itu ke mahkamah melalui petisyen pilihanraya.

Mengenai petugas pilihanraya yang terdiri daripada penyokong parti seperti dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang, adalah menjadi hasrat Suruhanjaya Pilihanraya untuk melantik mereka yang tidak memegang jawatan penting dalam mana-mana parti politik membantu mengendalikan pilihanraya umum yang lalu. Memandangkan jumlah kakitangan yang terlibat dalam pilihanraya umum yang lalu terlalu besar iaitu kira-kira 90,000 orang, mungkin ada dua atau tiga orang penyokong parti yang secara tidak sengaja telah terlantik. Walau bagaimanapun, semua kakitangan pilihanraya ini telah diberi ingatan dan amaran supaya mengendalikan pilihanraya ini secara adil dan saksama. Sekali lagi jika ada pihak yang tidak berpuas hati dengan tindak-tanduk kakitangan pilihanraya ini, mereka boleh membawa kes itu ke mahkamah melalui petisyen pilihanraya.

Dakwaan Yang Berhormat mengenai dengan pemilih-pemilih yang di import adalah tidak jelas. Proses pendaftaran pemilih telah dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan di mana daftar pemilih itu telah dipamerkan untuk tuntunan dan bantahan sebelum disahkan. Daftar pemilih yang digunakan dalam Pilihanraya Umum 1990 telah melalui proses tersebut. Oleh itu jika nama seseorang itu terdapat dalam Daftar Pemilih, pemilih itu adalah berhak untuk mengundi dalam bahagian yang berkenaan. Adalah dimaklumkan

bahawa jika seseorang pemilih itu telah bertukar atau berpindah dan dia tidak pernah memohon untuk mendaftar di tempat yang baru, ia berhak untuk kembali mengundi di tempat asalnya.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, komen, pandangan serta syor-syor yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Saya mohon maaf sekiranya saya tidak berkesempatan menjawab atau menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Namun demikian, perkara ini telah dicatat dan akan diambil perhatian oleh Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Larut yang berbunyi:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yusuf Izuddin Ghafarullahu-lahu Shah, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan bcrbanyak-banyak

syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelapan",

hendaklah dipersetujukan.

Usul dlkemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sullan Azlan Muhibuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yusuf Izuddin Ghafarullahu-lahu Shah, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelapan."

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dilangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewanditangguhkanpadapukul7.40 malam.